
Majlis
Hari Kualiti
2011
18 Mei 2011
Dewan Besar UTeM

ISI KANDUNGAN

KATA-KATA ALUAN NAIB CANSELOR UTeM	3
VISI, MISI MOTO DAN OBJEKTIF UTeM	4
ATUR CARA MAJLIS HARI KUALITI 2011	
PENGURUSAN PENILAIAN PRESTASI UNIVERSITI	6
FAKTA PENILAIAN PRESTASI 2010	6
IKRAR INTEGRITI PERKHIDMATAN AWAM	
LAGU NEGARAKU, UTeM TERBILANG, PERKHIDMATAN AWAM DAN KUALITI	9
ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG 2010	11

Kata-Kata Aluan Naib Canselor UTeM



Bismillahirrahmannirrahim

Assalamualaikum Warahmahtullahi Wabarakatuh dan Salam Sejahtera

Alhamdulillah, saya bersyukur ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan taufik dan hidayah-Nya, Sambutan Hari Kualiti, Universiti Teknikal Malaysia Melaka dapat diadakan pada tahun 2011 ini. Sambutan Hari Kualiti merupakan amalan tahunan yang bertujuan menghargai jasa baik warga Universiti yang telah banyak menyumbang keringat dan komitmen untuk memastikan kecemerlangan universiti terus menjadi aspirasi utama. Sambutan ini juga, diadakan sebagai tanda terima kasih, pihak Universiti dengan mengumumkan inisiatif-inisiatif kualiti di kalangan staf UTeM dengan menganugerahkan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) 2010 bagi mereka yang terpilih.

Sukacitanya saya mengambil kesempatan ini untuk merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada pihak penganjur, Pejabat Pendaftar dan Jawatankuasa terlibat untuk memastikan program hari ini terus terlaksana. Kepada yang dianugerahkan APC tahun ini, syabas dan tahniah, majlis pada hari ini memberi makna besar pada anda semua, selari dengan hakikat untuk terus menzahirkan hasrat menjadi jentera penggerak pembangunan Universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi, umumnya.

Masa kini, UTeM berada dalam kedudukan memperkasakan kewujudannya sebagai sebuah "Universiti Teknikal yang Kreatif dan Inovatif Terkemuka di Dunia". Untuk itu, kita perlu lebih berusaha untuk tampil dengan imej dan konsep kampus yang jelas dan unggul. Justeru itu, usaha ini memerlukan azam yang tepat untuk dijadikan arah tuju dan panduan untuk kita semua. Bertepatan dengan itu, pihak pengurusan tertinggi juga dalam kerangka memperkasakan sasaran baru Pelan Strategik UTeM bagi tempoh 2011-2015. Usaha ini bertujuan mendepani masa hadapan UTeM untuk terus berdiri kukuh melakukan transformasi Universiti bagi membawa pencapaian UTeM ke peringkat yang lebih tinggi. Sejajar dengan hasrat ini, UTeM akan menyediakan generasi muda yang berkeupayaan dalam memacu agenda pembangunan teknikal negara dalam bidang kejuruteraan & ICT untuk mencapai status negara berpendapatan tinggi. Dalam mengejar kepesatan pembangunan, kita perlu mencapai titik keseimbangan, iaitu menguruskan organisasi ini dengan sihat. Warga UTeM perlu membina landasan kesejahteraan dan bersifat lestari. Kesemua ini akan membantu melahirkan warga sejahtera dan harmoni. Dengan itu, kita semua dapat bekerja dalam suasana aman damai dalam satu pasukan. Pekerjaan yang baik hasilnya perlu dipuji dan dihargai manakala pekerjaan yang tidak mencapai tahap memuaskan seharusnya ditegur untuk penambahbaikan.

Sehubungan itu, Sambutan Hari kualiti hari ini, seharusnya dijadikan landasan untuk sama-sama kita mengharungi cabaran dalam menguruskan universiti ini. Saya menyeru agar kita memupuk amalan pekerjaan yang diamanahkan ini sebagai satu anugerah dan nikmat yang tidak terhingga oleh Allah S.W.T.

Akhir kata, saya mengambil kesempatan ini mengucapkan Selamat Menyambut Hari Kualiti dan teruskan membudayakan kecemerlangan dalam organisasi.

Sekian, Terima Kasih.

Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff Hassan
Naib Canselor

VISI

Menjadi Universiti Teknikal yang kreatif dan inovatif terkemuka di dunia.

MISI

Melahirkan ahli profesional yang bersahsiah murni, kompeten dan berketerampilan tinggi, melalui pendidikan teknikal berkualiti dan bertaraf dunia berteraskan pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan berorientasikan aplikasi dengan perkongsian pintar Universiti-Industri sejajar dengan aspirasi negara.

MOTO

Kompetensi Teras Kegemilangan

OBJEKTIF UTeM

1. Mengendalikan program akademik dan profesional berasaskan aplikasi yang sesuai dengan industri untuk melahirkan graduan dengan pengetahuan berkaitan, kemahiran teknikal dan kemahiran insaniah.
2. Membangunkan staf yang kompeten dan profesional-berilmu (K-profesional).
3. Memacu aktiviti penyelidikan dan pembangunan yang berteraskan industri strategik untuk menjana kekayaan nasional.
4. Menyediakan persekitaran yang kondusif dan mesra pelajar.
5. Memperkasa kepimpinan dan pentadbiran yang berkesan.
6. Memperkukuh kerjasama dan usaha sama dengan organisasi dan institusi antarabangsa.
7. Mempergiat aktiviti menjana pendapatan untuk mengurangkan kebergantungan kewangan.
8. Menawarkan program berasaskan pengetahuan, profesional dan akademik ke arah pembudayaan pembelajaran berterusan.

ATUR CARA
MAJLIS HARI KUALITI 2011

18 Mei 2011 (Rabu)
Dewan Besar, Universiti Teknikal Malaysia Melaka

8.30 pagi	-	Kehadiran semua staf UTeM
	-	Pendaftaran Penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010
8.45 pagi	-	Ketibaan Pegawai-pegawai Kanan Universiti
9.00 pagi	-	Ketibaan Naib Canselor UTeM Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
	-	Nyanyian Koir • Lagu Negaraku • UTeM Terbilang • Perkhidmatan Awam • Kualiti
	-	Bacaan Doa
	-	Ucapan Naib Canselor UTeM Y.Bhg. Prof. Datuk Dr. Ahmad Yusoff bin Hassan
	-	Tayangan video
	-	Majlis Penyampaian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang
	-	Sesi bergambar Penerima Anugerah bersama Naib Canselor
11.00 pagi	-	Jamuan makan
	-	Majlis bersurai

Berdasarkan kepada keputusan Mesyuarat Panel Pembangunan Sumber Manusia bil. 1/2010 yang telah diadakan pada 23 Mac 2011, mesyuarat pada dasarnya telah bersetuju dengan kuota pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) iaitu di antara 6% hingga 8%tertakluk kepada pencapaian prestasi PTj masing-masing. Walau bagaimanapun, pemberian kuota di setiap PTj adalah bergantung pada prestasi PTj tersebut dalam mencapai *Key Performance Indicator (KPI)* pada tahun dinilai.

Selain daripada itu, pemberian Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010 hendaklah diberikan mengikut Pusat Tanggungjawab dan Gred Kumpulan Perkhidmatan supaya taburan pemberian anugerah ini lebih seimbang dan adil merangkumi semua kumpulan perkhidmatan yang terdapat di Pusat Tanggungjawab terbabit.

Selaras dengan arahan di dalam Pekeliling Kemajuan Pentadbiran Awam Bilangan 2 Tahun 2002 "Garis Panduan Pemberian Anugerah Perkhidmatan Awam", staf yang menerima APC akan diberikan insentif dan hadiah seperti berikut:

a) Sijil perkhidmatan cemerlang;

b) Hadiah prestasi sebanyak RM1,000.00;

c) Peluang dan keutamaan untuk memajukan kerjaya seperti menghadiri kursus, seminar, atau persidangan yang boleh menyumbang kepada peningkatan prestasi kerja;

d) Peluang dan keutamaan bagi pencalonan untuk menerima pingat, bintang dan darjah kebesaran Persekutuan dan Negeri; dan

e) Nama dan gambar penerima dipamerkan di pejabat di lokasi yang strategik atau yang biasa dikunjungi orang ramai.

FAKTA PENILAIAN PRESTASI 2010

- Perolehan markah melebihi 90% menunjukkan prestasi staf amat cemerlang dan menyamai tahap terbilang;
- Perolehan markah melebihi 85% sehingga 89.9% menunjukkan prestasi cemerlang;
- Perolehan markah melebihi 80% sehingga 84.90% menunjukkan prestasi baik;
- Perolehan markah melebihi 60% sehingga 79.9% menunjukkan prestasi memuaskan;
- Perolehan markah melebihi 50% sehingga 59.9% menunjukkan prestasi sederhana;
- Perolehan markah kurang dari 50% peratus menunjukkan prestasi kurang memuaskan dan rendah;
- Bilangan penerima APC 2010 ialah seramai 142 orang.

IKRAR INTERGRITI PERKHIDMATAN AWAM

Kami, pegawai awam Malaysia, dengan sepenuh dan rela hati berikrar mempertahankan dan memperkukuhkan integriti perkhidmatan awam dengan mencegah dan membanteras segala bentuk rasuah, salah guna kuasa dan penyelewengan melalui tindakan-tindakan berikut:

Pertama	:	Berusaha memupuk dan mengamalkan nilai-nilai membenci rasuah;
Kedua	:	Menutup semua ruang dan peluang yang mendedahkan kepada amalan rasuah;
Ketiga	:	Bertindak tegas terhadap mereka yang melanggar undang-undang, peraturan dan etika jabatan;
Keempat	:	Bekerjasama sepenuhnya dengan mana-mana pihak untuk memerangi sebarang perlakuan jenayah rasuah;
Kelima	:	Bertindakan tegas terhadap mereka yang mencuba menggugat intergriti dan imej pegawai awam; dan
Keenam	:	Mematuhi sepenuhnya kod etika jabatan dan mengamalkan nilai-nilai murni yang berteraskan ajaran agama dalam melaksanakan tugas


Lagu

Negaraku

Negaraku
Tanah tumpahnya darahku
Rakyat hidup
bersatu dan maju

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
selamat bertakhta

Rahmat bahagia
Tuhan kurniakan
Raja kita
Selamat bertakhta

UTeM Terbilang

Di sini segala bermula
Cemerlang mencipta gemilang
Bertuah bumiku menyaksi
Bersama kita berjuang

Tersohor persada dunia
Senada wawasan negara
Melahir insan luhur jiwa
Mampan menambat dunia

C/o

Perkongsian pintar
Universiti dan industri
Kreatif inovatif
Pembelajaran teras
Aplikasi dan kompetensi
Tekad mencapai visi

Demi semangat negara
Kami mencurah bakti
Nasib pertiwi terus dibela
Kepada ibunda kami berjanji

UTeM ku cemerlang
UTeM ku gemilang
UTeM ku terbilang
UTeM terus berjuang

UTeM ku cemerlang
UTeM ku gemilang
UTeM ku terbilang
UTeM terus berjuang

Perkhidmatan Awam

Kita memegang amanah bangsa
Kita juga telah berikrar
Taat setia korban tenaga
Bela bangsa dan Negara

Etika kerja kita amalkan
Tekun jujur dan berbudaya
Gandakan hasil dan pembangunan
Berkhidmat, bakti berjasa

Agama asas pegangan
Perlembagaan Negara dijulang
Rukun Negara jadi pedoman

Kitalah benteng Malaysia

Kualiti

Apa saja yang susah
Akan menjadi mudah
Sekiranya semua
Bersatu berusaha

Kualiti teras kejayaan
Bertambah keuntungan
Kerja seikhlas hati
Sempurna pekerjayaan

Kita bantu-membantu
Bertukar-tukar fikiran
Bersatu kita maju
Kearah kemakmuran
Kita tegur-menegur, kerana kebaikan
Berusaha dengan jujur mencapai kejayaan


Pegawai Kanan



pensyarah dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Pada peringkat awal penubuhan universiti, saya telah membantu fakulti dalam penawaran program baru iaitu program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Kejuruteraan Komputer) terutamanya dalam aspek pembangunan kurikulum dan silibus. Pada tahun 2002, saya telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Kejuruteraan Telekomunikasi dan tugas pertama bagi saya adalah melaksanakan proses pemurnian program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Elektronik Telekomunikasi) sebelum ianya mula ditawarkan pada tahun 2003. Pada tahun 2002 juga, saya dilantik sebagai Pengetua Kolej Kediaman Taman Tasik Utama yang bertanggungjawab terhadap hal ehwal kebajikan pelajar dan memantau aktiviti mereka bagi pelajar yang menginap di asrama Taman Tasik Utama dan juga yang menginap di luar. Seterusnya, pada tahun 2007 saya dilantik oleh Universiti sebagai Timbalan Dekan (Akademik) FKEKK sehinggalah pada tahun 2009, saya telah diberi sepenuh kepercayaan oleh UTeM untuk mengetuai FKEKK sebagai Dekan. Walaupun saya banyak memegang jawatan pentadbiran di universiti namun tanggungjawab sebagai pensyarah tidak pernah diabaikan. Terima kasih kepada universiti di atas kepercayaan yang diberikan kepada saya selama ini sejak dari tahun 2001 sehinggalah kini.

Dari sudut akademik, Fakulti telah melaksanakan semakan semula kurikulum dan silibus bagi kesemua program Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik selaras dengan kehendak Majlis Akreditasi Kejuruteraan (EAC). Pencapaian yang paling membanggakan dalam aspek pengajaran dan pembelajaran adalah pensyarah fakulti mendapat maklumbalas rating yang tertinggi berbanding fakulti lain bagi Semester 2 sesi 2009/2010. Dalam aspek penyelidikan, fakulti adalah penerima geran Penyelidikan Jangka Pendek (PJP) yang tertinggi di samping geran luar seperti ScienceFund dan FRGS. Pencapaian Fakulti dalam pameran penyelidikan dan inovasi juga amat memberangsangkan dengan beberapa anugerah dan pingat dimenangi sama ada di peringkat kebangsaan atau antarabangsa. Fakulti juga menjalin hubungan kerjasama dengan beberapa industri dalam dan luar negara melalui pemeteraian MoU dan MoA seperti syarikat Off-Shore Geosurvey Sdn. Bhd., Man & Te (Korea) Co. Ltd., Significant Technologies Sdn. Bhd., Orionplex Sdn. Bhd. dan MIMOS Bhd. Dari segi penerbitan, Fakulti dapat mengekalkan pencapaian yang cemerlang sejak tahun 2009 termasuklah penerbitan bab dalam buku, jurnal, prosiding dan modul pengajaran. Pengaturcaraan pertandingan ISBC 2010 secara bersama antara FKEKK dan universiti antarabangsa, Lancaster University, UK dan juga pertandingan IEMT 2010 antara UTeM, UTM, MMU, USM dan beberapa syarikat semikonduktor banyak menyumbang kepada penerbitan prosiding yang dinyatakan. Fakulti juga terlibat dalam program pembangunan komuniti seperti memberi khidmat nasihat kepada pelajar MRSM Terendak tentang projek inovasi mereka dan pengajaran Bengkel Asas Elektronik dan PIC kepada pelajar Sekolah Menengah Sains Muzaffar Syah dan Sekolah Berasrama Penuh Integrasi Selandar dengan harapan untuk menarik minat mereka menyambung pengajian di UTeM.

Kita tidak perlu takut dengan apa sahaja cabaran yang mendatang asalkan kita percaya kepada potensi diri dan mendapat sokongan daripada rakan-rakan kita.

Elektrik pada 3 Januari 2007 dan sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan & Pengajian Siswazah) pada 2007 seterusnya Timbalan Dekan Akademik pada 2008. Pada tahun 2010 beliau telah dilantik sebagai Dekan Fakulti.

Menjadi ahli bagi beberapa jawatankuasa peringkat Fakulti dan Universiti antaranya Jawatakuasa Program Baru, PTK, Pesekitaran, Keselamatan dan Kesihatan, Kehilangan Aset, Penasihat Pengerak Penubuhan Fakulti dan Program Fakulti Teknologi Kejuruteraan, penceramah modul PTK, Pelaksana dan Penasihat Teknikal Penerbitan Jurnal *Advance Manufacturing Technology AMT* dan Pemandu Kumpulan Inovatif dan Kreatif UTeM (KIK). Fakulti telah menganjurkan *2nd International Conference Engineering and ICT 2010* yang telah menerima 180 penyertaan dari dalam dan luar negara. Beliau telah dilantik sebagai Pengerusi Biro Perhubungan Awam dan Publisiti, menilai 6 kertas kerja ICEI2010, pengerusi sesi ucaptama sempena ICEI2010 dan mempunyai satu(1) Paten Malaysia *An Integrated Embedded for LED Rope Light Application*, memeriksa dalam bagi 2 calon Sarjana Kejuruteraan Elektrik, ketua CAP Pengajaran dan Pembelajara bagi Projek Agenda Kritikal PSPTN (CAP) Kementerian Pengajian Tinggi, penasihat Seni Silat Cekak Malaysia UTeM, menyelia 6 pelajar Sarjana Kejuruteraan Elektrik mod Penyelidikan dan 7 pelajar doktor falsafah. Fakulti telah melaksanakan Kajian terhadap Halatuju Jurutera Praktikal dan Program Teknologi Kejuruteraan yang dibiayai oleh Jabatan Pengajian Tinggi. Menjadi ahli Jawatankuasa Penubuhan *Malaysian Board of Engineering Technologies (MBOT)*, penyediaan kertas cadangan Majlis Jemaah Menteri (MJM) bagi penubuhan MBOT dan penyediaan Draf Akta Penubuhan MBOT. Menjadi panel penilai hadiah biasiswa KPT bagi Staf Politeknik yang akan mengikuti pengajian peringkat PhD. Menjadi panel penilai biasiswa pelajar ke luar Negara tajaan JPA bagi Zon Selatan.

Fakulti mempunyai satu pusat kecemerlangan *Centre For Robotics and Industrial Automation (CeRIA)* dan tiga kluster penyelidikan. Fakulti telah berjaya memenangi 4 pingat emas, 3 pingat perak dan 4 pingat gangsa dalam pertandingan penyelidikan dan inovasi di peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saya juga telah menghasilkan dua produk yang berpotensi untuk dikomersilakan iaitu "Microcontroller-based High Power LED Rope Light Application" dan "Pro. S Vehicle Professional Saver". Pada tahun 2010 sebanyak 50 kertas kerja bertaraf antarabangsa telah dibentangkan oleh staf Fakulti. Kesemua program kejuruteraan yang ditawarkan oleh Fakulti telah mendapat pengiktirafan oleh MQA dan Engineering Accreditation Counsel (EAC). Fakulti telah menyumbang 14.74 % bagi Anugerah Dekan dari pelajar yang mendapat kedudukan baik meningkat daripada 1160 pada tahun 2009 kepada 1,276 tahun 2010. Fakulti telah melaksanakan kaedah SCL dalam aktiviti Pengajaran & Pembelajaran dan 90% staf akademik mempunyai kebolehan melaksanakan SCL. Fakulti telah melaksanakan sistem e-meeting, e-tembanan bilik kuliah/makmal, panggilan mesyuarat, pelaksanaan sistem e-filing dan penyimpanan dokumen Fakulti secara berkomputer dengan menggunakan sistem Socushare. Terima kasih dan tahniah kepada semua staf Fakulti yang telah memberikan kerjasama dan tentasa menunjukkan komitmen yang tinggi untuk mendapat misi fakulti.



Prof. Madya Dr Zulkifilie Bin Ibrahim
Dekan FKE




Canselori



Prof. Madya Mohd. Rahimi Yusoff

Pengarah, Pejabat Perancangan Komunikasi Korporat

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 1 April 2009 sebagai Profesor Madya di FKEKK dan bermula pada 13 April 2009, saya ditempatkan di Canselori sebagai Pengarah di Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK).

Bermula pada tarikh tersebut, saya telah diamanahkan untuk memperkasakan jenama UTeM menerusi pelbagai program dan penerbitan korporat yang dapat memberikan maklumat yang tepat dan meningkatkan jenama UTeM di mata masyarakat umum. Antara strategi baru yang diperkenalkan oleh saya ialah pemasangan beberapa buah billboard UTeM di sekitar Bandar Melaka dan di lebuhraya PLUS, penghasilan artikel dan gambar UTeM di lembaran majalah-majalah antarabangsa seperti The Independent UK, World Street Market Research, OIC Education Directory selain penerbitan tempatan seperti MAS Going Places, Travel Thirty, Bernama.com, Education Guide Malaysia dan lain-lain. Selain daripada itu, bilangan penerbitan korporat yang memberi impak kepada jenama UTeM yang jelas terus diperkukuhkan dan di pertingkatkan lagi menerusi penerbitan di media cetak dan media elektronik yang meningkat dengan mendadak. Berbagai program berimpak tinggi yang memperlihatkan jalinan kerjasama diantara UTeM dan organisasi luar juga telah dilaksanakan seperti Malam Puisi Riong, Pertunjukan Payung Terjun dan Demonstrasi oleh Pasukan Polis sempena Pesta Konvo adalah antara program yang berjaya dianjurkan oleh Pejabat PPKK. Selain daripada itu, laman web baru UTeM juga telah diperkenalkan pada awal 2009 yang menonjolkan imej dan jenama UTeM yang lebih kukuh dengan maklumat yang sentiasa dikemaskini. Sebahagian dari laman web juga telah diterjemahkan ke dalam empat bahasa antarabangsa bagi memudahkan calon-calon pelajar dan masyarakat antarabangsa memahami maklumat penting mengenai UTeM. Bermula pada tahun 2010, pengenalan pengukuran strategik menggunakan Balanced Scorecard telah diperkenalkan dengan berbagai aktiviti bengkel, mesyuarat dan seminar yang diadakan bagi meletakkan batu asas yang betul kepada perlaksanaan BSC di UTeM yang mana di akhir tahun 2010, BSC untuk Tier 0 dan Tier 1 telah berjaya dilaksanakan di UTeM.

Selain menggalas tanggungjawab sebagai Pengarah PPKK, saya juga adalah ahli mesyuarat untuk beberapa mesyuarat penting di peringkat Universiti seperti ahli Mesyuarat Eksekutif, ahli Mesyuarat Senat, Ahli Lembaga Penilaian Kompetensi, Ketua Sekretariat Penyediaan Dokumen Halatuju MTUN, Ketua Sekretariat Dokumen Rekamap dan Pelan Tindakan MTUN. Selain daripada itu saya juga adalah Ketua Sekretariat Pengunjuran Imej dan Cup Peringkat Kebangsaan bagi Tahun 2010 dan 2011, dan juga merupakan Ahli Jawatankuasa Kajian Program Pengajian Asasi Kolej Universiti Islam Melaka.



Engr. Zulkifli bin Shariff

Pengarah, Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan

Dengan pengalaman di dalam bidang pemantauan dan pengawalan kualiti produk, pengurusan kualiti serta persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan industri pembuatan elektronik selama lebih kurang 8 tahun, saya beralih kerjaya sebagai Jurutera Pengajar di FKEKK pada tahun 2007. Kini saya merupakan pensyarah di FKEKK namun telah diplamikan ke Canselori selaku Pengarah Pejabat Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan.

Saya telah diberi kepercayaan untuk membimbing dan memimpin pihak universiti kearah pematuhan undang-undang yang berkaitan dengan keselamatan dan kesihatan pekerjaan yang termaktub bawah Akta 514 serta akta-akta lain yang berkaitan dengannya. Mewakili pihak pengurusan di dalam Majlis Bersama Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan di peringkat IPT/IPP sejak tahun 2004, juga bertindak sebagai ahli persatuan Pengamal Pengurusan Keselamatan, Kesihatan, Persekitaran Pekerjaan Malaysia (OSHEM). Saya juga merupakan Certified IPC Trainer (CIT) bagi IPC-A-610 yang ditauliahkan oleh Surface Mount Circuit Board Association (SMCBA), Australia. Selain daripada tugas hakiki sebagai pensyarah, saya juga aktif di dalam bidang penyelidikan dengan menjadi penyelidik utama dan bersama di bawah 7 geran penyelidikan PJP. Menyelia ramai pelajar di bawah Projek Sarjana Muda (PSM) dan hasil penyeliaan saya telah membawa kepada kemenangan beberapa pingat Perak dan Gangsa di dalam pertandingan INNOTEK yang dianjurkan oleh FKEKK. Saya juga pernah mendapat beberapa anugerah bagi projek penyelidikan bersama yang dipertandingkan di Malaysia Technology Expo (MTE).

Sebagai menyumbang kepada masyarakat, saya begitu aktif di dalam memberi ceramah dan latihan di peringkat dalaman dan luaran anjuran bersama unit latihan juga Pusat Pembelajaran Berterusan (PPB) bagi kursus pengurusan kejuruteraan keselamatan dan kesihatan pekerjaan dan pengurusan kolej kediaman. Saya juga terlibat di dalam memberi latihan kepada pelajar tahun akhir FKEKK dan juga staf di beberapa politeknik bagi bidang berkaitan dengan penggunaan standard terlingkup pembuatan dan pengawalan kualiti antarabangsa bagi industri pembuatan elektronik - Certified IPC Specialist (CIS). Selain itu saya juga merupakan penceramah bagi kursus induksi, kursus kepimpinan pelajar, juga fasilitator bagi Program Himpunan Patriot Negara (Himpun) dan Program Pemikiran Kreatif (Al Farabi) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Saya juga merupakan Pengetua Kolej Kediaman sejak tahun 2008, memberi kesempatan untuk membangunkan sistem pengurusan Kolej Kediaman serta merancang dan menyelaras aktiviti-aktiviti pelajar Kolej Kediaman yang merujuk kepada pembangunan modal insan - kemahiran yang bersifat *soft skill*.




Perkhidmatan saya di UTeM bermula pada 30 April 2008 bertempat di Pusat Universiti Industri (UNIC) yang kemudiannya telah dinukarkan ke Pusat Jaringan Industri dan Komuniti (ICNet) pada 18 Mac 2009 sehingga kini. Sebagai seorang Pegawai Perhubungan Industri di ICNet saya bertanggungjawab dalam membantu Universiti menjana rangkaian rakan kerjasama dengan industri melalui lawatan, perbincangan dan aktiviti-aktiviti bersama industri.

Di peringkat Kementerian Pengajian Tinggi(KPT), saya mewakili UTeM sebagai Ahli Jawatankuasa Kebangsaan untuk Projek Agenda Kritikal (CAP) Akademia-Industri-Komuniti dan Program Kerjasama Konsortium Kluster Universiti-Industri. Saya juga terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa dan Penilai untuk Geran Program Pemindahan Ilmu (Knowledge Transfer Programme) kepada industri dan komuniti. Selain daripada itu saya juga merupakan urusetia kepada Program Campus Connect KPT dengan Western Digital Malaysia dan program kerjasama antara KPT dengan Infineon Malaysia. Saya turut menjadi urusetia untuk Forum Universiti-Industri (FORTUNE2010) yang merupakan program kerjasama antara semua IPTA di bawah Malaysian Technical Universities Network (MTUN). Saya juga telah diberi peluang untuk menjadi pembentang di Seminar Kebangsaan Perkongsian Aktiviti Dalam Pelaksanaan PSPTN pada Mac 2010.

Di peringkat Universiti saya telah dipertanggungjawabkan sebagai Pengarah bersama Pejabat Hal Ehwal Pelajar untuk menjayakan Karnival Kerjaya UTeM 2010 dan Penyelaras Program SME Luncheon Talk 2010 yang telah diadakan pada Oktober 2010. Saya juga menjadi AJK CAP Keusahawanan, Majlis Konvokesyen dan MUCET2010. Saya turut menjadi urusetia untuk program GREAT (Graduate Employability Enhancement and Added-Value Training), program SME—University Internship dan program berkaitan Panel Penasihat Industri (IAP). Dari aspek penulisan pula, saya dimanahkan sebagai Editor untuk Majalah Strategic Alliance 2010 dan Sidang Pengarang Laporan berkaitan Hubungan Industri dan Komuniti, Laporan Tahunan UTeM 2010.

Kejayaan tidak akan dikecapi tanpa komitmen dan semangat kerjaberpasukan yang tinggi.

Mohd. Amin Bin Mohamad
Pegawai Perhubungan Industri –
Pembimbing Kerjaya



Mokhtar Bin Aman

Penolong Pendaftar

Dengan Nama Allah Maha Pemurah Lagi Maha Penyayang.

Alhamdulillah bersyukur pada-nya kerana dengan rahmat dan kasih sayang-Nya maka anugerah ini disuratkan. Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua yang terlibat terutama pada pegawai, staf dan rakan-rakan yang banyak memberi komitmen serta bantuan dan tunjuk ajar semasa menjalankan tugas. Tidak lupa juga pada isteri dan anak-anak yang tersayang kerana mereka memahami tugas dan tanggungjawab saya selama ini. Dengan berbekalkan sedikit pengalaman, telah membantu saya dalam melaksanakan tugas berkaitan protokol dan pentadbiran. Maklamat kerja ialah memastikan semua kerja terutamanya majlis dapat dilaksanakan dengan sempurna dan meminimakan kesilapan.

"Bekerja Itu Ibadah, Tugas Dan Tanggungjawab Adalah Amanah"



Khairul Niza Bin Yahya

Penolong Pendaftar

2 Januari 2002 merupakan hari pertama saya memulakan tanggungjawab dan amanah di dalam Perkhidmatan Awam Malaysia. Penyerahan jawatan sebagai Penolong Pendaftar di Universiti Teknikal Malaysia Melaka merupakan satu tugas yang mencabar. Kemahiran dan pengetahuan dan penerokaan perkara-perkara baru bukan sahaja menuntut kecekalan dan dedikasi malah pengorbanan masa dan keluarga. Sepanjang tempoh perkhidmatan saya yang telah memasuki tahun ke sepuluh ini pelbagai jabatan, fungsi dan skop tugas yang perlu saya tangani. Tahun ini satu lagi tanggungjawab baru perlu dilaksanakan iaitu menyuburkan aktiviti pengkomersilan produk inovasi dan penyelidikan yang fungsinya diletakkan di Pusat penyelidikan dan Inovasi sebagai pemacu ke arah mencapai objektif tersebut. Kata-kata Khulafah Ar Rasidin, Saidina Umar Al Khattab (R.A)

"Haasibu anfusakum qobla antuhaasabuu"

(Hitung-hitunglah dirimu sebelum dihitung oleh Yang Maha Menghitung) memberikan saya peringatan; jawatan, tugas dan tanggungjawab yang saya sandang bukan untuk kemegahan diri tapi untuk keredhaan Illahi.

Menghasilkan satu 'blueprint' Balance Score Card (BSC) Bahagian Penyelidikan dan Inovasi dibawah Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan dan Inovasi) memberikan tahap kepuasan tertinggi saya tahun lepas. Merangka objektif, plan inisiatif dan Key Performance Indicators (KPI) bukanlah satu tugas yang mudah. BSC ini juga tidak akan terhasil tanpa kerjasama, kesungguhan dan usaha berpasukan staf Pusat penyelidikan dan Inovasi (CRIM), Pusat jaringan industri dan Komuniti (ICNet) dan para staf akademik UTeM yang memberikan sumbang saran terhadap meningkatkan aktiviti penyelidikan dan inovasi.

Kata-kata lagenda dan 'guru' MTB Gary Fisher, "fringe oddball (races) and the really big stuff . . trying to understand this whole bike world" memberikan inspirasi kepada saya , menterjemahkan pengalaman dan keseronokan berbasikal kepada kehidupan; kita tidak akan tahu jenis laluan yang akan kita hadapi dihadapan selagi kita tidak menempuhinya dan kita tidak akan belajar apa-apa di dalam setiap rintangan yang kita hadapi jika kita tidak pernah jatuh atau melaluinya beberapa kali. Belajarlah dari alam kerana ianya akan membantu anda mencari jalan keluar, satu penghormatan yang kita berikan kepada rakan tegemainan, seribu penghormatan kita akan terima daripada mereka. Setiap laluan dan rintangan yang kita hadapi dan kita berjaya atasi membawa kita selangkah lagi kehadapan. Laluilah fasa itu dengan penuh keseronokan nescaya akhirnya kita akan merasa kepuasannya.

Khairul Razik Bin Mohamad Isa

Penolong Pendaftar



Mula berkhidmat di UTeM dengan status kontrak pada April 2008 dan ditempatkan di Unit Permesyuaratan Utama, Bahagian Dasar dan Kualiti Pengurusan. Pejabat Pendaftar dan dipertanggungjawabkan menjadi urus setia mesyuarat-mesyuarat utama universiti seperti Mesyuarat Lembaga Pengarah Universiti, Majlis Eksekutif, Panel Pembangunan Sumber Manusia dan lain-lain mesyuarat dalaman. Selain daripada mesyuarat, saya juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan segala urusan berkaitan Canselor, Pro Canselor, Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah Universiti. Namun, pada 7 Jun 2010, saya telah dipindahkan ke Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) dan sememangnya tanggungjawab yang dikhaskan adalah cenderung kepada bidang akademik dan pengantarabangsaan universiti. Ini merupakan satu cabaran dan pengalaman baru yang harus saya tempuhi bagi meningkatkan lagi kemajuan dan kecemerlangan diri.

Pernah dilantik sebagai Jawatankuasa Penyiasat Kehilangan Aset UTeM bagi menyelesaikan kes kehilangan. Pada tahun 2008, saya dilantik sebagai penceramah Program Indukasi Umum bagi Kumpulan Sokongan selain pernah menjadi pembantu penceramah untuk Kursus Pengendalian Mesyuarat dan Penulisan Minit Berkualiti. Saya juga sering dilantik Sekretariat dan Ahli Jawatankuasa di dalam penganjuran program seperti German Day, Imagine Cup dan majlis-majlis rasmi diperingkat universiti seperti persidangan antarabangsa, Majlis Haluan Siswa, Majlis Konvokesyen dan Pesta Konvokesyen Universiti. Dalam meningkatkan lagi pemahaman dan pengalaman di dalam tugasan yang dipertanggungjawabkan saya turut bersama-sama menyertai bengkel penyediaan Balance Scorecard, Hala Tuju MTUN, Pelan Strategik Universiti dan lain-lain lagi.

Pada masa ini saya dilantik sebagai Setiausaha Kehormat Persatuan Pegawai Tadbir dan Ikhtisas (PRAKTIS) Universiti Teknikal Malaysia Melaka untuk sesi 2010/2012, secara langsung dilantik sebagai Ahli Majlis bersama Jabatan Universiti Teknikal Malaysia Melaka. Saya turut dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Tugas-tugas Khas Kelab Staf Canselor (K-Staf).



Nor Atekah Binti Omar @ Mahmud

Juruaudit

Saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan segenap kenikmatan dalam menjalani kehidupan. Kejayaan ini ingin dikongsi bersama-sama dengan ibu bapa, suami serta anak-anak atas restu, doa serta sokongan dalam melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan. Juga tidak dilupakan kepada semua pihak yang banyak membantu terutamanya staf di Unit Audit Dalam yang sentiasa memberi semangat, nasihat dan tunjuk ajar dalam menjalankan tugas seharian.

Anugerah yang di terima adalah di luar jangkaan saya, namun saya berasa amat gembira di atas penghargaan yang diberikan. Semoga dengan anugerah ini akan sentiasa mengingatkan saya mengenai tanggungjawab dan amanah yang diberikan. Insyaallah.



Memulakan perkhidmatan di UTeM pada bulan April 2009 dan terus ditempatkan di Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat (BPAK) yang kini dikenali dengan nama Pejabat Perancangan dan Komunikasi Korporat (PPKK). Berpengalaman dalam bidang pengiklanan dan promosi memberikan kelebihan kepada beliau untuk membawa masuk idea-idea baru bagi mempromosikan universiti kepada umum.

Sumbangan saya yang amat ketara adalah melalui penggunaan 'Infoblast' yang memberi kemudahan kepada pihak universiti untuk menghebahkan maklumat kepada staf, pelajar mahupun kepada orang ramai. Melalui medium tersebut, segala hebahan mengenai universiti ini dapat disalurkan dengan cepat dan berkesan.

Pada ketika ini saya ditugaskan untuk membuat liputan berita berkaitan aktiviti, pencapaian serta kejayaan UTeM untuk siaran media arus perdana. Saya juga ditugaskan untuk melaksanakan aktiviti perhubungan media disamping terlibat dalam mempromosikan UTeM melalui penyertaan pameran dan karnival pendidikan yang dianjurkan oleh agensi kerajaan mahupun pihak swasta.

Selain daripada tugas yang diamanahkan, saya juga turut menyumbangkan bakti dalam bidang pengacaraan di beberapa majlis rasmi universiti.

Bob Faizeli Bin Mohamed Din
Pembantu Penerbitan


Norlizawati
Anne

Anne A/P Sinapan

Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi)

Terlebih dahulu saya ingin mengucapkan terima kasih kepada pihak pengurusan UTeM kerana telah memilih saya sebagai salah seorang penerima Anugerah Khidmat Cemerlang Universiti dan juga kepada semua staf CRIM yang telah sama-sama membantu serta memberi tunjuk ajar. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 5 April 2004 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian / Operasi) di Perpustakaan. Bertanggungjawab menguruskan surat-menyurat di Perpustakaan dan dilukarkan ke Unit Hadiah dan Pertukaran menguruskan pemprosesan Projek Sarjana Muda (PSM) pelajar dan Laporan Akhir Projek Penyelidikan pensyarah universiti. Selain itu juga menerima dan memproses buku-buku yang disumbangkan kepada Perpustakaan UTeM. Pada 29 September 2009 saya dipindahkan ke Pusat Pengurusan Penyelidikan dan Inovasi, CRIM. Saya ditempatkan di bawah Unit Geran Penyelidikan Jangka Pendek. Bertanggungjawab dalam semua urusan yang berkaitan dengan projek Penyelidikan Jangka Pendek universiti.

Selain dari tugas hakiki, saya juga merupakan ahli dalam Sri Kesidang dan Puspanita cawangan UTeM, AJK dalam MUCET 2010 yang dianjurkan oleh CRIM. Saya juga merupakan urusetia bagi Pameran UTeMAX Kaminal Pendidikan Melaka dan Malaysian Technology Expo 2010 (MTE).

Penghargaan ini amat bernilai buat diri saya kerana kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan dalam melaksanakannya. Semoga dengan anugerah pada kali ini, dapat menjadi pendorong dan menyuntik semangat saya untuk terus komited dan cemerlang dalam melaksanakan tanggungjawab pada masa akan datang.


Norlizawati Binti Ab Rahaman

Pembantu Tadbir (P/O)

Saya berkhidmat di UTeM pada 24 Februari 2003 bermula di Unit Senat & Konvokesyen, Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar selama tujuh (7) tahun. Seterusnya pada 1 Mac 2010 saya telah dipindahkan ke Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori. Di Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori saya telah dipertanggungjawabkan membantu Urus Setia Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Hal Ehwal Akademik, Mesyuarat Jawatankuasa Tetap Senat Perancangan Akademik, Mesyuarat Panel Penilai Anugerah Akademik Universiti, Mesyuarat Penyelaras-Penyelaras Bagi Majlis Anugerah Akademik Universiti dan Mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Pencapaian My3S. Saya juga membantu dalam menguruskan urusan penghantaran kertas kerja cadangan penubuhan Fakulti, Program Baru dan semakan semula kurikulum serta membantu urusan untuk mendapatkan perakuan Akreditasi Sementara program akademik. Saya juga membantu urusan pelantikan professor pelawat, pemeriksa luar dan professor adjung dan urusan pentadbiran Pejabat Perancangan dan Pembangunan Akademik, Canselori.

Saya telah dilantik di bawah Jawatankuasa Kuasa Pelaksana 10 dalam pengurusan Jubah VVIP selama enam tahun berturut-turut. Selain itu, saya telah dilantik sebagai Urus Setia bagi Majlis Anugerah Akademik Universiti. Saya juga telah dilantik sebagai pembaca pruf untuk Anugerah Akademik Universiti.

Syukur dan sabar merupakan pegangan saya untuk meningkatkan kualiti diri agar lebih berharga dalam pandangan Allah S.W.T.




Pertama sekali saya ingin memanjatkan kesyukuran kepada Allah SWT yang telah menganugerahkan segenap kenikmatan dalam menjalani kehidupan. Kejayaan ini ingin dikongsi bersama-sama dengan ibu bapa, suami serta anak-anak atas restu, doa serta sokongan dalam melaksanakan tanggungjawab yang di amanahkan. Juga tidak dilupakan kepada pihak pengurusan universiti, pegawai-pegawai serta rakan-rakan yang banyak memberi nasihat serta tunjuk ajar kepada saya.

Selain menjalankan tugas sebagai Pembantu Am Pejabat, saya juga terlibat dalam urusan protokol bagi majlis-majlis rasmi yang dianjurkan oleh UTeM, antaranya Majlis Konvokesyen, Majlis Minggu Haluan Siswa, Wacana Mahathir dan banyak lagi.

Anugerah yang di terima adalah di luar jangkaan saya, namun saya berasa amat gembira di atas penghargaan yang diberikan. Semoga dengan anugerah ini saya akan lebih berusaha untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada demi menjadi insan yang lebih berhemah dan cemerlang.

Siti Aishah Binti Abd. Rahman
Pembantu Am Pejabat


Pejabat
Hal Ehwal Pelajar
& Alumni



Mohd Nizam Bin Mazlan

Ketua Penbiong Pendaftar

Saya memulakan perkhidmatan di universiti ini sedari awal penubuhannya iaitu pada Jun 2001 ketika itu dikenali dengan nama Kolej Universiti Teknikal Kebangsaan Malaysia (KUTKM) dan tanggungjawab pertama yang diamanahkan universiti kepada saya ialah sebagai Penolong Pengurus Asrama yang merupakan satu-satunya jawatan yang ada di Kolej Kediaman UTeM ketika itu. Sepanjang tempoh hampir 10 tahun berkhidmat di universiti ini, pelbagai pengalaman dan pengetahuan dapat saya miliki dan pelajari termasuk berkongsi pengalaman dalam bidang pengurusan & pentadbiran di dua (2) buah pusat tanggungjawab yang berbeza iaitu di Pejabat Bendahari dan Fakulti Kejuruteraan Elektrik (FKE) melalui proses penstrukturan semula organisasi universiti. Kini, saya diberikan kepercayaan untuk mengetuai Bahagian Pembangunan Pelajar, iaitu salah satu bahagian di Pejabat Hal Ehwal Pelajar yang berusaha ke arah melahirkan modal insan yang seimbang yang juga lebih dikenali sebagai *Holistic Student Development*.

Saya turut diberikan kepercayaan untuk memegang jawatan sebagai Pegawai Kehormat Kor Sukarelawan Polis Siswa/Siswi (SUKSIS) UTeM berpangkat *Assistant Superintendent Police (ASP)* sejak ia ditubuhkan pada tahun 2006 yang merupakan satu-satunya badan beruniform pelajar yang ada di universiti ini. Dalam masa yang sama, saya merupakan Penasihat Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dan Pegawai Penyelaras untuk semua kelab dan persatuan di bawah Bahagian Pembangunan Pelajar. Selain itu, saya juga mewakili UTeM sebagai Pegawai Tetap dalam Majlis Kepimpinan & Latihan Universiti Malaysia (MAKLUM) dan menjadi Penyelaras di peringkat IPTA untuk program-program dan bengkel-bengkel anjuran Jabatan Pengajian Tinggi yang berbentuk kepemimpinan serta latihan berterusan kepada pelajar. Di peringkat negeri, saya dilantik oleh Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) Malaysia sebagai Penolong Pendaftar Pemilih (Wakil Jabatan Kerajaan) untuk mendaftarkan permohonan pendaftaran baru individu khususnya para pelajar yang layak untuk mendaftar sebagai pengundi dalam pilihan raya yang akan datang tidak lama lagi.

Prinsip saya dalam memastikan hasil kerja yang sempurna ialah : *It is not the matter of what will happen if you are around but it is the matter of what will happen if you are not around!* Justeru, dalam apa pun tindakan dan pekerjaan yang anda lakukan janganlah diletakkan rezeki manusia kerana kerja tak mungkin kesampaian dan janganlah sesekali berputus hati dengan mudah : *Kejayaan adalah milik orang*



Zuraida Bt Mohamed Taib

Penolong Pengurus Asrama

Syukur Alhamdulillah kerana dengan izinNYa telah terpilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2010. Terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga dan rakan sekerja yang banyak membantu, memberikan sokongan dan dorongan untuk terus maju serta memberi kekuatan dan semangat dalam menerima cabaran dan menyelesaikan segala tugasan yang diberikan.

Memulakan karier di KUTKM/UTeM pada 5 Mac 2003 sebagai Penolong Pengurus Asrama di Kolej Kediaman Taman Tasik Utama kemudiannya bertukar penempatan ke Kolej Kediaman UTeM Bunga Raya pada Ogos 2010. Menggalas tugas hakiki di Kolej Kediaman, saya bertanggungjawab dalam pengurusan di kediaman pelajar serta program pelajar di Kolej Kediaman. Selain itu, saya merupakan AJK Jamuan Minggu Haluan Siswa, AJK Pelaksana Pengurusan Graduan semenjak Majlis Konvokesyen Pertama KUTKM, dilantik menjadi Pembantu Kokurikulum dalam mata pelajaran Badminton serta menguruskan penginapan atlet Badminton SUKMA 2010.

Anugerah ini merupakan inspirasi kepada saya untuk terus mencurah bakti dalam menjalankan amanah dan tanggungjawab yang diberikan.



Shamsiah Binti Omar

Penolong Akauntan

Mula berkhidmat di UTeM pada Februari 2006 dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik selama 2 tahun. Pada mac 2010 telah ditukarkan ke Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni sehingga kini. Menjalankan tugas hakiki sebagai penolong akauntan dan tugasan yang diarahkan dari masa ke semasa. Sebagai wakil dari Pejabat Bendahari, sentiasa menjadi sumber rujukan staf/pelajar berkaitan urusan kewangan di HEPA dan bertanggungjawab memastikan segala pengurusan kewangan aktiviti/program HEPA mengikut peraturan yang telah ditetapkan oleh Pejabat Bendahari.

Banyak melibatkan diri sebagai AJK dan urusetia bagi program yang dianjurkan diperingkat universiti dan PTj. Antaranya AJK kewangan merangkap pengacara majlis ICE 2010, bendahari pesta konvokesyen ke-6 UTeM, AJK Minggu Haluan Siswa sesi 2010/2011, urusetia dan pengacara majlis untuk beberapa program pelajar serta menjadi penceramah kursus kepada pelajar bagi mendedahkan pengetahuan tentang pengurusan kewangan untuk program pelajar. Juga diberi kepercayaan memegang jawatan sebagai Bendahari Kelab Usrah HEPA.

Tidak mudah berputus asa dan menyerah kalah. Menganggap setiap dugaan yang dihadapi adalah sebagai satu cabaran yang menjadikan diri lebih kuat dan tabah untuk terus berusaha meningkatkan kemajuan diri. Insyaallah.



Memulakan kerjaya sebagai jururawat pada tahun 1995 di PPUM dan Hospital swasta dan mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2005. Merupakan jururawat yang pertama diantik di Klinik Pelajar, HEPA.Dengan pengalaman hampir 16 tahun dalam bidang yang sama membolehkan pengendalian kes kecemasan dan rujukan pesakit ke hospital dapat dilaksanakan dengan mudah.

Terlibat secara aktif dalam pasukan perubatan pada majlis-majlis utama universiti ,program yang di anjurkan oleh IPTA dan agensi luar seperti Pendaftaran pelajar baru, SAJ dan sukan antara sekolah. Ahli jawatankuasa kecil perubatan bagi Majlis Konvokesyen dan majlis makan malam universiti. Jawatankuasa bagi program Kempen dan pemeriksaan Kesihatan di UTeM . Di samping itu juga melibatkan diri dengan aktiviti–aktiviti persatuan seperti Persatuan Jururawat Malaysia, PUSPANITA serta program Badan ikhtisas dari Lembaga Jururawat Malaysia. Terlibat dalam merangka Pelan Induk Latihan bagi Klasifikasi Skim Perubatan [U] untuk Jururawat. Aktif menghadiri Kursus,Bengkel dan Seminar bagi peningkatan kerjaya serta pengetahuan ilmu berterusan anjuran UTeM dan agensi luar.

Saya mengucapkan kesyukuran kepada yang Maha Esa dan terima kasih Pihak pengurusan dengan penganugerahan ini,moga mendapat keberkatan dari ALLAH s.w.t hendaknya. Anugerah ini juga sebagai tanda kepercayaan terhadap sumbangan dan tanggungjawab saya melaksanakan amanah yang diberikan. Akhir kata dari saya "Usah hidup kerana pujian,usah mati kerana kejian dan kepayahan hidup satu latihan serta kesenangan satu ujian".


Nor Anidah Binti Ab.Karim
Jururawat

Menjadi Jurulatih pasukan Ping Pong MASUM Pelajar UTeM Lantikan daripda MASUM sebagai Pengurus Pasukan Badminton Kejohanan Sukan Universiti ASEAN, Chiang Mai, Thailand. Lantikan sebagai Jawatankuasa Kecil Penginapan dan sajian makanan di Luar Perkampungan SUKMA Melaka. Sebagai Ketua Teknikal Ping Pong Kejohanan Sukan Industri Melaka 2010 sebagai Ketua Teknikal Ping Pong Pertandingan Sukan Nasional Felda Palm Industries Snd Bhd (FPISB) 2010. Setiausaha Persatuan Ping Pong Daerah Melaka Tengah Setiausaha Persatuan Penduduk Taman Saujana Indah, Bukit Katil Melaka.

Pengurus pasukan Badminton Malaysia ke Kejohanan Sukan Universiti Asean, Chiang Mai, Thailand (1 Perak, 6 Gangsa) Sebagai Atlet Ping Pong Kejohanan Sukan Staf Universiti Malaysia Ke-35, USM, Pulau Pinang. (peringkat kumpulan) sebagai atlet ping pong Kejohanan Sukan Majlis Kebajikan dan Sukan Anggota-Anggota Kerajaan Malaysia (MAKSAK) di Shah Alam, Selangor. (suku akhir) Mewakili PTJ Kejohanan Sukan Antara Jabatan dalam acara Bola Sepak (Johan), Ping Pong (Suku Akhir) dan Olahraga (Pingat Perak).

Mohd Yusri Bin Misron


Pembantu Pelia Dan Sukan



Mohd Faizal bin Md Ghazali

Penyelia Asrama

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 15 Januari 2008 sebagai Penyelia Asrama. Bertugas di kolej kediaman UTeM Emerald yang menempatkan pelajar dalam dan luar Negara. Terlibat sebagai jawatankuasa membangunkan laman HEPA. Mewakili HEPA dalam sukan olahraga, bola tampar, ten pin bowling dan bowling padang. Aktif dalam jawatankuasa I (muzik) Konvokesyen Universiti 2009 & 2010, minggu haluan siswa, pilihanraya MPP dan program-program universiti. Menghadiri kursus anjuran UTeM dan pihak luar. Dilantik sebagai AJK kelab usrati HEPA. Di luar waktu pejabat aktif sukan renang dan persatuan bulan sabit merah Malaysia. Saya memanjatkan kesyukuran kepada ALLAH dan terima kasih kepada keluarga, pegawai-pegawai dan rakan-rakan yang banyak memberi dorongan dan tunjuk ajar.




Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 17 Februari 2003 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) N17 di Pejabat Pendaftar, berkhidmat di Pejabat Pembangunan dan kini di tempat di Unit Kepemimpinan dan Aktiviti Pelajar, Bahagian Pembangunan Pelajar, Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni. Saya banyak membantu dalam menyokong urusan pentadbiran dan aktiviti-aktiviti pelajar. Setiap arahan yang diberikan saya patuhi dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.

Saya menjadi Hakim Jemputan Majlis Debat Universiti Malaysia (MADUM) pada Pertandingan Debat antara IPTA dan IPTS yang dianjurkan oleh IPTA dan KPT sepanjang tahun 2010. Saya aktif mewakili PTj dalam aktiviti Sukan Antara Jabatan dimana saya menjadi Pengurus Pasukan bagi sukan Karom. Saya terlibat dalam Ahli Jawatankuasa Program-Program Rasmi UTeM dan Program Rasmi Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Kejayaan akan tercapai diatas kesabaran, kesungguhan, keikhlasan dan semangat kerjasama berkumpukan didalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan.

Mazlan Bin Mahat
Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)



Saya telah berkhidmat di UTeM sebagai Pemandu selama 10 tahun. Bermula pada tahun 2001, saya pernah bertugas sebagai pemandu khas mantan Naib Canselor iaitu Y.Bhg. Datuk Prof. Ir Ismail bin Hassan. Sepanjang perkhidmatan saya banyak dugaan dan cabaran yang saya lalui namun itu tidak meamtahkan semangat saya untuk memberi perkhidmatan yang terbaik kepada universiti.


Bagi memantapkan lagi tugasan saya, saya telah mengikuti beberapa kursus pemanduan beretika & koprat. Sejak tahun 2007 sehingga sekarang saya ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Saya ingin berterima kasih semua staf UTeM yang telah menyokong dan memberi perangsang kepada saya. Tidak lupa juga kepada isteri saya yang banyak memberi semangat dan sokongan kepada kerjaya saya.

Saya berharap Anugerah Khidmat Cemerlang yang telah dianugerahkan pada saya ini akan menjadi pembakar semangat untuk saya memberi perkhidmatan yang terbaik dan pendorong untuk saya menjalankan tugas dengan lebih bertanggungjawab, berdedikasi dan ikhlas kerana ALLAH.

Terima kasih kepada pihak universiti di atas kepercayaan dan penghargaan ini.

Sariman bin Ajis
Pemandu



Azahar bin Sidek

Pemandu Kenderaan Bermotor

Inilah saat yang paling indah dalam kerjaya saya sebagai pemandu setelah 10 tahun berkhidmat di UTeM. Pelbagai kenangan samada yang manis dan pahit diharungi demi memberikan yang terbaik kepada staf mahupun pelajar. Pengalaman yang ada digunakan bagi memastikan tahap perkhidmatan bas UTeM berada di tahap terbaik.

Diantara pencapaian saya ialah jawatankuasa pengangkutan minggu haluan siswa (mhs). Jawatankuasa pengangkutan Majlis Konvokesyen UTeM.

Terima kasih saya kepada pihak pengurusan universiti memberi pengiktirafan yang tidak ternilai harganya kepada saya. Keluarga serta rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu tatkala susah dan senang. Tanpa bantuan mereka mustahil saya dapat melaksanakan tugas ini dengan baik.

Anugerah ini moga-moga menjadi pembakar semangat kepada semua staf UTeM dalam melaksanakan amanah yang diberi demi menjadikan UTeM sebagai universiti teknikal terbaik di dunia.




Saat melapor diri di KUTKM pada 10 Jun 2002, saya memulakan tugas harian seawal 6 pagi dan hanya akan berakhir lewat tengah malam. Penat jerih sentiasa dirasa, apatah lagi tugas sebagai pemandu ini banyak menghabiskan masa di jalanraya. Adakalanya dugaan dan cabaran datang tanpa diduga. Namun itu semua perlu diketepikan kerana telah menjadi tugas hakiki saya. Setiap tugasan dan arahan saya sempurnakan demi menyara ibu dan pengajian adik, yang mana saya merupakan tonggak keluarga setelah ketiadaan bapa.

Di antara pencapaian saya adalah Jawatankuasa Pengangkutan Piala Perdana Sukan Isteri-Isteri Menteri Malaysia, Jawatankuasa Pengangkutan Asean University Games (AUG), Jawatankuasa Pengangkutan Majlis Konvokesyen UTeM dan Jawatankuasa Pengangkutan Minggu Haluan Siswa (MHS).

Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010 yang diumumkan ini akan menjadi sebagai pembakar semangat kepada saya untuk terus giat menjalankan tugas dengan cemerlang di masa akan datang. Kejayaan tidak akan datang bergolek tanpa usaha yang bersungguh-sungguh.

Mohd Azari bin Zakaria
Pemandu Kenderaan Bermotor




Saya menjawat jawatan sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di KUTKM (UTeM) pada 3 Jun 2002. Saya telah ditempatkan di Unit Sukan & Rekreasi, Hal Ehwal Pelajar & Alumni seterusnya di Pusat Sukan selama 8 tahun. Berkuatkuasa pada 1 Februari 2011 saya telah dipertanggungjawab melaksanakan tugas di Unit Kebajikan Pelajar, Hal Ehwal Pelajar & Alumni.

Saya juga membantu dalam segala Program/Majlis yang dianjurkan oleh Pusat Sukan & HEPA seperti Program Rekreasi Bersama NC, Sukan Antara Jabatan (SAJ), Kejohanan Olahraga UTeM, Minggu Haluan Siswa (MHS), Majlis Anugerah Sukan (MASUTeM), Majlis Pelancaran Amalan Gaya Hidup Sihat & Cergas (AGHSC) dan banyak lagi. Setiap arahan yang diberikan akan dilaksanakan sebagai mungkin, penuh dengan tanggungjawab, jujur & amanah.

Saya adalah salah seorang pemain Bola Jaring yang mewakili UTeM bagi menyertai pelbagai Kejohanan. Diantaranya adalah Kejohanan Sukan Antara Universiti-universiti Malaysia (SUKUM) sejak tahun 2003 dimana UTeM berada dikedudukan yang baik. Saya juga aktif mewakili PTJ dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ).

Bertanggungjawab & ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberikan.

Noor Hafiza binti Othman
Pembantu Tadbir (P/O)


Pejabat
Pendaftar


Siti Salwah
Murni
40

Mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003 sebagai Penolong Pendaftar. Penempatan awal bermula di Unit Perkhidmatan, Pejabat Pendaftar. Kemudiannya pada November 2004 hingga kini berkhidmat di Bahagian Cuti Belajar, Pejabat Pendaftar.

Dalam melaksanakan tugas membantu meningkatkan bilangan pemegang PhD di kalangan staf akademik di Universiti merupakan suatu tanggungjawab dan cabaran yang besar. Melihat staf yang kembali dari cuti belajar dengan membawa segulung Ijazah Sarjana mahupun Ijazah Kedoktoran memberi kepuasan dan suntikan semangat untuk terus membantu staf merealisasikan impian mereka.

Syukur ke hadrat Allah SWT di atas anugerah ini dan ribuan terima kasih diucapkan kepada staf di Bahagian Cuti Belajar yang banyak membantu dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab yang diamanahkan serta sokongan keluarga dan rakan-rakan dalam memberi inspirasi untuk meneruskan usaha ke arah kebaikan semua pihak.

Siti Salwah binti Ahmad
Penolong Pendaftar


Mula berkhidmat di UTeM pada tahun 2003 sebagai Penolong Pendaftar. Penempatan awal bermula di Unit Senat, Pejabat Pendaftar. Pada tahun 2004, berkhidmat pula di Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer selama hampir 4 tahun. Sekarang bertugas di Unit Penilaian Tahap Kecekapan, Pejabat Pendaftar.

Pada tahun 2010, dua sasaran utama yang telah ditetapkan oleh Pejabat Pendaftar. Pertama, melaksanakan Penilaian Tahap Kecekapan dengan kaedah baru berserta penawaran TK5 dan TK6 bagi pensyarah Universiti. Kedua, pelaksanaan program Pembangunan Kompetensi Berterusan (CPD). Alhamdulillah, kedua-duanya telah berjaya dilaksanakan mengikut masa yang ditetapkan.

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa Pemeriksa Aset Universiti, Jawatankuasa Konvokesyen UTeM Ke -6 (Pegawai Pengiring) serta Penceramah untuk Kursus -Kursus Induksi UTeM.

Syukur saya kepada Allah S.W.T kerana dipilih untuk menerima anugerah ini. Saya juga ingin menukilkan jutaan terima kasih kepada pihak Pengurusan Universiti, warga UTeM, rakan- rakan di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia (HRD) khususnya di Unit PTK serta keluarga yang sentiasa memberi sokongan kepada saya selama ini.

Murni binti Abu
Penolong Pendaftar



Khairul Nizam bin Minhat

Penolong Pegawai Tadbir

Alhamdulillah. Syukur kehadrat Allah SWT yang telah memberikan banyak kenikmatan kepada saya selama ini. Kejayaan ini akan dihargai dan dikongsi bersama-sama isteri tersayang dan keluarga yang tidak putus-putus berdoa dan memberikan sokongan serta dorongan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan rasa ikhlas. Juga tidak lupa kepada pihak Pengurusan Universiti, rakan-rakan dan pegawai terutamanya di Bahagian Pengurusan Organisasi (BPO). Pejabat Pendaftar yang banyak membantu sama ada dari segi pandangan dan dorongan.

Selama hampir 3 tahun berkhidmat di BPO, Pejabat Pendaftar saya telah menjalankan tugas sebagai Penolong Pegawai Tadbir. Antara tugas yang telah diamanahkan adalah membantu di dalam pengurusan pakaian seragam universiti, pengurusan majlis rasmi universiti, pengurusan sistem surat menyurat universiti, pengurusan kemudahan perubatan staf/pesara universiti, pengurusan fail dan rekod universiti.

Antara sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan saya adalah seperti Urusetia Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang, Urusetia Majlis Amanat Naib Canselor, Urusetia Sempena Majlis Hari Kualiti UTeM, Ahli Jawatankuasa Lawatan Sempena Kejohanan Sukan Tahunan Antara Universiti Malaysia-Indonesia (SUKMALINDO), Ahli Jawatankuasa Pelaksana Sekretariat Protokol dan Sambutan Sukan Universiti Asean Ke-14 (AUG) dan lain-lain.

Antara penglibatan kegiatan luar yang disertai adalah dilantik sebagai pengarah program Ekspedisi Mendaki Gunung Ledang, Menyertai Kejohanan Sukan Antara Jabatan, menyertai 'MMU Melaka 1st Open Dragon Boat Champion 2009', menyertai Program Kebajikan Masyarakat ke Perkampungan Orang Asli Kuala Tahan, Taman Negara Pahang, Ahli Jawatankuasa Pelaksana (Backpackers Advanture Team) Program Rekreasi bersama Naib Canselor UTeM, menyertai Kejohanan Sukan 'Malaysian Technical University Network' (MTUN) Sport Meets, menyertai Kejohanan Sukan Staf Antara Universiti-universiti Malaysia (SUKUM), menyertai Ekspedisi Berakit Antarabangsa Sungai Pahang 2009 dan menyertai Program Lawatan Muhibbah Serta Mengibarkan Bendera Melaka Sempena Melaka Bandaraya Bersejarah Di Puncak Kinabalu 2011.

Sesungguhnya niat yang baik itu perlulah ikhlas dan rasa bertanggungjawab akan menjadikan tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan mudah dan mendapat keberkatannya.

Norma Hayati binti Hashim

Penolong Pendaftar



Saya memulakan kerier di UTeM pada 31 Mac 2008 sebagai Penolong Pendaftar di Unit Perkhidmatan, BPSM Pejabat Pendaftar setelah berkhidmat selama 13 tahun di sektor swasta dalam bidang Pengurusan Sumber Manusia. Penghijrahan ini merupakan satu cabaran baru dalam menyesuaikan diri dengan cara dan budaya kerja yang amat berbeza. Berbekalkan pengalaman dan minat yang mendalam dalam Sistem Pengurusan Sumber Manusia, saya begitu proaktif dalam menyumbangkan idea-idea baru dan menambahbaik sistem yang sedia ada bagi menghasilkan modul kerja yang mantap serta memberikan perkhidmatan yang terbaik, efektif dan efisyen serta penjimatan kos. Antara modul yang telah dilaksanakan ialah Modul Cuti Fasa I, Modul Pinjaman Perumahan, Modul Cuti Fasa II dan Modul Perubahan Gaji Bukanan. Dengan mengamalkan konsep *continuos improvement*, modul-modul ini sentiasa ditambah baik dari masa kesemasa bagi meningkatkan tahap kepuasan pengguna.

Bermula Ogos 2009, saya juga telah dipertanggungjawabkan untuk mengetuai dua unit yang telah digabungkan iaitu Unit Perkhidmatan & Soraan. Satu cabaran dan tanggungjawab yang besar untuk dipikul namun setiap arahan harus dipatuhi dan digalas dengan jayanya. Dengan semangat dan usaha gigih serta bantuan ketua, rakan-rakan dan staf, saya berjaya mengenalpasti serta menyelesaikan pelbagai permasalahan berkaitan emolumen staf dan membuat penambahbaikan untuk Modul ROC bagi memberikan perkhidmatan yang lebih baik dan efisyen.

Selain menjalankan tugasan hakiki, saya juga begitu komited dalam membantu Pejabat Pendaftar ke arah kecemerlangan dengan dilantik sebagai AJK Pelaksana ISO 9001:2008 dan AJK serta Fasilitator Kumpulan KIK Pejabat Pendaftar. Saya adalah Penceramah bagi Kursus Induksi UTeM dan Penceramah bagi Kursus Pengurusan Sumber Manusia (Bab Cuti) serta sering dijadikan pakar rujuk dalam permasalahan berkaitan dengan cuti. Di samping itu saya turut dilantik sebagai Pemberita Majalah Teras, Penggubal & Pemeriksa Kertas Soalan (Pengambilan Staf Bukan Akademik) dan AJK Pelaksana Konvo (Pengurusan & Acara).

Saya sangat bersyukur kehadrat ALLAH SWT atas anugerah ini dan amat berterima kasih kepada keluarga, ketua, rakan-rakan dan staf yang banyak membantu dalam kerjaya saya. Anugerah ini adalah pemangkin bagi menghasilkan prestasi kerja yang lebih baik untuk masa yang akan datang. Sesungguhnya segala yang baik itu datangnya dari Allah juo, segala kekurangan itu adalah atas kelemahan yang ada dalam diri kita sendiri.



Ezra Anish binti Mustapa

Pembantu Tadbir (Kewangan)

Alhamdulillah, Syukur kehadrat Allah SWT yang telah memberikan banyak kenikmatan kepada saya selama ini. Kejayaan ini akan dihargai dan dikongsi bersama-sama suami dan anak-anak yang tidak putus-putus berdoa dan memberikan sokongan serta dorongan dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang telah diamanahkan dengan rasa ikhlas. Juga tidak lupa kepada pihak Pengurusan Universiti, rakan-rakan dan pegawai terutamanya di BPO, Pejabat Pendaftar yang banyak membantu sama ada dari segi pandangan dan dorongan.

Selama 3 tahun berkhidmat di BPO, Pejabat Pendaftar saya telah menjalankan tugas sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan), antara tugas yang telah diamanahkan adalah dari segi pembayaran, membuat pembayaran untuk unit cuti belajar, menjaga Panjar Wang Runcit, Elaun Lebih Masa Staf dan sebagainya. Antara sumbangan yang telah diberikan sepanjang perkhidmatan saya adalah seperti Urusetia Majlis Makan Malam Jasamu Dikenang pada tahun 2008, Urusetia Majlis Amanat Naib Canselor, Urusetia Sempena Majlis Hari Kualiti UTeM tahun 2009.

Sesungguhnya niat yang baik itu perlulah ikhlas dan rasa bertanggungjawab akan menjadikan tugas yang diamanahkan dapat dilaksanakan dengan mudah dan mendapat keberkatannya.




Noor Asyikin binti Sulaiman

Penolong Pendaftar
(Unit Peperiksaan Dan Pengijazahan)

Saya memulakan kerjaya sebagai Pengurus Bahagian di Tesco Malaysia Sdn Bhd selama 6 tahun dan mula berkhidmat di UTeM pada 24 Mac 2008 di Pejabat Pendaftar dan ditempatkan di Unit Peperiksaan dan Pengijazahan, Bahagian Pengurusan Akademik pada 14 April 2008. Saya menguruskan dan menyelaras pendaftaran mata pelajaran pelajar-pelajar pra-siswazah, menguruskan dan menyediakan jadual waktu kuliah semester lazim dan jadual peperiksaan akhir pelajar, menguruskan percetakan kertas soalan peperiksaan akhir semester, menguruskan keputusan peperiksaan akhir, peperiksaan khas dan peperiksaan semester khas pelajar, mengkaji, merumus dan mengemukakan dapatan mengenai prestasi akademik pelajar kepada Universiti, mengurus dan mengesahkan senarai nama pelajar yang akan digraduat sebelum dibawa ke Mesyuarat Senat. Setiap arahan yang diberikan akan diberikan dengan penuh komitmen dan tanggungjawab.

Mengkaji, menyelaras pelaksanaan, mengemaskini dan menguatkuasakan Peraturan Akademik serta Panduan Peraturan Akademik Universiti, Melaksanakan ketetapan pindaan Sistem Penggredan bagi Program Sarjana Muda dan Program Diploma bermula pada Semester I Sesi 2009/2010. Mengkaji dan mencadangkan Pengkelasan Ijazah bagi panduan PTPTN dan rujukan majikan graduan pada Semester 2 Sesi 2009/2010. Mengkaji dan membuat cadangan penambahbaikan peralatan dan bilik kuliah supaya kondusif kepada pengajaran dan pembelajaran. Membuat analisis prestasi pelajar berdasarkan saluran kemasukan STPM, Diploma dan Matrikulasi bagi setiap akhir semester. Menyediakan borang-borang dalam dwibahasa di Unit Peperiksaan dan Pengijazahan. Menyediakan laman web konvokesyen bagi Panduan Graduan untuk Majlis Konvokesyen 6. Menyediakan Buku Panduan Graduan untuk Majlis Konvokesyen. Menjadi Ketua Jawatankuasa Kecil Kad Jemputan Konvokesyen Pelajar dan Ibubapa. Menjadi Ketua Jawatankuasa Kecil Pengurusan Jubah Graduan dan menguruskan peminjaman dan pemulangan Jubah Graduan. Menjadi Ketua Jawatankuasa Kecil Penyediaan dan pengedaran Slip dan Transkrip Graduan. Menjadi ahli jawatankuasa persekitaran, keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Kampus Bandar. Selain daripada itu, saya juga aktif mewakili PTJ dalam sukan bola jaring setiap tahun bermula daripada tahun 2008 hingga sekarang.

Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan.


Mohd Nazrul
Zamani
46

Mohd Nazrul bin Mohd Shafri

Pembantu Tadbir

Memulakan perkhidmatan di UTeM pada 2 Januari 2002 sebagai pembantu tadbir (P/O) di Unit Rekod Aset dan Bekalan Pejabat, Pejabat Bendahari. Setelah diberi peluang ke jawatan kanan pada tahun 2008 saya telah ditempatkan di Unit Latihan Pejabat Pendaftar sehingga Mac 2010 dan penempatan seterusnya di Unit Perancangan & Penyelarasan, Pejabat Pendaftar. Pengalaman berharga hampir 10 tahun di UTeM memberi kematangan dalam melaksanakan pelbagai tugasan harian khususnya urusan pengendalian pelbagai kursus ianya menuntut semangat kesabaran dan disiplin yang tinggi serta pengurusan masa yang berkesan.

Menyumbangkan masa dan tenaga sebagai urusetia bagi menjayakan kursus-kursus anjuran Unit Latihan. Telah dilantik sebagai AJK dibawah beberapa Jawatankuasa Pelaksana bagi menjayakan Konvokesyen UTeM selama 6 tahun berturut-turut. Menyertai pasukan bolasepak UTeM di kejohanan SUKUM ke 35 dan dan Sukan Antara Jabatan (SAJ) mewakili Pejabat Pendaftar. Turut menyumbang tenaga dalam menjayakan beberapa majlis universiti antaranya Majlis Berbuka Puasa dan Sambutan Hari Raya Peringkat UTeM.

Bersyukur ke hadrat Allah S.W.T atas anugerah ini. Kejayaan ini tidak akan tercapai tanpa sokongan dan kerjasama semua pihak khususnya keluarga dan rakan-rakan di Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Saya sentiasa mengingatkan diri saya "Setiap Sesuatu Adalah Ibadah Jika Dilaksanakan Kerana ALLAH"

Zamani bin Salleh

Pembantu Tadbir (P/O) Kanan

Kesyukuran yang tidak terhingga ke hadrat Allah SWT kerana dengan keizinan-NYA kerana telah terpilih di antara salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang Tahun 2010. Penghargaan yang diterima bukan bermakna saya adalah yang terbaik dalam melaksanakan setiap aspek tugas yang dipertanggungjawabkan.

'Tanggungjawab adalah amanah Allah S.W.T', kata-kata inilah yang menjadi inspirasi saya untuk memberikan khidmat yang terbaik ketika menerima tanggungjawab sebagai Pembantu Tadbir pada 3 September 2008. Amanah yang dipikul dalam membantu urusan pentadbiran di Bahagian Cuti Belajar telah banyak mengajar beliau erti kesabaran dan kecekalan dalam berdepan dengan pelbagai isu perkhidmatan terutama yang melibatkan staf akademik. Tugasan ini memerlukan ketelitian serta kecekapan dan setiap keputusan yang dibuat perlu bersandar kepada prosedur dan peraturan. Namun, saya sentiasa mencabar diri sendiri dan membuktikan kesungguhan dalam melaksanakan segala arahan yang diberi.

Di luar lapangan tugas hakiki, saya telah terlibat secara aktif dalam aktiviti sukan. Saya terpilih mewakili Universiti dalam permainan tenis merangkap pengurus dan pemain dalam Kejohanan SUKUM 2010 yang berlangsung di USM, Pulau Pinang. Manakala di peringkat sukan jabatan , saya telah menyumbang tenaga dalam permainan bola sepak, futsal dan ping pong. Selain itu saya merupakan seorang yang aktif melakukan aktiviti rekreasi yang agak mencabar fizikal dan mental dengan menyertai ahli kembara UTeM yang lebih dikenali sebagai "Backpakers Adventure Team". Ini merupakan saluran untuk meningkatkan pembentukan jati diri serta pembangunan insan bagi aktiviti sosial yang dilaksanakan. Saya juga merupakan ahli kumpulan Kumpulan Kreatif dan Inovatif (KIK) Pejabat Pendaftar serta dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Pengurusan Graduan pada Hari Konvokesyen setiap tahun.

Anugerah ini saya dedikasikan kepada ibu bapa dan warga Pejabat Pendaftar khususnya Bahagian Cuti Belajar yang banyak memberikan sokongan, tunjuk ajar dan menegur kesilapan saya kerana setiap kesalahan itu pasti akan memberikan pengajaran untuk diperbaiki."

Akhir kalam yang menjadi pegangan saya untuk dikongsi bersama " Kekuatan tidak datang dari kemampuan fizikal tetapi ianya datang dari semangat yang tidak pernah mengalah"


Siti Rohani
Masliana

Saya mula berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 8 Januari 2008 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) di Unit Pemesyuaratan Utama, Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar. Di samping menjalankan tugas-tugas hakiki, saya turut melibatkan diri sebagai urus setia bengkel anjuran Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan, Pejabat Pendaftar, Majlis Konvokesyen Universiti dan juga mewakili Pejabat Pendaftar dalam Kejohanan Olahraga dan Bola Jaring Peringkat Jabatan.

Saya amat bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya saya terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini. Bagi saya anugerah ini menguatkan lagi semangat untuk bekerja dengan lebih gigih lagi. Saya juga ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pegawai dan rakan-rakan Pejabat Pendaftar terutamanya di Bahagian Dasar & Kualiti Pengurusan kerana banyak membantu dan memberi tunjuk ajar serta nasihat dalam sama-sama menjalankan tugas.

Siti Rohani Binti Manan

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)


Masliana Binti Razali

Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 28 Januari 2008 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) di Unit Latihan, Bahagian Pembangunan Sumber Manusia, Pejabat Pendaftar. Saya banyak menguruskan kursus anjuran UTeM dan kursus kerjasama bersama PTj. Saya sentiasa bersedia bekerja dihujung minggu untuk memberi khidmat sebagai urusetia kursus/bengkel/Program anjuran HRD sehingga selesai hingga jayanya. Saya turut melibatkan diri sebagai ahli koir bagi majlis Hari Qualiti, Ahli Jawatankuasa Konvokesyen Universiti dan mewakili Pejabat Pendaftar dalam sukan badminton Peringkat Jabatan.

Saya amat bersyukur kehadrat Illahi kerana dengan limpah kurniaNya saya terpilih menerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang pada tahun ini dan tidak lupa mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua staf HRD yang banyak membantu. Bagi saya anugerah ini memberi semangat dan kesedaran untuk memajukan diri dan membantu Universiti dalam merealisasikan visi dan misinya.

"kecemerlangan dan kejayaan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik."



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 3 September 2008 sebagai Pembantu Tadbir (Pengkeranian & Operasi) di Bahagian Pengurusan Akademik, Pejabat Pendaftar dan ditempatkan di Unit Pemeriksaan & Penggijazahan sehingga sekarang. Saya banyak membantu dalam pendaftaran matapelajaran pelajar, penyediaan jadual waktu kuliah dan jadual waktu peperiksaan akhir pelajar, penyediaan kertas soalan akhir pelajar, urusetia peperiksaan akhir pelajar, penyediaan laporan keputusan peperiksaan akhir pelajar, urusetia Mesyuarat Jawatan Kuasa Tetap Senat Mengenai Peperiksaan dan penyediaan senarai pelajar yang layak graduat setiap sesi pengajian. Setiap arahan yang diberikan kepada saya, saya patuhi dengan penuh tanggungjawab dan komitmen untuk memajukan universiti.

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa 10 Pengurusan Graduan selama 2 tahun berturut-turut. Selain daripada itu, saya juga merupakan Ahli Jawatankuasa Pelaksana & Jawatankuasa Sambutan Edutifri UTeM 1431H, Ahli Kumpulan Inovatif & Kreatif Pejabat Pendaftar, Petugas hari Pendaftaran Pelajar Baru Sesi 2010/2011 dan juga Ahli Jawatankuasa Kelab Staf Pejabat Pendaftar (STAR).

Segala tanggungjawab dan tugas yang saya pikul adalah berlandaskan kepada prinsip Demi Tuhan Untuk Semua.

Norazahar bin Mohamed
Pembantu Tadbir (Pengkeranian & Operasi)


Saya mula berkhidmat di UTeM pada 15 Oktober 2008 dan telah tempatkan di Unit Rekod & Persaraan, Bahagian Pengurusan Sumber Manusia (BPSM). Pejabat Pendaftar sehingga 14 Jun 2009, kemudian saya ditukarkan ke Unit Perjawatan Bukan Akademik,BPSM, Pejabat Pendaftar pada 15 Jun 2009 sehingga sekarang. Saya telah di pertanggungjawabkan dalam membantu segala operasi unit seperti membantu menguruskan pengambilan staf bukan akademik antaranya membuat saringan permohonan jawatan, ujian saringan, membuat semakan kelayakan, membuat semakan pengiktirafan JPA dan membantu menguruskan permohonan penetapan gaji permulaan. Setiap arahan dari Pentadbiran BPSM, akan saya bertindak positif serta penuh tanggungjawab dalam melaksanakan tugas sehingga ia memenuhi kepuasan kepada Pentadbiran dan diri saya sendiri.

Saya menjadi Ahli Jawatan Kuasa Pengurusan Graduan selama 2 (dua) tahun berturut – turut selain banyak melibatkan diri sebagai Ahli Jawatan Kuasa Protokol dalam beberapa Seminar,Pengucapan dan Majlis-majlis Rasmi Universiti. Manakala dalam ko-kurikulum, sepak takraw dan karom antara sukan saya wakili Pejabat Pendaftar dalam SAJ 2009, 2010 & 2011 dan juga sebagai pengurus pasukan. Saya juga Ahli Jawatan Kuasa pasukan 'Emergency Respond Team (ERT)' UTeM berfungsi dan dipertanggungjawab memastikan tindakan awal di ambil ketika berlaku kecemasan dengan memastikan ciri-ciri keselamatan dilaksanakan terutama berlaku di bangunan Canselori.

Kejayaan seseorang bukanlah hanya datang dari diri seseorang itu, tetapi ianya datang bersama-sama dari keluarga/rakan yang berjaya, pemimpin/pentadbiran yang berjaya dan bangsa/agama yang berjaya. Anugerah ini adalah satu motivasi yang besar dan bermakna kepada saya untuk terus berkhidmat dengan lebih baik. Terima kasih kepada semua pihak yang sentiasa memberi dorongan dan sokongan kepada saya.
Terima kasih & Alhamdulillah...



Izwan bin Mohamad
Pembantu Tadbir (P/O)



Alhamdulillah syukur kehadrat Ilahi diatas limpah dan kurnianya. Anugerah ini adalah kejayaan bersama warga keselamatan am nya dan warga universiti khususnya

Mula berkhidmat di UTeM sejak 3 sep 2003 sebagai pengawal keselamatan kp 11 dan di tempatkan di Bahagian Keselamatan. Pada tahun 2008 telah dinaikan pangkat ke pembantu keselamatan sehingga sekarang. Melaksanakan tugas hakiki dan sebagai orang perantaraan antara pegawaix dan staf keselamatan

Pesara tentera laut diraja malaysia (tldm) yang telah berkhidmat selama 13 tahun di dalam kepakaran komunikasi. Banyak negara telah di lawati antaranya Filipino, Pulau Maldive, Brunei, Indonesia, Thailand dan banyak lagi. Bak kata orang jauh berjalan luas pemandangan dan bertambah ilmu pengetahuan. Segala pengalaman yang ada direalisasikan bagi melaksanakan tugas harian.


Aktif dalam bidang sukan. Mewakili pejabat pendaftar dalam sukan antara jabatan (SAJ), sukan keselamatan IPTA dan sukum dalam acara sepaktakraw senior, futsal dan ping pong veteran.

Komited dalam setiap aktiviti yang dikelolakan oleh universiti dan sentiasa berusaha untuk meningkatkan mutu kerja dan kemahiran bagi memantapkan Bahagian Keselamatan amnya dan UTeM khususnya. Berpegang prinsip berdisplin, menetapi masa dan tidak suka kerja bertangguh adalah menjadi amalan untuk melaksanakan tugas harian.

Jutaan terima kasih kepada pihak pengurusan terutama bahagian keselamatan kerana mencalonkan saya diantara salah seorang penerima anugerah ini dan terima kasih juga kepada rakan seperjuangan serta isteri dan anak tersayang atas sokongan dan memahami tugas saya.
Alhamdulillah.

"I want the best among the best"

Rozal bin Abdullah
Pembantu Keselamatan


Pejabat
Bendahari

Penolong Akauntan di Unit Bajet, Pejabat Bendahari. Antara tugas saya adalah menolong dalam merancang, mengawasi dan menyelia operasi di Unit Bajet. Saya banyak membantu dalam Proses Penyediaan Cadangan Bajet Owi Tahunan yang perlu dikemukakan kepada pihak Kementerian Kewangan dan Kementerian Pengajian Tinggi mengikut tarikh yang telah ditetapkan. Di samping itu, saya turut terlibat secara langsung dalam Proses Pengoglhan & Kawalan Bajet Universiti, serta membantu dalam menguruskan Pembentangan Pemeriksaan Bajet UTeM kepada wakil Kementerian pada setiap tahun. Pada 22 April 2008 sehingga 22 Ogos 2008, saya telah diberi tanggungjawab untuk menanggung tugas Penolong Akauntan di Unit Perolehan. Selain itu, pada 4 Mac 2009 sehingga 30 April 2009, saya juga telah dilamanahkan untuk menanggung tugas Akauntan sebagai Ketua Unit Bajet dan sekali lagi diberi kepercayaan untuk menanggung tugas yang sama dari 25 Ogos 2009 sehingga 25 Januari 2010.

Saya juga merupakan salah seorang ahli Jawatankuasa Pembuka Sebutharga UTeM, Ahli Jawatankuasa Penganjuran Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA Bil.56/2010 serta mewakili Ketua Unit Bajet di dalam Program ISO, Pejabat Bendahari. Selain tugas hakiki, saya juga turut diberi tanggungjawab menganggotai beberapa jawatankuasa di peringkat Universiti seperti Ahli Jawatankuasa Sempena Majlis Perhimpunan Khas & Pelancaran Sambutan 10 Tahun UTeM dan Jawatankuasa Pelaksana & Jawatankuasa Majlis Eidulfitri UTeM1431H. Di peringkat PTj pula, saya dilantik sebagai Setiausaha di Zon 3 untuk Program 5S Pejabat Bendahari, Jawatankuasa Kajian Kepuasan Pelanggan, Pejabat Bendahari dan Jawatankuasa Persekitaran & Kesihatan Pekerja.

Prinsip tidak malu bertanya untuk belajar, kesungguhan dalam bekerja serta semangat berpasukan adalah menjadi pendorong kepada saya untuk terus mencapai kejayaan.

Nazurah binti Abdullah
Penolong Akauntan

Saya mula diberi tanggungjawab dalam membantu merancang, mengawasi dan menyelia operasi Unit Biasiswa dan Akaun Pelajar di Pejabat Bendahari pada awal tahun 2008. Tanggungjawab ini banyak mengajar dan mematangkan saya dalam menyelesaikan masalah pelajar berkaitan yuran pengajian. Ia juga membentuk diri untuk bersifat penuh amanah dan integriti serta bersikap terbuka menerima segala teguran dan kritikan dalam memastikan Pejabat Bendahari memberikan perkhidmatan kewangan yang terbaik.

Sepanjang tahun 2010, saya telah dilantik sebagai J/Kuasa Penyiasat Kehilangan Aset UTeM, J/Kuasa Pelaksana Majlis Sambutan Aidilfitri UTeM, J/Kuasa Majlis Perhimpunan Khas Pelancaran Sambutan 10 Tahun UTeM dan Ahli Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK) Pejabat Bendahari. Namun, dua perkara yang tidak dapat saya lupakan ialah saya telah membantu Pejabat Bendahari dalam usaha mendapatkan pingat dalam acara olahraga Sukan Antara Jabatan 2010 serta bertindak memimpin beberapa unit di bawah seliaan Program 5S dalam membantu Pejabat Bendahari merangkul Anugerah Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Berkualiti (5S) untuk tahun yang ketiga.

Syukur ke hadrat Allah di atas penganugerahan ini. Bagi saya, kejayaan ini adalah kejayaan bersama keluarga, rakan-rakan dan pengurusan. Mereka inilah yang banyak membantu dan memberi dorongan saya dalam mencorakkan kecemerlangan prestasi kerja. Saya percaya setiap perkara yang dilakukan dengan niat ikhlas dan penuh amanah serta usaha yang penuh rasa tanggungjawab akan mendapat keberkatan dan menghasilkan kerja yang sempurna.

Aslinda binti Suandi
Penolong Akauntan Kanan

Nurul Azwan binti Aman
Pembantu Akauntan

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 1 April 2004 sebagai Pembantu Akauntan di Unit Gaji & Pinjaman, Pejabat Bendahari dan kini ditempatkan di Unit Perolehan, Bahagian Pengurusan Bajet & Perolehan. Saya banyak membantu dalam perjalanan Mesyuarat Jawatankuasa Sebut Harga, Mesyuarat Lembaga Perolehan UTeM, penyediaan dokumentasi perolehan dan tugas-tugas lain yang diarahkan dari semasa ke semasa. Setiap tugas dan arahan saya galas dengan penuh tanggungjawab, disiplin, jujur dan amanah.

Saya melibatkan diri dalam aktiviti sukan Bola Tampar Wanita, Karom Campuran, Badminton dan Ping Pong sepanjang tahun 2004 hingga tahun 2010 sebagai atlet mewakili Pejabat Bendahari pada Kejohanan Sukan Antara Jabatan. Secara tidak langsung, saya juga terlibat dalam Kejohanan Sukan Antara Universiti pada tahun 2004 bagi mewakili acara Bola Tampar Wanita di Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Kejohanan MTUN pada tahun 2010 bagi acara Karom Campuran di Universiti Tun Hussein Onn Malaysia (UTHM). Saya juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa 5S Pejabat Bendahari dan kini memegang jawatan sebagai Ketua Jawatankuasa Audit 5S, Pejabat Bendahari.

Kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada kerjasama, kesungguhan, keikhlasan dan kejujuran dalam melaksanakan tanggungjawab yang dilamanahkan. Segunung penghargaan dan ucapan terima kasih yang tidak terhingga kepada keluarga, rakan-rakan seperjuangan dan pegawai atasan di Pejabat Bendahari khasnya di Unit Perolehan, Bahagian Pengurusan Bajet & Perolehan di atas tunjuk ajar, pembangkit semangat dan ilmu yang diberikan.


Nazurah
Nurul
Aslinda


Nurul Faezal
Norlokman

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 14 Februari 2008 sebagai Pembantu Akaunlan di Unit Gaji & Pinjaman, Pejabat Bendahari. Antara tugas saya adalah membuat pembayaran Elaun Lebih Masa staf UTeM yang layak membuat tuntutan. Di samping itu, saya juga terlibat secara langsung di dalam penambahbaikan sistem e-OT iaitu sistem permohonan Elaun Lebih Masa secara online. Selain tugas hakiki, saya juga dilantik sebagai Pemeriksa Kira-Kira Kelab Pejabat Bendahari.

Selain itu saya juga telah mewakili Pejabat Bendahari untuk sukan-sukan Antara Jabatan UTeM seperti boling padang, olahraga dan bola tampar. Saya juga telah mewakili UTeM untuk SUKUM – 35 yang berlangsung di Universiti Sains Malaysia (USM) didalam sukan Boling Padang dan telah mendapat pingat gangsa secara berpasukan. Selain itu saya juga terlibat dengan aktiviti ekstrim seperti pendakian gunung yang dilaksanakan oleh pihak Universiti dan pihak Badan Kebajikan UTeM (BAKUTeM)

Terima kasih kepada semua rakan-rakan di UTeM terutama di Pejabat Bendahari yang telah memberi tunjuk ajar dan kerjasama kepada saya. Kejayaan pada hari ini adalah kejayaan kita bersama.

Nurul Faezal bin Wahid
Pembantu Akaunlan

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 02 Julai 2008 dan ditempatkan di Unit Rekod Aset dan Stor Bekalan Pejabat, Pejabat Bendahari. Antara tugas beliau adalah memastikan pengurusan aset di universiti dilaksanakan secara teratur dari aset/inventori didaftarkan sehingga dilupuskan. Menyelenggara fail pendaftaran, penyelenggaraan dan pelupusan aset/inventori seluruh UTeM. Saya juga sering membantu dalam menjalankan verifikasi aset sebelum pendaftaran aset dan proses pelupusan. Terlibat dalam pemantauan perpindahan kampus dari Kampus Industri ke Kampus Induk. Membantu urusan pentadbiran Pejabat Bendahari, menghantar dan mengedarkan dokumen dan surat-menyurat yang diperlukan. Selain tugas hakiki, saya juga dilamanahkan sebagai AJK Pengurusan Graduan di Majlis Konvokesyen selama 2 tahun. Timbalan Ketua Zon 2 bagi Program 5S, AJK Iftar bersama Tuan Yang Terutama, AJK Induk Jamuan bagi Majlis Sambutan Eidulfitri, AJK Penganjuran Mesyuarat Bendahari-Bendahari IPTA, Petugas Bagi Pendaftaran Pelajar Baru. Selain itu, saya juga aktif di arena sukan dengan mewakili Pejabat Bendahari dalam Sukan Antara Jabatan bagi sukan Bola Sepak, Futsal dan Sepak Takraw.


Mutiara Kata: Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam melaksanakan tanggungjawab yang diberikan.

Saya berterima kasih kepada semua staf Pejabat Bendahari terutama di Unit Rekod Aset kerana banyak memberi bantuan dan tunjuk ajar.

Norlokman bin Abu Bakar
Pekerja Awam




Fakulti
Kejuruteraan Elektronik &
Kejuruteraan Komputer



Prof. Abdul Hamid bin Hamidon

Professor

Pada bulan November 2000, berdasarkan pengalaman saya, saya telah dilantik sebagai tenaga penggerak Kolej Universiti Teknikal Malaysia, Melaka bersama beberapa rakan-rakan yang lain. Pada ketika itu, KUTKM atau kini lebih dikenali sebagai UTeM bermula dari rumah kedai sehinggalah ke kampus indah ini. Terima kasih tak terhingga pada tenaga penggerak yang sama- sama berjuang untuk memajukan KUTKM ataupun UTeM sekarang ini. Antara tugas pertama saya ialah menubuhkan Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuteraan Komputer (FKEKK) dan 3 kursus Sarjana Muda serta 1 Kursus Diploma. Selain dari itu saya juga bertanggungjawab mendapatkan kakitangan serta melengkapkan makmal-makmal asas bagi menampung kemasukkan pelajar pada bulan Julai 2001. Semua ini dijalankan dengan jayanya dan saya di lantik sebagai Dekan pertama pada tahun 2001. Dua kursus Sarjana Muda mendapat pengiktirafan Lembaga Jurutera Malaysia ketika beliau menjadi Dekan fakulti.

Pada tahun 2004, FKEKK merupakan fakulti pertama yang dipindahkan ke kampus tetap Durian Tunggal. Atas usaha dalam kerja-kerja pembangunan ini saya dianugerahkan Darjah Bintang Cemerlang Negeri Melaka (BCM) pada 14 Oktober 2004.

Saya juga terlibat dalam beberapa aktiviti bersama dengan Universiti lain, terutama sekali bagi mengeluarkan buku "Halatuju Kejuruteraan bagi IPTA Malaysia" dan juga bagi menggugurkan nama Kolej Universiti ke Universiti seperti nama KUTKM ke UTeM iaitu Universiti Teknikal Malaysia, Melaka. Saya juga terlibat dalam jawatankuasa penggerak SEEM *(Society for Engineering Education, Malaysia)*

Tahun 2010 merupakan tahun yang paling mencabar bagi Universiti dan Fakulti khususnya. SO, MQA dan EAC memerlukan perubahan, peraturan pengiktirafan perlu dipatuhi, kurikulum dan silibus perlu diubahsuai dan dikemaskini, kursus dan matapelajaran baru perlu diwujudkan; dari Diploma sehinggalah ke peringkat Sarjana termasuk juga kursus-kursus Teknologi Kejuruteraan. Pengajaran perlu dipelbagaikan, dokumen-dokumen perlu disediakan, mesyuarat perlu dijalankan; bersama Industri, Panel Penasihat, Pemeriksa Luar, Badan-Badan Pengiktirafan dan juga sesama staf sendiri. Komen perlu di beri perhatian untuk penambahbaikan dan dimurnikan. Aktiviti penyelidikan, projek dan aktiviti pelajar perlu ditingkatkan. Saya amat berbangga kerana dapat melibatkan diri dalam segala aktiviti ini dan saya berbangga dengan pencapaian fakulti.

Semuanya tak akan tercapai tanpa kerjasama dan timbang rasa. Terima kasih kepada semua khususnya kepada staf FKEKK.

Noor Mazlina binti Mahmod

Pensyarah



Saya mula berkhidmat di UTeM pada tanggal 27 April 2006 sebagai tutor di Jabatan Kejuruteraan Komputer, Fakulti Kejuruteraan Elektronik & Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Semasa menjadi tutor, saya sudah menceburkan diri dalam bidang penyelidikan dengan menjadi pembantu penyelidik bagi Geran Jangka Pendek. Kemudian, saya melanjutkan pelajaran ke peringkat sarjana di University of Queensland, Australia pada tahun 2007. Semasa belajar di sana, saya pernah menerima sijil "Dean's Commendation for High Achievement" pada semester ke-2 pengajian dan telah menulis kertas prosiding hasil daripada tesis sarjana dan membentang kertas kerja di persidangan antarabangsa ICEIS 2008 di Barcelona, Sepanyol. Saya telah dilantik menjadi pensyarah pada 18 Julai 2008 dan semenjak itu saya mula melaksanakan tanggungjawab hakiki sebagai seorang pensyarah dengan penuh dedikasi. Saya juga telah dilantik sebagai ketua makmal (Makmal Digit 2) sehingga Januari 2010.

Di samping menjalankan tugas hakiki sebagai seorang pensyarah, saya juga bergiat aktif dengan aktiviti di peringkat Fakulti dan Universiti. Saya telah dilantik sebagai Timbalan Setiausaha Kelab Fakulti selama dua tahun berturut-turut, pernah menjadi penyelaras untuk program di fakulti pada tahun 2009, dan terlibat aktif dengan aktiviti anjuran kelab yang lain seperti Program Tadarus Al-Quran peringkat fakulti, Majlis Berbuka Puasa dan Khatam Al-Quran Tahunan Fakulti bersama anak yatim, golongan asnaf dan orang tua, Majlis Sambutan Hari Raya UTeM dan Hari Keluarga Fakulti. Saya juga pernah dilantik sebagai fasilitator Program Celik IT untuk pelajar tahun 6 Sekolah Kebangsaan Gangsa, Durian Tunggal pada tahun 2008. Selain itu, saya juga menjadi Ahli Jawatankuasa (AJK) Akademik Fakulti, AJK Akreditasi, AJK Laman Web Fakulti dan AJK Penulisan Buku Fakulti. Sehingga sekarang saya menjalankan tugas sebagai Moderator Fakulti untuk proses timbang tara kertas ujian Jabatan Kejuruteraan Komputer. Saya juga terlibat dengan Pembangunan Kursus Sarjana Muda Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer) dan menjadi AJK Penyediaan Kertas Kerja Fakulti Teknologi Kejuruteraan dan membantu dalam pembangunan Kursus Sarjana Muda Teknologi Kejuruteraan Komputer (Sistem Komputer). Saya telah menghasilkan sebuah buku ilmiah dan membentangkan empat kertas kerja di persidangan antarabangsa pada tahun 2010. Manakala dalam bidang penyelidikan, saya menjalankan tiga penyelidikan Geran Jangka Pendek di mana dalam salah satunya saya menjadi Ketua Penyelidik. Saya juga aktif menghadiri kursus, seminar dan bengkel yang dianjurkan oleh Fakulti, Universiti dan Kementerian Pengajian Tinggi.

Kejayaan bukanlah suatu kecemerlangan atau kepuasan yang mengembirakan sekiranya tidak dicapai dengan usaha, doa, tawakal dan redha daripada Allah dan orang di sekeliling kita.


Nik Mohd
Dr Badrul

Saya dilahirkan pada 16 Jun 1975 di Muar, Johor. Mendapat pendidikan awal di SRK Jalan Peel, Kuala Lumpur. Kemudian meneruskan pendidikan menengah di Sekolah Menengah Jalan Cochrane, Kuala Lumpur. Selepas menyempurnakan SPM di MRSM Muar, saya ditawarkan A-Level di MRSM Banting sebelum menyambung pengajian dalam bidang Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik dan Komunikasi di University of Leeds, UK. Saya juga mempunyai beberapa tahun pengalaman dalam sektor industri. Selepas itu, saya menyambung pengajian di peringkat Sarjana di UKM dan seterusnya ditawarkan untuk berkhidmat di UTeM pada tahun 2003. Pada tahun 2005, saya menyambung pengajian di peringkat PhD di University of Leeds dalam bidang Kejuruteraan Gelombang Mikro. Pada September 2008, saya kembali ke tanah air untuk menyambung perkhidmatan di UTeM.

Saya terlibat secara aktif di dalam pembangunan fakulti dan Universiti dengan menjadi ahli jawatankuasa antaranya, penyelaras projek sarjana muda, penyelaras program Sarjana Kerja Kursus, ahli jawatankuasa akademik fakulti, ahli jawatankuasa penyelidikan dan pengajian siswazah fakulti, ahli jawatankuasa kursus cuti belajar Universiti, pengerusi jawatankuasa teknikal jurnal telekomunikasi, elektronik dan kejuruteraan komputer, JTEC, ahli jawatankuasa jurnal MTUN, setiausaha ISBC2010 dan ahli jawatankuasa persatuan kakitangan akademik UTeM (UTeMASA).

Saya bersyukur kepada Allah s.w.t di atas anugerah ini. Jutaan terima kasih kepada semua staf FKEKK diatas komitmen dan kerjasama yang diberikan kerana anugerah ini tidak bermakna tanpa anda semua.

Dr Badrul Hisham Ahmad

Timbalan Dekan Penyelidikan dan Pembangunan / Pensyarah Kanan


Perkhidmatan saya di UTeM bermula 3 tahun lepas sebagai seorang penyarah di Jabatan Kejuruteraan Komputer, FKEKK. Selain dari pengajaran dan pembelajaran, sebagai seorang pensyarah saya memberi perkhidmatan penyeliaan kepada pelajar tahun akhir program sarjana muda, menghasilkan penulisan modul pengajaran dan kertas kerja, menasihat pelajar-pelajar di bawah penasihatan dan memberi khidmat masyarakat kepada penduduk di sekitar Durian Tunggal khususnya melalui program-program yang dianjurkan fakulti.

Saya telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Akreditasi, Latihan Industri dan Penulisan Buku Fakulti pada awal tahun 2008 sehingga 2010. Pada tahun 2010 juga, dua buah modul pengajaran telah berjaya dihasilkan oleh saya untuk tujuan pengajaran dan pembelajaran di bilik kuliah. Saya juga terlibat sebagai exco dalam penganjuran persidangan antarabangsa yang dianjurkan oleh FKEKK bersama universiti antarabangsa iaitu ISBC 2010. Pada tahun 2010, saya telah dilantik menjadi Ketua Jabatan (Kejuruteraan Komputer) sehingga kini.

Kejayaan ini berfitik tolak dari komitmen dan kesungguhan dalam melaksanakan tugas harian dan tanggungjawab yang telah diberikan di FKEKK.

Nik Mohd Zarifie bin Hashim

Pensyarah



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM sebagai tutor Jabatan Kejuruteraan Komputer, FKEKK pada 6 September 2006. Saya mula bergelar pensyarah pada tahun 2009, setelah memperolehi Ijazah Sarjana dari UTM, Skudai, Johor. Sepanjang tempoh perkhidmatan, saya menjalankan tugas-tugas hakiki pensyarah seperti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penerbitan, pentadbiran serta khidmat masyarakat.

Sepanjang tahun 2010, saya telah membantu ke arah kemajuan fakulti melalui penglibatan dalam beberapa jawatankuasa di fakulti serta beberapa jawatankuasa lain dalam aktiviti-aktiviti anjuran Kelab FKEKK dan fakulti. Selain itu, saya turut terlibat secara tidak langsung dalam penganjuran beberapa program universiti seperti MUCET 2010 dan ISBC 2010. Saya turut mewakili fakulti melalui sukan olahraga dan juga sukan bola jaring dalam SAJ 2010.

Saya amat bersyukur atas penganugerahan ini serta merakamkan jutaan penghargaan kepada semua pihak di UTeM khususnya di FKEKK atas kepercayaan, kerjasama dan sokongan erat yang diberikan selama ini. Pengiktirafan ini akan saya jadikan sebagai dorongan untuk lebih maju di masa hadapan.

Engr. Zarina binti Mohd. Noh

Pensyarah

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 1/9/2004 sebagai tutor. Selepas menamatkan pengajian di peringkat sarjana, saya dilantik sebagai pensyarah pada 5/6/2007. Sebagai pensyarah, saya bertanggungjawab menjalankan tugas hakiki pensyarah seperti aktiviti pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan, penulisan, penerbitan, penyeliaan, pentadbiran dan khidmat komuniti.


Saya bergiat aktif dalam aktiviti pentadbiran fakulti seperti menjadi penyelaras e-learning, AJK ISO dan pernah menjadi pemangku penyelaras ISO, AJK Seminar Dalaman, AJK Khidmat Komuniti dan beberapa jawatankuasa yang lain. Saya juga telah menerbitkan 4 kertas prosiding, 3 jurnal dan 2 modul pengajaran. Saya juga aktif dalam memberi ceramah promosi UTeM dan FKEKK ke sekolah menengah dan teknik, kolej matrikulasi dan politeknik di Malaysia selain turut serta di dalam promosi-promosi anjuran KPT seperti "Jom Masuk U" bersama PPKK.

Anugerah ini mencetuskan semangat saya untuk terus berkhidmat dengan jujur,amanah dan cemerlang.

Noor Asyikin binti Sulaiman

Pensyarah


Zarina
Noor Asyikin
65



Memulakan kerjaya di UTeM pada 26 Mac 2004 sebagai seorang Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer sebelum menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Kejuruteraan Mekatronik dan kawalan automatik dan kini menjadi pensyarah di FKEKK.

Saya telah menganggotai beberapa Jawatan kuasa bagi memastikan fakulti berjalan lancar dalam mencapai sasarannya. Dengan menganggotai Jawatankuasa penubuhan kursus baru, saya dan rakan-rakan telah berusaha untuk merangka dan menambah baik isi kandungan dan kualiti kursus baru yang akan ditawarkan di FKEKK. Dalam usaha mengurangkan kerja-kerja pengkeranian yang dihadapi fakulti, melalui jawatankuasa Latihan Industri pula, saya, AJK dan pelajar telah membangun dan mengimplimentasikan sistem pendaftaran maklumat Latihan Industri secara atas talian. Manakala, dengan harapan supaya pelajar FKEKK sentiasa peka dan mempunyai pendedahan terkini trend teknologi yang digunakan oleh industri, melalui Jawatankuasa seminar fakulti, saya dan AJK lain telah berusaha untuk menjemput dan mengadakan seminar industri untuk pelajar. Bagi mendukung aktiviti usahasama fakulti dan University Lancaster dalam penganjuran persidangan ISBC2010, saya telah diberi kepercayaan memastikan urusan biro logistik dan pengaturan am berjalan lancar sewaktu berlangsungnya persidangan tersebut. Bagi kegiatan bukan bersifat akademik pula, saya diberi kepercayaan menyandang jawatan Presiden Kelab FKEKK bagi sesi 2009-2010. Melalui kelab ini, semua AJK dan ahli telah sama-sama berusaha dan berjaya menganjurkan pelbagai aktiviti seperti pertandingan boling peringkat Fakulti 2010, Hari Keluarga Fkekk 2010, Majlis Berbuka Puasa di Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka. Pengalaman pencapaian kelab yang tidak dapat dilupakan adalah memenangi johan kategori dalam Majlis Sambutan Aidil Fitri 2010.

Kejayaan ini bestiswa bukanlah kejayaan saya seorang, tanpa bantuan dari rakan-rakan seperjuangan, saya 110% pasti, perkara di atas tidak dapat dicapai. Terima kasih rakan-rakan di FKEKK (dan yang baru bertukar ke PTJ lain) di atas bantuan semua, yang telah memastikan perkara yang saya nyatakan diatas terlaksana.

Adie bin Mohd Khafe
Penyelaras



Fauzi bin Hj Abdul Wahab

Pensyarah

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 22 Mac 2002 sebagai Jurutera Pengajar di Jabatan Kejuruteraan Telekomunikasi. Jun 2005, saya dilantik sebagai Pensyarah dan berkhidmat sebagai Penyelaras Makmal dari 2006 hingga 2008. Sebagai Pensyarah, saya turut terlibat dalam beberapa penyelidikan dan penghasilan modul pengajaran.

Selain dari tugas hakiki, saya pernah dilantik sebagai Ketua Makmal, penggubal dan pemeriksa kertas soalan PTK, menganggotai JK Latihan Industri, JK Akreditasi, JK Pengajian Diploma, JK Penentuan Teknikal Fakulti, JK Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FKEKK. Saya juga pernah menyumbang kepada Kelab FKEKK sebagai AJK Biro Keusahawanan.

Saya terus diberi kepercayaan oleh fakulti untuk menjadi salah seorang Moderator kertas-kertas ujian Jabatan Kejuruteraan Telekomunikasi, Wakil Majikan JK Persekitaran Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan FKEKK, AJK Pelaksana Kursus FOA'S Certified Optic Training dan di peringkat universiti, sebagai AJK Penggerak Penubuhan Program di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM.

Syukur ke hadrat Illahi di atas nikmat dan rezeki sebagai salah seorang penerima APC 2010. Terima kasih kepada pihak pentadbiran FKEKK dan UTeM kerana memberi peluang dan ruang untuk menyumbang serta mengiktiraf khidmat yang telah dicurahkan. Tidak dilupakan juga terima kasih kepada keluarga dan rakan-rakan yang sentiasa menyokong dan mendorong untuk sentiasa terus berusaha.

"Orang-orang yang paling bahagia tidak memiliki semua yang terbaik tetapi membuat yang terbaik dari semua yang dimiliki".



Sebelum memulakan kerjaya di UTeM, saya telah berkhidmat sebagai Pembantu Pensyarah di UniKL MIMET. Saya mula berkhidmat sebagai Tutor di FKEKK pada tanggal 1 September 2005, dan telah dilantik ke jawatan Pensyarah pada Julai 2008.


Selain daripada aktiviti P&P, saya telah menerbitkan beberapa modul pembelajaran untuk pelajar FKEKK. Saya juga aktif dalam penulisan kertas kerja dan pembentangan diperingkat nasional dan antarabangsa dalam bidang komunikasi optik dan pendidikan kejuruteraan (Engineering Education).

Saya merupakan Penyelaras e-Learning FKEKK, Ketua Makmal Perhubungan Lanjutan, ahli jawatankuasa untuk AJK Penulisan Buku, AJK ISO, AJK Akreditasi, dan Setiausaha Kelab FKEKK. Selain itu, saya juga terlibat secara langsung dalam membangunkan makmal baru dan menghasilkan kertas kerja pemurnian kurikum Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Elektronik (Komunikasi Wayarless), pemurnian kurikulum Pengajian Diploma dan penyediaan kertas kerja kursus Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Teknologi.

Saya juga aktif dalam sukan dimana saya telah mewakili PTj untuk Sukan Antara Jabatan dan mewakili UTeM dalam permainan bola tampar. Selain itu, saya juga turut terlibat dalam aktiviti yang dianjurkan oleh Universiti, KPT dan beberapa aktiviti kemasyarakatan.

Success is the sum of small efforts, repeated day in and day out.

Zaiton binti Abdul Mutalip
Pensyarah




Saya mula bekerja di UTeM pada tahun 2003 sebagai Jurutera Pengajar di jabatan Telekomunikasi di FKEKK. Dengan pengalaman industri yang ada , saya telah membantu fakulti dalam pembangunan makmal dan penempatan latihan industri pelajar ke syarikat. Selain itu saya juga telah dilantik dalam beberapa jawatankuasa di peringkat Fakulti dan Universiti. Tugas-tugas yang diberikan kepada saya akan dijalankan dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah dan memastikan lanya mencapai matlamat yang dikehendaki.

Saya telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa seperti Akademik Fakulti, Penentuan Teknikal Fakulti, Penyelaras Latihan Industri, kurukulum Diploma, Ketua Makmal, INOTEK dan kelab FKEKK. Manakala di peringkat Universiti saya memegang AJK penentuan teknikal Universiti, pelupusan aset, latihan industri dan hubungan industri. Saya juga mempunyai inisiatif sendiri untuk memudahkan kerja Pensyarah dan Jurutera Pengajar dalam proses menganalisa matapelajaran dengan menghasilkan satu program simulasi berdasarkan pendekatan OBE bagi keperluan akreditasi di mana dapat membantu dalam proses pembelajaran dan pengajaran. Saya juga aktif dalam aktiviti sukan diperingkat fakulti iaitu telah mewakili pasukan fakulti dalam sukan bolasepak, badminton dan Futsal.

Kejayaan ini tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab yang diberikan.

Abdul Halim bin Dahalan

Jurutera Pengajar



Hazrin binti Hj. Kasim

Penolong Pendaftar

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 3hb April 2006 sebagai seorang Penolong Pendaftar di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Saya dipertanggungjawabkan dalam membantu fakulti menguruskan hal-hal pentadbiran fakulti selain memastikan urusan pentadbiran berjalan dengan lancar terutamanya maklumat yang diterima dapat disampaikan dengan tepat dan jelas. Sepanjang berkhidmat di FKEKK saya telah berjaya menyeragamkan dan mengaplikasikan tatacara pengurusan fail yang sistematik, memastikan semua staf memahami prosedur pentadbiran fakulti yang ditetapkan serta membantu dalam urusan pelupusan aset fakulti.

Sepanjang berkhidmat di UTeM, saya telah dilantik sebagai AJK bagi Jawatankuasa Pelupusan Fail dan Rekod Universiti, Jawatankuasa Majlis Konvokesyen UTeM ke 6, AJK bagi Jawatankuasa Fail Meja dan MPK Fakulti, AJK Jawatankuasa Kecerlaan Fakulti, AJK bagi Jawatankuasa Aset Fakulti, AJK bagi Jawatankuasa ISO Fakulti dan AJK bagi Majlis Anugerah Dekan Fakulti.


Kejayaan yang dicapai adalah hasil sokongan dan tunjuk ajar daripada Dekan, Mantan-Mantan Dekan FKEKK, seluruh warga FKEKK serta Keluarga tercinta. Cabaran dan dugaan yang datang menjadikan saya seorang yang lebih berfikiran untuk terus menjadi insan yang cemerlang.


Saya mula berkhidmat di KUTKM pada 26 Februari 2003 dan di tempatkan di Makmal Elektronik Industri. Semasa bertugas di makmal, saya telah banyak menyumbang tenaga dalam penyediaan dokumen akreditasi, dokumen ISO, menyediakan manual ujikaji pelajar, selain melaksanakan tugas hakiki saya iaitu kerja-kerja penyelenggaraan dan penyediaan peralatan makmal.

Saya juga telah di lantik menjadi Ahli Jawatankuasa Penerbitan Fakulti, Ahli Jawatankuasa Seminar Fakulti, Jurufoto Fakulti serta Ahli Jawatankuasa Pameran Fakulti sempena pesta Konvokesyen UTeM 2010. Saya juga aktif mewakili fakulti FKEKK dalam bidang sukan antaranya bowling, bola tampar, ping pong dan bola sepak.

Saya amat bersyukur di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang di berikan dan saya berharap anugerah ini menjadi inspirasi untuk saya berkhidmat dengan lebih cemerlang. Ianya tidak akan tercapai tanpa kerjasama dan sokongan dari keluarga dan rakan-rakan sekerja di FEKK maupun UTeM. Namun apa yang lebih penting bagi saya adalah kepuasan dan kepuasan melaksanakan sesuatu tanggungjawab menghasilkan mutu kerja yang terbaik tanpa mengharap sebarang balasan.

Izwan bin Hamdan
Juruteknik






Saya mula berkhidmat sebagai juruteknik di UTeM pada 25 Febuari 2003 dan di tempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer. Tugas saya adalah memastikan segala pengajaran dan pembelajaran berkaitan makmal dapat dijalankan dengan jayanya disamping membantu staf dan pelajar dalam kerja penyelidikan khususnya yang melibatkan penggunaan makmal.

Saya telah dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Khidmat Komuniti FKEKK yang juga aktif dalam program promosi fakulti dan universiti antaranya mempromosikan UTeM khususnya dan umumnya kepada masyarakat luar di Malaysia. Saya juga terlibat dengan Bengkel Pembangunan Kurikulum dan Silibus untuk penubuhan kursus baru iaitu Mikroelektronik dan juga menjadi Pembantu Penceramah Untuk Kursus Pendek Programmable Logic Controller (PLC) Bagi Sekolah Menengah.

Saya amat bersyukur di atas Anugerah Perkhidmatan Cemerlang yang diberikan untuk memastikan setiap tanggungjawab yang diamanahkan menjadi inspirasi untuk terus berkh[illegible]mat dengan lebih cemerlang. Tidak dilupakan juga pada [illegible]i tercinta, keluarga saya dan rakan sekerja yang banyak membantu saya bagi memastikan setiap tanggungjawab yang diamanahkan dilaksukan dengan cemerlang dan terbaik.

Muhammad Helmy bin Elias
Juruteknik




Saya mula berkhidmat di UTeM pada 14 Februari 2008 sebagai Pembantu Am Pejabat. Ditempatkan di Bahagian Pentadbiran, Fakulti Kejuruteraan Elektronik dan Kejuruteraan Komputer (FKEKK). Dihugaskan untuk menjaga dan mengawal pergerakan harta tetap universiti dan sebagainya. Dengan rasa penuh tanggungjawab, jujur dan amanah dalam diri ini menjadi pemangkin untuk menerima dan meneruskan tugas yang diberikan.


Saya dilantik sebagai ahli Jawatankuasa Konvokesyen selama 3 tahun berturut-turut. Selain dari itu, saya juga dilantik ahli Jawatankuasa pameran pada Minggu Haluan Siswa, ahli JawataKuasa Majlis Anugerah Dekan.

Berkat keikhlasan dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tugas serta tanggungjawab yang diberikan akan menghasilkan kejayaan yang tidak ternilai.

Ruszaide bin Hj Mohamad
Pembantu Am Pejabat




Fakulti
Kejuruteraan Elektrik



Ahmad Zubir bin Jamil

Ketua Jabatan
Diploma (Jurutera Pengajar Kanan)

Saya telah memulakan perkhidmatan di UTeM pada 05 April 2004 sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Saya banyak terlibat dalam kerja-kerja pengurusan di makmal dan bengkel samada melibatkan aktiviti pengajaran mahupun pembelajaran serta pembangunan. Saya juga terlibat secara langsung dalam pengendalian kuliah dan kerja-kerja praktikal bagi program pengajian diploma. Setiap tugas yang dipertanggungjawabkan kepada saya, saya telah cuba sedaya upaya untuk melaksanakannya dengan sebaik yang mungkin.

Buat masa ini saya telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengajian Diploma FKE bermula pada Mac 2010. Selain dari itu, saya juga telah dilantik sebagai JawatanKuasa Pemeriksa Pelupusan (JKPP) Universiti bermula Oktober 2010. Saya juga aktif sebagai salah seorang ahli perunding bagi projek KKTM serta ahli JawatanKuasa Penggerak bagi Penubuhan Program di bawah Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM. Di peringkat fakulti, saya terlibat sebagai penyelaras bagi subjek makmal serta pembangunan subjek amalan kejuruteraan, ketua jawatankuasa dan juga mewakili PTj dalam sukan badminton pada tahun 2009 dan 2010. Juga sebagai salah seorang tenaga pengajar bagi program GREAT di bawah kendalian FMM bagi tahun 2009 dan 2010.

Buat apa yang boleh, dengan apa yang dimiliki, tidak kira di mana berada.

Saya merupakan graduan Sarjana Muda daripada Universiti Teknologi Malaysia (UTM) dan graduan Sarjana daripada Universiti Teknikal Malaysia Melaka (UTeM).

Selepas memperoleh Ijazah Pertama, saya kemudiannya ditawarkan bekerja sebagai System Engineer di System Consultancy Services Sdn Bhd, sebuah syarikat swasta yang beroperasi di Wangsa Maju, Kuala Lumpur. Berbekalkan pengalaman sebagai Jurutera, saya telah melibatkan diri dalam pelbagai bidang projek Penyelidikan dan Pembangunan (R&D) untuk kegunaan ketenteraan seperti Number Plate Recognition System (NPR) untuk Kementerian Pertahanan (MINDEF) dan projek Unmanned Aerial Vehicle (UAV) untuk Tentera Darat Diraja Malaysia. Saya merupakan ketua kumpulan bagi melaksanakan projek Vision Tracking and Recognition serta Intelligent Sound System untuk Masjid Wilayah Persekutuan, Kuala Lumpur.

Pada 20 Oktober 2003, saya telah memulakan perkhidmatannya di KUTKM sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan sekarang berkhidmat sebagai Pensyarah di Jabatan Mekatronik, UTeM. Saya banyak melibatkan diri di dalam program-program anjuran Universiti dan badan Kerajaan. Saya merupakan nadi penggerak Robocon UTeM sejak 2006. Dengan kepimpinan dan kepakarannya , UTeM telah memenangi Best Design Award (Robocon 2007), Best Design Award dan 1st Runner Up (Robocon 2008). Saya juga aktif dalam penulisan 25 kertas kerja persidangan serta jurnal samada tempatan mahupun antarabangsa.

Saya merupakan Ketua Penyelidik kepada dua projek dan juga merupakan ahli kepada sembilan Projek Jangka Pendek (PJP) UTeM di dalam bidang Vision System, Underwater Gadget, Flying Robot, Robotic Application, Home Security, SMS, GPS dan Teknologi Paparan LED. Saya telah mewakili fakulti dalam acara olahraga dan bola tampar untuk Sukan Antara Jabatan 2010. Saya sangat aktif menyertai pelbagai pertandingan dan pameran samada tempatan ataupun antarabangsa dan dipertanggungjawabkan untuk mengetuai Jawatankuasa Inovasi & Pertandingan Fakulti. Dengan komitmen dan semangat yang tinggi dalam Penyelidikan dan Pembangunan (R&D), saya telah dianugerahkan sebanyak tiga belas (13) Pingat Emas, sembilan (9) Pingat Perak, lima (5) Pingat Gangsa serta lima (5) Special Award. Pada tahun 2010, saya telah menghasilkan produk Automated Inteligent Storage Security and Alert System (GAS2000) berpaten yang telah memenangi Pingat Emas di MTE'10, ENVEX'10, NRIC'10 (Malaysia) dan juga Pingat Emas di SIIF 2010 yang dipertandingkan di Seoul, Korea Selatan. Saya juga telah dianugerahkan sebagai Finalis akhir untuk dua anugerah inovasi Malaysia paling berharga iaitu Anugerah Inovasi Produk Bersama (LED ARMS) dan Anugerah Inovasi Negara dalam kategori Pereka Muda juga Finalis Anugerah Akademik Universiti UTeM 2010 (kategori Penyelidikan). Semangat dan kecekalannya di dalam bidang penyelidikan akan diteruskan demi menjadikan UTeM sebuah universiti terkemuka di dunia pada masa akan datang.



Muhammad Herman bin Jamaluddin

Pensyarah



Alhamdulillah. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 15 Disember 2008 sebagai pensyarah Matematik di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Penglibatan saya dalam beberapa jawatankuasa peringkat fakulti termasuklah JK Biro Perhubungan Awam & Publisiti ICEI2010, JK Pascasiswazah, JK Penerbitan selain merupakan Setiausaha JK Pengajaran & Pembelajaran.

Dalam bidang penyelidikan, sepanjang 2010 saya terlibat dengan beberapa PJP di mana salah satu daripadanya saya bertanggungjawab sebagai ketua penyelidik. Berdepan dengan tugas aktiviti pengajaran & pembelajaran yang agak padat, saya berkelapangan membentangkan kertas kerja peringkat kebangsaan dan antarabangsa di SKSKM2010 dan CIAM2010. Saya juga merupakan pengarang bersama Modul 'Differential Equation-2' dan 'Introduction to Linear Algebra'. Saya juga melibatkan diri dalam sukan bola jaring dan bola tampar pada SAJ tahun 2010 & 2011.

"Usah berharap untuk suatu cabaran itu berkurang; tapi berharaplah kebijaksanaan diri meningkat". Kecemerlangan ini adalah hasil dedikasi bersama semua rekan-rekan di fakulti dan diharapkan akan berterusan untuk tahun-tahun mendatang. InsyaAllah..

Nur Ilyana Anwar Apandi
Pensyarah





Memulakan perkhidmatan di UTeM pada November 2004 sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik, sebelum diberi peluang untuk melanjutkan pelajaran ke peringkat Sarjana di University of Sheffield, UK dalam bidang Sistem Kawalan. Dilantik menjadi pensyarah pada tahun 2006 dan telah menjalankan tugas dalam pengajaran dan pembelajaran, penasihatan akademik, penyeliaan pelajar pra-siswazah dan penyelidikan.

Telah diberi kepercayaan dari tahun 2007 sehingga kini, sebagai Ketua Jawatankuasa Projek Sarjana Muda dan Problem Based Learning di fakulti, di mana bertanggungjawab dalam menyelaras dan mengarjurkan bengkel-bengkel pelajar. Selain itu, saya telah banyak membantu urusan pentadbiran melalui penglibatan dalam penmurnian silibus, perancangan kurikulum baru FKE dan pelaksanaan OBE.

Alhamdulillah syukur ke-hadrat Nya atas rezeki yang diberi. Ingin merakamkan penghargaan buat suami Adanan Bin Azmi Gan dan anak-anak, Adriana Nur dan Ahmad Hadif yang sentiasa memahami tanggungjawab kerja. Tidak ketinggalan kepada rakan-rakan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik atas kepercayaan, kerjasama dan galakan yang diberi. Tanpa mereka, kejayaan ini tidak akan dikecapi.

Ainain Nur binti Hanafi
Pensyarah


Kyairul
Md Hairul



Saya mula berkhidmat di Fakulti Kejuruteraan Elektrik sebagai tutor pada bulan April 2006. Selepas menamatkan pengajian sarjana, saya telah menyambung kembali tugas dan dilantik sebagai pensyarah pada bulan Februari 2008 di bawah Jabatan Kuasa Industri (BEKP).

Selain melaksanakan tugas-tugas pengajaran dan pembelajaran, saya adalah merupakan penyelidik yang mengkhusus kepada sumber tenaga baru dalam penjanaan elektrik dan grid pintar. Di peringkat fakulti, saya memegang amanah sebagai Ketua Jawatankuasa Penerbitan FKE, selain merupakan AJK OBE dan EAC untuk Jabatan Kuasa Industri. Di peringkat universiti pula, saya telah diamanahkan sebagai AJK ICEI 2010 dan AJK Kerja Pusat Repositori (IR) UTeM.

Dari sudut sukan, saya merupakan seorang yang aktif dalam sukan bola tampar di mana buat masa ini, saya memegang jawatan sebagai Penyelaras Sukan Bola tampar UTeM selain daripada menjadi pemain universiti.

Kejayaan atau kegagalan hari ini, adalah ketentuan yang telah ditetapkan oleh Allah untuk menjadikan kita insan yang lebih baik pada hari esok.


Kyairul Azmi bin Baharin
Pensyarah

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 2002 sebagai Juruteta Pengajar dan dilantik sebagai Pensyarah pada 2005. Sepanjang perkhidmatan beliau pernah diamanahkan untuk memegang beberapa jawatan pentadbiran seperti Penyelaras Diploma, Ketua Jabatan, Ketua JK OBE, Ketua JK Latihan & Bengkel dan AJK di peringkat universiti.

Sepanjang 2010, saya banyak terlibat dalam pengurusan dan perlaksanaan aktiviti di peringkat Jabatan dan Fakulti. Di samping itu, saya juga terlibat dalam Penubuhan Program Teknologi Kejuruteraan Elektrik, Projek Perundingan KKTM dan Penganjuran ICEI2010. Di dalam catatan 2010 juga, saya telah berjaya menerbitkan beberapa kertas kerja persidangan, menerbitkan modul, melaksanakan geran PJP, penceramah OBE, dan Panel Kajian Kurikulum Diploma KUIM.

Syukur Alhamdulillah atas rezeki yang diberikan dan terima kasih UTeM.

Md Hairul Nizam bin Talib
Pensyarah Kanan



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 9 Jun 2005 sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Pengalaman bertugas di industri dan pengalaman berkhidmat dalam bidang akademik selama 10 tahun telah banyak membantu saya melaksanakan arahan dan tugas-tugas yang diberikan dengan penuh rasa tanggungjawab, jujur dan amanah.


Disamping tugas hakiki, saya juga terlibat dengn beberapa projek konsultansi serta saya juga banyak melakukan kerja-kerja promosi untuk FKE dan UTeM sebagai penceramah dan petugas pameran di dalam dan di luar Melaka. Selain daripada itu, saya juga pernah mewakili UTeM di dalam Kejohanan Sukan MTUN 2010. Saya juga telah menerbitkan artikel penyelidikan di persidangan serta jurnal peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Saya juga memenangi beberapa pingat di pertandingan inovasi & rekacipta diperingkat kebangsaan seperti MTE 2010, ITEX 2010 , ENVEX 2010, NRIC 2010 dan diperingkat antarabangsa SIIF 2010, Korea.

Mohd Farriz bin Hj Md Basar
Jurutera Pengajar

Saya mula berkhidmat di UTeM pada Ogos 2006 sebagai Jurutera Pengajar di Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Di FKE saya bertanggungjawab dalam aktiviti pengajaran & pembelajaran bagi program Ijazah Sarjana Muda & Diploma, bidang penyelidikan, penyeliaan dan pentadbiran yang telah diamanahkan di peringkat fakulti & universiti. Sepanjang tahun 2010, saya telah dilantik sebagai JK Penggerak Penubuhan Program Fakulti Teknologi Kejuruteraan UTeM dan JK Pelaksana ICEI 2010 diperingat universiti. Saya juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan telah memenangi beberapa pertandingan antaranya MTE dan NRIC bagi projek bersama pelajar. Selain itu, saya juga menjadi penyelidik utama dan penyelidik bersama dalam beberapa geran penyelidikan. Dalam kegiatan sukan, saya mewakili UTeM dalam sukan Bola Tampar di SUKUM ke-35, 2010 dan mewakili fakulti dalam sukan badminton.

Muhammad Sharil bin Yahaya
Jurutera Pengajar Kanan


Sharil
Mohd Farriz



Siti Aishah binti Mat Zain

Pembantu Tadbir (P/O) Kanan

Alhamdulillah kini telah hampir 10 tahun lebih perkhidmatan saya di UTeM ialtu mulai 1 Jun 2001 yang pertama kali ditempatkan di Pejabat Hal Ehwal Pelajar sehingga 30 Januari 2008. Selepas itu saya ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Elektrik pada 1 Februari 2008 sehingga kini. Perkongsian idea bersama teman-teman di Fakulti disamping pengalaman yang diperolehi sepanjang perkhidmatan banyak membantu saya melaksanakan tugasan yang dipertanggungjawabkan.

Pada tahun 2010 Fakulti telah menjadi penganjur Persidangan Antarabangsa "ICEI 2010", saya telah membantu Fakulti menjayakan pelaksanaan program tersebut dari segi membantu penerbitan bahan-bahan promosi, memudahkan pendaftaran dengan menyediakan pendaftaran secara elektronik, pengurusan cenderahati dan penginapan program tersebut. Membantu Fakulti dalam melaksanakan sistem tempahan ruang secara "online" , sistem fail secara elektronik dan penyediaan susun atur ruang kerja staf di Fakulti. Menjadi AJK Penerbitan dan ICT, JK Keselamatan dan Kesihatan Pekerja (OSHA) di peringkat Fakulti dan di peringkat universiti pula saya turut memyumbang tenaga sebagai AJK KEKUTEM, JK Penaja PERASA dan Kelab Gamelan Staf semasa Majlis Konvokesyen.

Tanpa sokongan dan semangat kerjasama yang tinggi dari rakan sekerja di Fakulti tidak mudah untuk melaksanakan apa yang dirancangkan dengan jayanya. Terima kasih saya ucapkan buat rakan-rakan sekerja yang banyak membantu memberi kerjasama dan sokongan mereka sepanjang saya menjalankan tugas di sini.




Azhan bin Abdul Raub

Juruteknik

Bersyukur kepada Allah S.W.T di atas penganugerahan ini. Penghargaan kepada rekan-rekan di atas sokongan, tunjukajar serta teguran yang menjadi pemangkin untuk lebih berjaya di Dunia dan Akhirat Saya mula berkhidmat di UTeM pada 19hb April 2004 sebagai Juruteknik di Pejabat Hal Ehwal Pelajar dan Alumni. Berbekalkan pengalaman di sektor swasta kini saya berkhidmat di Jabatan Kawalan, Instrumentasi & Automasi, Fakulti Kejuruteraan Elektrik.

Di Fakulti saya terlibat dengan JawatanKuasa Audit dan JawatanKuasa Perselisihan, Keselamatan dan Kesihatan Pekerja. Selain daripada itu saya juga dilantik Jawatan Kuasa Hari bersama Penasihat Akademik FKE.

Satu kerugian jika ilmu dan pengalaman yang sedikit kita ada tidak dimanfaatkan. Tanggungjawab yang diamanahkan hendaklah dilaksanakan dengan sejujurnya.




Mohd Hedzuan bin Hasbullah

Juruteknik

Saya memulakan tugas perkhidmatan di UTeM pada 18 Januari 2008 sebagai Juruteknik dan ditempatkan di Bengkel Kuasa Industri. Tugas-tugas saya adalah bertanggujawab memastikan makmal dalam keadaan sedia digunakan untuk proses pengajaran, pembelajaran dan penyelidikan. Di samping itu juga saya bertanggujawab memastikan peralatan makmal berfungsi dengan baik dan selamat digunakan. Saya banyak membantu dalam menyediakan peralatan dan kemudahan yang diperlukan sebelum dan selepas sesi makmal dijalankan. Semasa sesi makmal dijalankan, saya membantu juga tenaga pengajar. Dari segi merancang pembelian kemudahan dan peralatan makmal, saya ada juga membantu dalam proses tersebut. Akhir sekali saya melaksanakan lain-lain tugas yang diarahkan oleh Jabatan/Fakulti dengan penuh tanggungjawab.

Sepanjang berkhidmat di UTeM, saya juga menyumbang dan menyandang beberapa program untuk Fakulti dan UTeM. Antara sumbangan tersebut ialah membantu dalam proses mereka bentuk WORKBENCH MOTOR STATER dan rak susunan bagi memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran di Bengkel Kuasa Industri, Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Antara jawatankuasa yang pernah saya terlibat pula ialah menjadi petugas Majlis Konvokesyen 2 tahun berturut-turut (2008 & 2009), ahli Jawatankuasa Latihan Dan Bengkel, Ahli Jawatankuasa Makmal dan Bengkel, Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan, Ahli Jawatankuasa The 2nd International Conference On Engineering & ICT 2010 (ICEI) dan lain-lain. Saya juga mewakili Fakulti Kejuruteraan Elektrik dalam sukan antara jabatan seperti Bola Sepak, Futsal, Olahraga dan Sepak Takraw.

Kejayaan yang hendak kita kecapi tidak datang dengan sendiri tanpa usaha dari diri sendiri.



Saya mendaftar di UTeM pada tanggal 7 Mei 2007 sebagai staf sementara dan dipertanggungjawabkan untuk bertugas di Fakulti Kejuruteraan Elektrik kemudian diserap di Fakulti yang sama sebagai staf tetap pada 31 Disember 2007. Saya ditugaskan untuk menjaga di Makmal elektrik dan elektronik 2 yang mana saya dipertanggungjawabkan oleh Fakulti untuk mengawal kelancaran pembelajaran dan pengajaran di makmal tersebut. Saya juga banyak melibatkan diri dalam aktiviti-aktiviti pelajar di Fakulti bagi menjayakan serta melancarkan perjalanan aktiviti pelajar di fakulti. Setiap arahan yang saya terima oleh Dekan fakulti atau Ketua Jabatan dan Penolong Jurutera akan saya laksanakan dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.

Sepanjang saya di Fakulti Kejuruteraan Elektrik saya banyak menyandang jawatan Ahli jawatankuasa program untuk Fakulti. Antara jawatankuasa yang saya terlibat ialah OSHA, baik pulih peralatan, jurufoto, Logistic untuk majlis anugerah dekan, pilihan raya MPP dan sebagainya. Saya juga terlibat sebagai AJK Robocon Fakulti selama tahun berturut-turut. Saja juga ada melibatkan diri sebagai pelaksana untuk majlis konvokesyen universiti selama tiga tahun berturut-turut. Saya juga aktif mewakili fakulti dalam sukan untuk acara bakopan, sepak takraw dan tarik tali.

Kejayaan tak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan kecekapan dalam melaksanakan tanggungjawab serta kepercayaan yang diberi oleh semua staf Fakulti Kejuruteraan Elektrik

Fadhil bin Ahmad
Juruteknik

Mula berkhidmat di UTeM pada tanggal 12 Julai 2004 sebagai tutor di Fakulti Kejuruteraan Elektrik dan seterusnya dinaikkan ke jawatan pensyarah di fakulti yang sama pada tanggal 30 oktober 2006. Membantu fakulti dalam pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran selain menjalankan tugas jawatankuasa di peringkat fakulti sejak mula. Diamanahkan sebagai ketua jabatan pada akhir 2008 dan kini diamanahkan menjalankan tugas timbalan dekan (akademik). Menjadikan mukhlis sebagai moto diri sebagai panduan perkhidmatan harian.

Membantu fakulti dalam perancangan akademik dan kurikulum dalam pelaksanaan P&P, OBE dan akreditasi lebih-lebih lagi dalam semakan, pendokumentasian, persediaan lawatan audit dan penambahbaikan berterusan. Terlibat secara langsung dalam membantu fakulti merangka hal etiwal akademik di fakulti selain menambahbaik sistem yang ada. Diberi mandat sebagai penasihat akademik dengan diberi peluang memberi bantuan secara langsung dengan semua pelajar ik dan ds dalam merangka aktiviti bersesuaian dari semasa ke semasa sehingga hari ini. Aktif dalam mengajar seni bela diri di melaka dalam bersama-sama sahabat menyumbang bakti kepada masyarakat.

Mukhlis serap menjadi aturan hidup dalam perkhidmatan tidak kira dengan UTeM masyarakat sangkut dan lain-lain

Hyrell Anuar bin Kasdirin


Timbalan Dekan (Akademik)

Zulhani bin Rasin

Ketua Jabatan



Saya memulakan perkhidmatannya di UTeM sebagai Jurutera Pengajar pada tahun 2006 dan kini merupakan pensyarah di Jabatan Kejuruteraan Elektronik Kuasa dan Pemacu, Fakulti Kejuruteraan Elektrik. Selain daripada menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, saya pernah mengetuai Jawatankuasa Penasihatan Akademik dan Jawatankuasa Buku Panduan, Jadual Waktu & Agihan Beban Pensyarah di peringkat Fakulti selain menganggotai beberapa Jawatankuasa yang lain. Selain itu saya turut mengaktifkan diri di bidang penyelidikan dengan mengetuai beberapa geran penyelidikan jangka pendek dan telah menghasilkan beberapa penerbitan penyelidikan di beberapa persidangan dan jurnal. Jawatan terakhir saya adalah sebagai Ketua Jabatan di Jabatan Kejuruteraan Elektronik Kuasa dan Pemacu bermula pada Julai 2010 sebelum berangkat melanjutkan pengajian di peringkat PhD di University of New South Wales, Sydney pada Disember 2010.


Fakulti
Kejuruteraan Mekanikal



Saya mula berkhidmat sebagai pensyarah di UTeM pada tahun 2001. Selain terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, saya banyak membantu fakulti dalam perkara berkaitan akademik, pentadbiran dan pembangunan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang disertai selama ini.

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa Outcome Based Education (OBE), Ahli Jawatankuasa Penyediaan Pengajaran dan Pembelajaran dan tenaga Penggerak Penubuhan Program Baru peringkat UTeM dan dilantik sebagai pengerusi Jawatankuasa Pengajaran & Pembelajaran peringkat FKM. Selain daripada itu, saya terlibat sepenuhnya dalam memastikan salah satu program akademik FKM memperoleh pengiktirafan daripada badan akreditasi berkaitan. Saya juga terlibat dalam penyelidikan, perundingan, penulisan dan juga telah memenangi pingat perak semasa menyertai pertandingan expo MTE 2010. Saya juga mewakili FKM dalam sukan ping pong dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) 2010.

Sebarang perkara yang diaksandkan perlu disusuli dengan penuh kelikhlasan, bertanggungjawab dan komitmen yang tinggi.


Wan Mohd Farid bin Wan Mohamad
Pensyarah



Saya mula berkhidmat sebagai Tutor di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal pada tahun 2005. Kemudian meneruskan pengajian di peringkat Sarjana pada Tahun 2006 di Coventry University, United Kingdom dan telah dilantik menjadi pensyarah di Jabatan Rekabentuk & Inovasi pada tahun 2007. Saya juga telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Rekabentuk & Inovasi pada September 2009. Selain terlibat dalam aktiviti pengajaran dan pembelajaran, saya banyak membantu fakulti dalam perkara berkaitan akademik, pentadbiran dan pembangunan melalui jawatankuasa-jawatankuasa yang diserlai sepanjang berkhidmat di UTeM.

Saya dilantik menjadi Pengerusi Jawatankuasa ISO dan Sistem Kualiti fakulti yang mana bertanggungjawab memastikan prosedur kerja dapat dipatuhi oleh semua staf dan juga membantu fakulti serta UTeM mendapatkan pengiktirafan Persijilan ISO 9001:2008. Selain itu, saya juga dilantik menjadi Ahli Jawatankuasa Pengajaran & Pembelajaran dan Jawatankuasa Kewangan peringkat FKM. Saya juga terlibat sepenuhnya dalam mendapatkan pengiktirafan program Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan Mekanikal (Rekabentuk & Inovasi) daripada Badan Akreditasi Kejuruteraan. Saya terlibat dalam aktiviti-aktiviti penyelidikan dan menjadi penyelidik utama serta penyelidik bersama untuk beberapa geran penyelidikan. Saya telah mewakili FKM dalam sukan tenis dalam Sukan Antara Jabatan (SAJ) 2010.

Shafizal bin Mat
Pensyarah / Ketua Jabatan



Engr Dr Md Fahmi bin Abd Samad @ Mahmood

Pensyarah Kanan

Saya mula berkhidmat sebagai pensyarah di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal, UTeM pada 24 April 2002. Sepanjang berkhidmat, saya terlibat di dalam pengajaran dan penyeliaan pelajar-pelajar FKM peringkat Sarjana Muda dan Diploma. Setelah kembali dari pengajian PhD pada 2009, skop perkhidmatan mula meliputi penyelidikan, penulisan dan penyeliaan pasca siswazah.

Saya terlibat di dalam penerbitan artikel untuk jurnal dan menjadi di dalam jawatankuasa peringat fakulti dan universiti. Saya turut menyumbang kepada penganjuran MUCET 2010 dalb perundingan Projek Kincir Air Teknologi Hijau UTeM. Saya juga pernah menjawat Ketua Editor Jurnal Kejuruteraan dan Teknologi Mekanikal.



Dr Noreffendy Tamaldin

Pensyarah Kanan

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 26 Mei 2003 sebagai pensyarah di Jabatan Automotif, FKM dengan berbekalkan sedikit pengalaman dari industri di dalam dan luar negara. Pada September 2003, dilantik menjadi Ketua Jabatan Automotif yang pertama dan banyak membantu FKM dari awal operasi di rumah kedai Taman Tasik Utama hingga ke kampus industri Cubic terutamanya dalam penubuhan Jabatan Automotif, perancangan jangka panjang program akademik, kurikulum dan silbus, pembangunan kampus tetap FKM, pembangunan makmal-makmal di Jabatan automotif, penyediaan dokumen EAC, penyediaan pindah kredit pelajar kemasukan terus dan perancangan cuti belajar staf. Saya juga terlibat dalam program di fakulti seperti motivasi pelajar, kem english, pembangunan laman web FKM dan penyediaan buku panduan akademik sesi 2004/2005.

Ijazah kedoktoran dan Coventry University, United Kingdom dalam bidang Automotif. Menganggotai JK Program Teknologi Automotif, Pasca siswazah, Program sarjana kejuruteraan(kerja kursus), EAC Jabatan Automotif, pertandingan Perodua ECO challenge, Menerbitkan satu Journal di SAE 2010 World Congress,USA dan satu conference Engineering Mechanics & Transport 2010-Ukraine, Penyediaan kertas kerja, kurikulum dan silbus Program Kejuruteraan Teknologi Automotif, buku panduan pasca siswazah FKM serta sarjana kejuruteraan mekanikal (kerja kursus).

Selain daripada itu, saya telah menjalani latihan sangkut industri di United Kingdom dalam bidang Computational Fluids Dynamics (CFD) dan juga aktif dalam sukan bolasepak, badminton dan mewakili FKM dalam SAJ-tennis.

Dengan izin Allah, pencapaian 2010 amat bermakna kepada saya hasil dari sokongan dan semangat berpasukan yang erat dikalangan staf di FKM. Oleh itu saya ingin mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua staf fkm yang sentiasa memberikan kerjasama yang baik kepada saya dalam saya menjalankan tugas dan amanah yang di pertanggungjawabkan kepada saya. Dalam menjalankan tugas dan tanggungjawab kita hendaklah berfikiran positif dan cuba sedaya upaya untuk menyempurnakan amanah yang diberi. Yang paling utama adalah memumpukan kepada sumbangan yang boleh kita berikan kepada Universiti dan pada sentiasa memperbaiki sumbangan Universiti kepada kita.




Faizil bin Wasbari

Pensyarah

Saya telah memulakan kerjaya di UTeM pada 17 Oktober 2005 sebagai Tutor di Jabatan Termal-Bendalir, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Bagi meningkatkan kerjaya di UTeM, saya telah menyambung pelajaran pada peringkat Sarjana di Coventry University, United Kingdom dan seterusnya dilantik sebagai Pensyarah mulai 17 Oktober 2007. Di samping tugas hakiki yang dilamanahkan, saya juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan dan perundingan berkaitan bidang pneumatik, hidraulik dan reka bentuk.

Saya juga aktif dengan pelbagai aktiviti fakulti dan terlibat secara langsung dengan pengurusan pengajian diploma, ICT fakulti dan juga latihan industri. Selain dari itu,saya juga sering terlibat dengan bengkel, kursus dan seminar yang dianjurkan oleh Fakulti dan Universiti. Berbekalkan semangat, dorongan dan kerjasama dari rakan seperjuangan, saya berharap dapat mencurahkan lebih banyak jasa dan bakti dalam usaha memacu UTeM ke arah yang lebih gemilang pada masa hadapan.



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 8 Ogos 2005 sebagai tutor di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal. Kini saya berkhidmat sebagai pensyarah di Jabatan Automotif, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Selain tugasan hakiki, saya turut menjadi Ahli Jawatankuasa Kurikulum dan Silibus FKM, Ahli Jawatankuasa Pembangunan Kampus FKM, Ahli Jawatankuasa ICT FKM serta Ahli Jawatankuasa Penganjuran Kejohanan Formula Varsity UTeM 2010. Selain itu, saya juga aktif dalam bidang penerbitan serta penyelidikan sepanjang berkhidmat di UTeM.

Usaha, kerjasama dan tawakkal tangga kejayaan.

Muhd Ridzuan bin Mansor
Pensyarah



Imran Syakir bin Mohamad

Pensyarah

Memulakan kerier sebagai pensyarah pada tahun 2001 di Jabatan Sains dan Matematik, Pusat Perkhidmatan Akademik (PPA). Diberi tanggungjawab untuk membangunkan silibus kimia dan makmal untuk pelajar-pelajar FKP dan FKM. Pada tahun 2009, kembali bertugas dan diserapkan ke PTJ yang baru iaitu di Jabatan Termal Bendalir, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Terlibat secara langsung dalam aktiviti P&P, penyelidikan, penerbitan, persatuan dan lain-lain. Merupakan ahli kimia berdaftar di bawah Institut Kimia Malaysia dan Persatuan Sains Malaysia.

Syukur pada tuhan, terima kasih di atas sokongan ibu-bapa dan keluarga. Hampir sedekad di UTeM, saya amat bertuah dikelilingi rakan-rakan yang hebat dan sentiasa bekerjasama dalam satu pasukan. Dalam diri saya, tiada apa yang istimewa. Cuma sekadar menjalankan amanah yang dipertanggungjawabkan. Kuncinya, banyakkan rasa syukur, sabar dan redha dengan setiap dugaan.



Memulakan perkhidmatan di UTeM pada tahun 2007 sebagai tutor dan kemudiannya sebagai pensyarah pada tahun 2009 di bawah Jabatan Automotif Fakulti Kejuruteraan Mekanikal.

Saya telah menjadi penyelidik utama dan juga penyelidik bersama dalam 5 geran PJP. Juga menjadi penyelidik bersama dalam sebuah geran FRGS. Pada tahun 2010, saya telah menulis jurnal dan proceedings sebanyak 12(termasuk penulis bersama). Selain dari tugas hakiki sebagai pensyarah, saya juga menjadi ahli jawatankuasa peringkat fakulti seperti Jawatankuasa ISO dan Jawatankuasa Projek Sarjana Muda. Terlibat dalam penganjuran Formula Varsity tahun 2010 yang lepas di mana saya telah menjadi Pengerusi Jawatankuasa Keselamatan. Selain itu, saya menjadi penasihat teknikal kepada pasukan EIMA RACE fakulti dan juga penasihat teknikal kepada Team B pasukan Formula Varsity UTeM.

Sentiasa istiqomah dalam segala urusan.

Fudhail bin Abdul Munir
Pensyarah




Memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 20 April 2006 sebagai Tutor di Jabatan Termal Bendalir, Fakulti Kejuruteraan Mekanikal dan kini bertugas sebagai pensyarah di jabatan yang sama. Selain sibuk dengan tugas hakiki sebagai pensyarah saya juga turut menyandang jawatan sebagai Pengetua Kolej Kediaman Taman Tasik Utama & Mural Jaya bermula Julai 2009 hingga kini. Di FKM, saya juga turut terlibat dengan Jawatankuasa-jawatankuasa fakulti seperti Jawatankuasa Latihan Industri, yang mana turut dilantik sebagai Penyelia Latihan Industri Fakulti dan di peringkat Universiti, Jawatankuasa ISO dan Kualiti serta Jawatankuasa Dokumentasi dan Rekod. Tugas sebagai seorang pensyarah dan pengetua banyak mendekatkan saya dengan pelajar dan membantu diri saya menjadi seorang pendidik yang cemerlang.

Di dalam bidang penyelidikan saya baru sahaja menyelesaikan kajian berkaitan Teknologi Hijau bertajuk "The Effect of Catalysts in Used Frying Oil Biodiesel to The Diesel Engine Performance" dan kini sedang dalam proses menyiapkan satu lagi geran PJP. Turut menghasilkan beberapa kertas kerja di persidangan kebangsaan dan antarabangsa. Dalam kesibukan dengan tugas hakiki sebagai ahli akademik, saya turut mewakili Fakulti dalam SAJ antaranya ping pong, bola jaring, badminton, bola tampar dan boling dan pernah juga mewakili UTeM dalam badminton peringkat SUKUM pada 2009. Juga turut dilantik sebagai Biro Hal Ehwal Wanita Kelab Sukan dan Rekreasi Staf FKM (KESURI), 2010-2012. Sebagai bekas pelajar FKM, UTeM, saya juga turut terlibat dalam aktiviti-aktiviti alumni UTeM antaranya sebagai panel jemputan Forum Bersama Alumni semperia MHS 2010/2011 dan panel jemputan sempena Program Kem Pengukuhan Sahsiah anjuran BADAR, UTeM. Saya juga turut dilantik sebagai AJK Persekitaran, Keselamatan & Kesihatan Pekerjaan peringkat Pejabat Kolej Kediaman UTeM serta AJK dalam kejohanan Formula Varsity UTeM 2010.

Ingin merakamkan jutaan penghargaan terutamanya buat seluruh warga UTeM dan keluarga yang tercinta. Semoga kejayaan yang dicapai tidak melalaikan malah menjadi pemangkin untuk lebih maju di dunia dan akhirat.

Mahanum binti Mohd Zamberi

Pensyarah




Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 21 Mei 2001 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) di Unit kenderaan. Pejabat Pembangunan (2001-2003) dan Pejabat Pendaftar (2003- 16 Disember 2007) dan telah ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal pada 17 Disember 2007. Di fakulti, saya bertanggungjawab dalam urusan pentadbiran dan perkhidmatan staf.

Saya telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Latihan Industri Fakulti. Selain daripada itu, saya turut mewakili fakulti dalam acara bola tampar dan bola jaring bagi Sukan Antara Jabatan (SAJ)

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah S.W.T. di atas penganugerahan ini. Kejayaan ini adalah berkat doa keluarga dan warga FKM yang telah banyak memberi kerjasama dan sokongan serta kepercayaan dalam melaksanakan tugas yang telah diamanahkan. Semoga ia memberi inspirasi ke arah kerja yang lebih cemerlang dan berkualiti.

Alidah binti Mohd Ali
Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)


Hairul Nizam
Wan Saharizal

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 28 Jan 2008 sebagai juruteknik di FKM dan ditempatkan di Makmal Mekanik Struktur & Bahan 2 di bawah Jabatan Struktur & Bahan. Tugas hakiki saya adalah membantu pensyarah mengendalikan peralatan makmal dalam proses pengajaran dan pembelajaran dan secara tidak langsung juga terlibat dalam Projek Sarjana Muda bagi pelajar tahun akhir.

Saya mewakili UTeM dalam acara DART di SUKUM dan juga aktif mewakili PTJ bagi sukan Karom,Dart serta membantu memenangi kejohanan Futsal pada tahun 2010. Saya menjadi ahli kumpulan Pelaksana Penyelidikan Tenaga Hijau UTeM-Kincir Air dan juga terlibat sebagai pembantu perunding bagi Projek Pembersih Air Sungai Melaka 'Intergrated Water Treatment Sump' (IWTS).

"LIFE IS SHORT SO DO THE RIGHT THING"


Wan Saharizal bin Wan Harun
Juruteknik

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM ini sebagai staf sementara pada tahun 2003 dan seterusnya mendapat taraf tetap pada tahun berikutnya. Saya ditempatkan di CUBIC dan menjaga Makmal Statik, Teknik Uji Kaji, Dinamik, Mekanik Mesin, Kejuruteraan Kawalan, Pengukuran Instrumentasi dan Studio Komputer. Bermula tahun 2004 sehinggalah sekarang menjadi tugas hakiki saya didalam Makmal Pengukuran dan Instrumentasi selain daripada tugas-tugas sebagai Juruteknik Kanan (2009). Saya terlibat secara langsung dan tidak langsung didalam proses pelajaran dan pembelajaran didalam makmal (membantu pensyarah) dan projek sarjana muda pelajar serta master. Sering juga berkongsi idea dan pendapat dengan pensyarah didalam urusan P&P dan penyelidikan (baru-baru ini geran penyelidikan Kincir Air UTeM). Selain daripada itu menjadi jurugambar bagi merakamkan peristiwa bagi majlis-majlis rasmi fakulti seperti Formula Varsity 2010, Majlis Anugerah Dekan dan lain-lain lagi. Setiap arahan yang diberikan akan saya patuhi dengan tanggungjawab, jujur dan amanah kerana kita sebenarnya dalam perjalanan mencari keredaanNYA.

Saya menjadi AJK aset fakulti dan ahli pasukan FAT PTj selama dua tahun berturut-turut(layak membuat FAT daripada St. John Ambulans). Berjaya juga menyiapkan projek Kincir Air UTeM dan berfungsi dengan baik dan menjadi mercu tanda baru. Saya aktif didalam mewakili PTj dalam sukan ping pong dan olahraga.

Abi Abbas r.a telah berkata: Rasulullah s.a.w telah bersabda: Seslapa yang menyebabkan kemurkaan Allah kerana hendak mencari keredaan manusia, Allah akan memurkainya dan Allah akan menjadikan setiap yang diredainya itu benci terhadapnya. Dan orang yang mencari keredhaan Allah, walaupun dibenci oleh manusia nescaya Allah akan meredainya dan menjadikan setiap yang membencinya itu redha terhadapnya sehingga keredaan Allah itu menghiasi dirinya, perbuatannya dan amalannya, nescaya ia mendapat perhatian Allah (Diriwayatkan oleh al-Tabrani).

Hairul Nizam bin Daud
Juruteknik Kanan




Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 03 Nov 2008 sebagai juruteknik di Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM) dan ditempatkan di Makmal Teknik Ujikaji dan Makmal Dinamik di bawah Jabatan Struktur & Bahan. Tugas hakiki saya adalah membantu pensyarah mengendalikan peralatan makmal dalam proses pengajaran dan pembelajaran .

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa "First Aid Team" dan Sistem Pengurusan Makmal dan Fakulti (SPMF) untuk FKM selama 2 tahun berturut-turut .Saya juga dilantik sebagai Pengerusi Kelab Sokongan Makmal (KESOMA) untuk FKM bermula pada tahun 2011 dan 2012. Selain daripada itu, saya turut mewakili Belia Negeri Melaka dalam acara sukan ping-pong pada Pesta Sukan Dan Kebudayaan Belia Malaysia kali ke-2 bertempat di Universiti Sains Malaysia,Pulau Pinang. Saya juga aktif mewakili PTJ dan UTeM dalam acara sukan ping-pong pada kejohanan Sukan Antara Jabatan (SAJ) dan Sukan Staf Universiti Malaysia (SUKUM).

Syukur ke hadrat Ilahi di atas penganugerahan ini. Kejayaan ini adalah berkat doa dari keluarga dan semua warga FKM yang telah banyak memberi sokongan dan kerjasama dalam menjalankan tugas yang diamanahkan. Semoga kejayaan ini menjadi sumber inspirasi ke arah kerja yang lebih berkualiti.

Mohd Saufi bin Alimat
Juruteknik


Fakulti
Kejuruteraan Pembuatan



Memulakan kerjaya sebagai pensyarah semenjak 10hb. Jun 2002 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dengan dilantik kemudiannya sebagai Penyelaras Program Diploma pada 2003. Menyambung pengajian di peringkat PhD di Belgium pada penghujung 2003 dan kembali semula berkhidmat pada 2008 dengan ijazah Sarjana Doktor Kejuruteraan dari Katholieke Universiteit Leuven. Sekembalinya dari cuti belajar, saya telah diberikan tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Robotik dan Automasi di fakulti sehingga sekarang.

Sebagai sebahagian dari pengurusan Fakulti, saya terlibat secara langsung dalam aktiviti-aktiviti pentadbiran serta dalam pelbagai jawatankuasa termasuk di peringkat universiti. Antara yang paling mencabar adalah apabila diberikan amanah sebagai Naib Pengerusi untuk menjayakan Persidangan IDECON2010 yang pertama kalinya di adakan diperingkat antarabangsa. Alhamdulillah, persidangan tersebut telah dilanjurkan dengan jayanya. Hasil kerjasama rakan-rakan di jabatan dan fakulti, hubungan antarabangsa telah dapat dilaksanakan dengan institusi seperti Nanyang Technological University, Swiss German University, Institut Teknologi Bandung, serta yang terbarunya, Hannover University of Applied Sciences. Sebagai ahli akademik, saya telah diberikan kepercayaan sebagai penilai kepada beberapa jurnal seperti IEEE Industrial Electronics – Motion Control System, Mechatronics, serta jurnal Mechanical Systems and Signal Processing.

Kejayaan ini adalah berkat dari kerjasama rakan-rakan di jabatan dan fakulti yang sentiasa bersama dalam menjayakan segala aktiviti yang dirancang dengan semangat bertanggungjawab, jujur, dan amanah.


Dr. Zamberi bin Jamaludin
Pensyarah Kanan


Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 18 Mei 2005 sebagai pensyarah di Jabatan Pengurusan Pembuatan, Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Sebagai Pensyarah di FKP selain tugas utama pengajaran, penyeliaan dan penyelidikan, saya juga terlibat dalam berbagai aktiviti antaranya penambahbaikan dan peningkatan kurikulum di Jabatan iaitu pada tahun 2006 dan tahun 2010. Saya banyak membantu membina dan mengisi hubungan dua hala antara universiti dan industri dalam pelaksanaan kerjasama antaranya CTRM, Infeneon, Jati Beringin, Multitone. Selain itu, saya juga terlibat membina hubungan dua hala antara UTeM dan universiti di luar negara selain daripada membina hubungan dengan komuniti tempatan dengan memberikan khidmat nasihat pada sekolah menengah.


Selama berkhidmat di UTeM saya telah diamanahkan mengetuai Jabatan Pengurusan Pembuatan bagi tempoh 2007 – 2009 dan 2009 – 2011. Selama itu pula, bersama-sama pensyarah di Jabatan kami telah berjaya mendapatkan akreditasi untuk Jabatan Pengurusan Pembuatan pada tahun 2008 dan 2010. Saya juga terlibat dengan aktif di dalam pemberian perkhidmatan perundingan dengan industri tempatan. Selain itu, saya terlibat dalam 18 projek geran penyelidikan: 5 fundamental reseach grant scheme (FRGS) dan 13 penyelidikan jangka pendek dan 34 penerbitan jurnal dan prosiding dalam dan luar negara. Selama 12 semester saya telah mengajar 10 mata pelajaran pasca siswazah dan 13 mata pelajaran pra-siswazah.

Umur hidup manusia amat pendek, isi hari-hari kehidupan dengan hal yang memberikan manfaat terbaik pada diri dan

Prof. Madya Dr. Adi Saptari
Ketua Jabatan




Nor Akramin bin Mohamad
Pembantu Kanan
108



Saya telah memulakan perkhidmatan di KUTKM sebagai tutor DA41 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) sejak Ogos 2004 dan telah melanjutkan pengajian ke peringkat sarjana pada tahun 2006 melalui tajaan UTeM. Kembali bertugas sebagai pensyarah DS 45 bermula dari Jun 2008 di Jabatan Bahan Kejuruteraan, FKP dan sentiasa berusaha untuk memberikan yang terbaik dalam segala tugasan yang dipertanggungjawabkan. Saya amat meminati bidang penyelidikan, pengajaran dan komunikasi, serta turut berminat dalam segala aktiviti pembangunan sahsiah dan akademik para pelajar. Saya berharap untuk terus dapat menyumbang kepakaran dan minat yang ada kearah kemajuan dan pembangunan universiti ini. Terima kasih saya ucapkan kepada UTeM atas segala peluang yang telah diberikan dan terima kasih juga kepada rakan-rakan seperjuangan di fakulti untuk persahabatan dan sokongan yang berterusan.

Sepanjang tahun 2010, saya telah terlibat dalam penganjuran persidangan antarabangsa dan tempatan seperti iDecon2010 sebagai ketua biro publisiti & perhubungan awam dan persidangan MUCET2010 sebagai ketua biro pendaftaran dan pameran poster penyelidikan. Saya turut berpeluang untuk bersama-sama dalam pembangunan FKP sebagai jawatankuasa latihan industri, jawatankuasa projek sarjana muda dan penyelaras makmal kejuruteraan polimer. Bersama-sama rakan seperjuangan di FKP, saya turut juga aktif dalam menjalankan penyelidikan dan penerbitan. Banyak peluang menghadiri seminar, latihan bengkel dan pembentangan kertas kerja, telah saya peroleh, yang sememangnya telah membantu dalam pembangunan kerjaya saya selama ini.

Jeefferie bin Abd Razak
Pensyarah



Saifudin Hafiz bin Yahaya

Pensyarah

Memulakan khidmat saya di UTeM pada tanggal 7 Ogos 2006 sebagai pensyarah matematik di Pusat Perkhidmatan Akademik dan seterusnya di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan pada 1 Disember 2006 di bawah Jabatan Rekabentuk Pembuatan. Saya banyak membantu jabatan dalam perlaksanaan OBE untuk subjek-subjek jabatan sebagai persiapan penilaian daripada pihak berkaitan seperti EAC, LAN ataupun SIRIM. Sebagai pensyarah matematik, pengajaran yang sentiasa diterapkan adalah yang berkaitan dengan aplikasi matematik di dalam kejuruteraan pembuatan.

Di peringkat fakulti, saya adalah ahli jawatankuasa untuk penerbitan serta kolokium dan seminar. Selain itu, saya adalah editor untuk majalah fakulti, "The Lean". Saya juga adalah ketua jawatankuasa penerbitan bagi iDecon 2010. Di peringkat jabatan, saya merupakan ahli jawatankuasa persembahan multimedia jabatan di mana satu video multimedia telah berjaya disiapkan khusus untuk menyambut pelajar baru sempena minggu haluan siswa 2010. Saya juga turut terlibat di dalam program kelestarian masyarakat, contohnya sebagai ketua projek untuk program khidmat masyarakat dalam konteks pendidikan anjuran bersama Universiti Sains Malaysia dan Kelab Puncak (NGO) yang juga melibatkan beberapa staf jabatan. Hingga kini, hampir 20 kertas kerja telah berjaya diterbitkan sebagai penerbitan di dalam jurnal berindeks hinggalah prosiding kebangsaan.

KEPERCAYAAN + KEIKHLASAN+ KESUNGGUHAN= KEJAYAAN




Engr. Mohd Soufhwee bin Abd Rahman

Jurutera Pengajar

Memulakan perkhidmatan di UTeM di Fakulti Kej. Pembuatan pada tanggal 22hb May 2009 sebagai jurutera pengajar. Pada asalnya ditempatkan di bawah Jabatan Pengurusan Pembuatan bagi membantu jabatan sebagai tenaga pengajar yang mengajar subjek yang berkaitan dengan kejuruteraan Industri. Sekarang saya telah ditempatkan di Jabatan Pengajian Diploma bagi membantu dan melincinkan sistem pengurusannya. Berdasarkan pengalaman di Industri selama 10 tahun telah banyak membantu fakulti dalam mengilap bakat – bakat pelajar tahun akhir bagi melahirkan jurutera yang berkompetensi. Banyak mengambil kira kebolehpasaran pelajar dan meningkatkan keyakinan pelajar sebelum bergelar jurutera.

Saya banyak menfokuskan tentang pengajaran dan pembelajaran yang menjadi teras kerja hakiki. Berkebolehan mengajar subjek utama di dalam kejuruteraan Industri dan mampu berganding dengan para pensyarah dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran. Banyak membantu dalam melaksanakan aktiviti fakulti seperti pengurusan kualiti, dokumentasi dan akreditasi seperti MQA. Membantu fakulti seperti memenuhi keperluan aktiviti yang berkaitan dengan kampus tetap dan saya juga dilantik sebagai Jawatankuasa Hubungan Industri oleh ICNET bagi membantu aktiviti kerjasama industri di peringkat fakulti. Usaha saya diteruskan lagi dengan melibatkan diri di dalam aktiviti penerbitan kertas kerja persidangan dan aktiviti penyelidikan dengan pihak Industri luar yang melibatkan para pelajar tahun akhir. Aktif dalam program yang berkaitan dengan promosi UTeM seperti Karnival promosi di Matrikulasi, program Jom Masuk U dan Pameran Rekabentuk Peringkat fakulti yang melibatkan pelajar – pelajar sekolah bistari.

Usaha Bukan Kata




Memulakan perkhidmatan pada 1 Julai 2003 sebagai pensyarah di FKP. Dipinjamkan selama 2 tahun di Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi sebagai Pegawai Kualiti dan Akreditasi untuk membantu pihak universiti mendapatkan persijilan MS ISO 9001:2000 dan juga proses mendapatkan akreditasi untuk program-program akademik yang ditawarkan oleh UTeM. Bertugas semula di FKP bermula dari bulan Ogos 2005. Di samping itu beliau juga adalah Pengetua di Kolej Kediaman UTeM sejak dari tahun 2004 hingga sekarang.

Saya adalah salah seorang Ketua Auditor ISO 2001:9000 UTeM Ahli Mesyuarat Majlis Perumahan Universiti Malaysia (MAPUM). Perunding Projek Kolej Kemahiran Tinggi Mara Kuantan, AJK Penyelaian Pengajaran dan Pembelajaran FKP, Jawatankuasa Tatatertib Pelajar (HEPA), Pengerusi Jawatankuasa Persekitaran, Kesihatan dan Keselamatan Pekerjaan peringkat Kolej Kediaman, dan fasilitator program Himpunan Patriot Negara (HIMPUN) anjuran Kementerian Pengajian Tinggi. Dibidang sukan pula saya mewakili universiti dalam sukan tenis dan juga merupakan pemain badminton FKP.

Dengan rasa rendah diri saya ingin mengucapkan rasa syukur pada Allah swt serta ingin tujukan anugerah ini khas untuk keluarganya dan semua rakan sekerja di UTeM yang sentiasa menyokong dan membantunya ketika menjalankan tugas kerana saya yakin kejayaan seseorang itu adalah kerana bantuan orang-orang yang berada disekelilingnya. Saya juga ingin mengambil pelajaran dan iktibar dari kata-kata ulama " Seseorang itu dimuliakan kerana Allah telah menutup kealibannya".

Abd Halim Hakim bin Abd Aziz
Pensyarah





Memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 3 March 2008 sebagai Juruteknik J17 di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan di tempatkan dibawah jabatan proses. Membantu dalam aktiviti pembelajaran di makmal, Projek Sarjana Muda, Projek Formula Varsity dan membantu Program latihan bengkel untuk tenaga pengajar daripada KKTM Kuantan. Kini telah ditempatkan di Pusat Pembuatan Termaju (AMC) bagi membatu dalam proses pemesinan CNC untuk pengeluaran komponen Otomotif bersama pihak industri disamping kerja-kerja asas Juruteknik.

Menjadi AJK IDecon 2010, AJK pameran Fakulti pada hari pendaftaran pelajar baru, mengikuti kursus 'Plastic Injection Mould Machining' di Kolej Universiti TATI, menyertai pasukan fakulti dalam sukan bola sepak dan tarik tali.

Jika menginginkan sesuatu yang belum pernah kita miliki, haruslah bersedia melakukan sesuatu yang belum pernah kita lakukan, InsyaAllah.

Muhammad Azwan bin Abdul Kadir
Juruteknik


Ahmad Faizul
Sahar



Saya mula bertugas di UTeM pada tanggal 02 April 2007, memegang jawatan sebagai Juruteknik (J17) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan dan kini berkhidmat di Makmal Robotik, Jabatan Robotik dan Automasi, (FKP). Saya banyak membantu para pelajar terutama pelajar Projek Sarjana Muda (PSM) dan pelajar Master terutama dalam pengendalian Robot-robot industri dan Robot-robot bukan industri juga setting dan setup yang diperlukan di dalam menyelesaikan tugasan-tugasan mereka. Selain itu, perfunjukkan demo robot kepada para pelawat dari luar dan kebanyakkannya dari kalangan para pelajar sekolah dalam merangsang minat mereka untuk terus belajar hingga ke menara gading.

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa Persiapan untuk Konvokesyen UTeM yang ke 10. Selain itu, saya turut terlibat sebagai AJK Logistik dan Peralatan untuk iDecon pada 2008 sementara pada iDecon 2010 pula sebagai AJK Persiapan. Saya juga turut terlibat dengan program khidmat masyarakat anjuran Jabatan Robotik dan Automasi seperti di Sek.Men. Integrasi Selandar, Sek.Men. Keb. Tun Mutahir, Batu Berendam, Dari segi pengiftaan di dalam sukan, saya telah mewakili PTJ FKP dalam acara sukan Tarik Tali, Bowling Tenpin, Bola Sepak dan Go Kart.

"If you would like to fly with the eagles, don't flock with turkeys."

Ahmad Faizul bin Ahmad Tajudin
Juruteknik

Saya memulakan kerjaya di UTM Skudai sebagai Juruteknik pada tarikh 22/4/1991 yang kemudian memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 8 Oct 2002 sebagai Juruteknik Kanan di FKP dan terlibat dalam membantu pelajar dalam pengajaran dan pembelajaran di makmal Mesin syop dan Komputer kawalan berangka yang kemudian dipinjamkan ke Unic pada penghujung 2006.Disini saya terlibat dalam kerja-kerja membangunkan AMC dan program UNIC bersama pihak pengurusan. Pada 11 Jan 2008 dinaikkan pangkat sebagai Penolong Jurutera di AMC. UNIC. Pada tarikh 6/3/ 2009 ditukarkan ke FKP .

Merancang aktiviti tahunan Pusat Pembuatan Termaju bersama pihak pengurusan. Ahli Jawatankuasa keselamatan dan Asset FKP dan terlibat dalam membuat latihan dan penyediaan modul di peringkat Fakulti dan Universiti bersama unit Latihan, pendaftar khas untuk staf dan pelajar.Pelajar juga telah dibantu dalam menyiapkan projek-projek penyelidikan, PSM dan lain-lain. Saya juga terlibat dalam kerja-kerja perundingan dengan pihak industri dan KKTM.Terlibat dalam mempromosi Pusat Pembuatan Termaju, FKP dalam penyediaan brochure dan lain-lain.

Niat keluar kerja kerana Allah Insyallah kejayaan akan tercapai disamping kesungguhan, jujur, sabar, amanah, bekerjasama, bertolakansur, ikhlas dan perasa terhadap staf di dalam melaksanakan kerja.


Sahar bin Salehan
Penolong Jurutera



Perkhidmatan saya di UTeM bermula pada 1 April 2004 sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan. Saya membantu dalam urusan-urusan pentadbiran akademik fakulti seperti pendaftaran dan pengambilan pelajar, membantu dalam menguruskan Latihan Industri Pelajar dan membantu di dalam penyediaan Jadual Waktu Peperiksaan.

Saya menjadi Ahli Jawatankuasa 10 Pengurusan Graduan Sempena Pesta Konvokesyen UTeM ke-6 2010 dan menjadi Ahli Jawatankuasa Pelaksana DECON 2008 & IDECON 2010. Saya juga mewakili PTj dalam sukan badminton, bola jaring dan bowling.

Ernihazra binti Md Johan
Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi)




Muhamad Jafri bin Samah


Pembantu Am Pejabat

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 1 april 2009 sebagai Pembantu Am Pejabat dan ditempatkan di Fakulti Kejuruteraan Pembuatan (FKP) pada tanggal 9 April 2009. Bertugas sebagai Pembantu Am Pejabat ini sememangnya amat mencabar kerana saya perlu memastikan setiap surat-surat yang diberi harus sampai kepada yang berkenaan. Setiap arahan yang diberikan akan saya patuhi dengan penuh tanggungjawab,jujur dan amanah.

Di fakulti saya telah menjadi salah seorang ahli jawatankuasa untuk persidangan antarabangsa iaitu the International Conference on Design & Concurrent Engineering 2010 (DECON 2010), ahli jawatankuasa pengurusan aset, ahli jawatankuasa pameran pesta konvo UTeM kali ke 5, urusetia taklimat bersama fakulti sempena minggu haluan siswa sesi 2010/2011, petugas untuk hari pengundian majlis perwakilan pelajar (MPP UTeM). Saya juga aktif mewakili fakulti dalam sukan olahraga dan acara boling padang. Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada kesungguhan dan keikhlasan di dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan.


Nik Mohd Farid
bin Che Zainal
Abidin
Fenisyarah


Fakulti
Teknologi Maklumat
dan Komunikasi




Dr. Mohd Faizal Abdollah

Pensyarah Kanan

Mula berkhidmat di Universiti Teknikal Malaysia Melaka pada 2 Ogos 2004 sebagai Pensyarah. Pada tahun 2006, saya telah melanjutkan pelajaran di peringkat Phd di Universiti Teknikal Malaysia Melaka dan berjaya menamatkan pengajian pada tahun 2009 di dalam bidang *Computer and Network Security*. Sepanjang perkhidmatan di UTeM, saya telah terlibat di dalam kerja-kerja perundingan seperti di Suruhanjaya Pencegahan Rasuah dan Kementerian Kesihatan Malaysia. Saya juga terlibat di dalam pengajaran dan penyeliaan pelajar-pelajar Diploma, Sarjana Muda, Sarjana dan Phd. Di samping itu, saya juga terlibat di dalam aktiviti khidmat masyarakat seperti kursus bersama anak-anak yatim, khidmat nasihat pembinaan laman web SPRM dan lain-lain. Di dalam bidang penerbitan pula, sehingga ke hari ini saya telah berjaya menghasilkan 35 kertas kerja diperingkat antarabangsa dan kebangsaan dan 12 jurnal di peringkat antarabangsa. Saya juga menjadi penilai jurnal dan kertas persidangan seperti *Jurnal Global Perspective* keluaran *Taylor and Francis, International Journal of Network Security, International Journal of Computer and Network Security, International Journal of Computer and Network Security, IEEE International Conference on Wireless and Mobile Computing, Networking and Communications, Reviewer of ICCCE (International Conference on Computer and Communication Engineering) Conference.*

Saya telah dilantik sebagai penyelaras program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer). Selain daripada itu, saya juga telah dilantik sebagai Ahli Jawatankuasa Juruaudit di UTeM. Ahli Jawatankuasa Teknikal ICT di UTeM dan pernah dicalonkan sebagai calon akhir bagi anugerah penerbitan jurnal. Dari sudut persijilan, saya telah berjaya memperolehi *Certified Fiber Optic Technician (CFOT)* dan *Certified Cisco CCNA Instructor*. Saya juga telah dilantik sebagai juri bagi pertandingan Cisco di peringkat FTMK. Saya juga telah dilantik sebagai ahli *focus group* untuk pembangunan strategi nasional untuk pembudayaan dan pembangunan tenaga mahir dalam keselamatan cyber. Saya juga telah dilantik sebagai ahli Jawatankuasa *International Conference of Cryptology* 2010, ahli Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengajian Siswazah FTMK, ahli Jawatankuasa Kolokium Penyelidikan dan Pengajian Siswazah FTMK, ahli Jawatankuasa Infrastruktur Fakulti Teknologi Maklumat, Ahli Jawatankuasa UTeM Cisco Skill Based Competition. Sekarang ini, saya menyandang jawatan ketua jabatan Sistem dan Komunikasi Komputer di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi.

Kejayaan dan kemenangan hanyalah milik bagi orang yang berusaha, tetapi kejayaan dan kemenangan yang dimiliki ada ah atas keredhaanNya.



Pertama sekali, saya bersyukur ke hadrat Ilahi dan mengucapkan jutaan terima kasih di atas penghargaan yang diberikan serta merakamkan ucapan terima kasih kepada semua staf FTMK yang telah banyak membantu, memberi tunjuk ajar dan teguran untuk kebaikan.
Saya mula berkhidmat di UTeM pada 16 September 2008 sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sebagai pensyarah, saya banyak terlibat dengan tugas-tugas yang berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran, penyelidikan dan penyeliaan.

Selain tugas hakiki sebagai pensyarah, saya dilantik sebagai penyelaras kursus Profesional CCNA di peringkat Fakulti dan bergiat aktif melaksanakan kursus CCNA kepada para pelajar. Saya terlibat aktif dalam pengelolaan pertandingan UTeM *Cisco Skills Based Competition* dan bertindak sebagai mentor kepada pelajar yang mewakili UTeM ke pertandingan NetRiders Malaysia.

Saya menganggotai Ahli Jawatankuasa Open Source Software IPTA/Politeknik, JK E-Learning Universiti, JK Cryptology Conference 2010, JK SecIT, JK Khidmat Masyarakat, JK Bengkel I dan JK Infrastruktur. Di dalam bidang penyelidikan, saya menganggotai IPv6 Research Group dan menjadi penyelidik utama dan penyelidik bersama di dalam beberapa geran penyelidikan. Saya turut terlibat di dalam membangunkan silibus kursus Bachelor of Computer Science (Computer Security) dan penyediaan dokumen semak semula Bachelor of Computer Science (Computer Networking).
Tidak ketinggalan penglibatan saya di dalam aktiviti kemasyarakatan sebagai penceramah dan fasilitator program ICT serta mewakili FTMK di dalam acara Badminton dan Futsal dalam Sukan Antara PTj.

Halangan adalah batu loncatan untuk berjaya

Nor Azman bin Mat Ariff
Pensyarah




Prof. Madya Dr. Faaizah Shahbodin

Timbalan Dekan Akademik FTMK

Saya memulakan kerjaya sebagai Pensyarah dari tahun 1997 di UNIMAS, kemudiannya berkhidmat di UTeM mulai Januari 2003 sebagai pensyarah kanan di FTMK. Saya terlibat memberi kursus tentang *Problem Based Learning* dan juga kursus *Teaching Portfolio* UTeM anjuran PPP di UTeM.

Saya menjadi ahli JK Penerbitan UTeM dan pengerusi Projek Sarjana Muda FTMK. Saya juga aktif dalam sukan ten pin bowling dan mewakili UTeM ke pertandingan antara IPT. Saya telah menerima jawatan Prof. Madya pada Julai 2010. Saya menyelia 8 pelajar sarjana, menghasilkan sebuah buku bertajuk "Pembelajaran Berasaskan Masalah" dan telah menulis banyak kertas prosiding di persidangan peringkat kebangsaan dan antarabangsa. Di samping banyak menilai kertas kerja persidangan, saya juga menjadi ahli persatuan MITS dan MIND. Saya memenangi pingat gangsa dalam pameran Malaysia Technology Expo 2010 dan 2011 untuk produk penyelidikan saya dan kini telah berjaya mendapat hak cipta (copyright). Kembalinya saya dari PhD, saya telah berjaya mendapat geran penyelidikan jangka pendek pada setiap tahun – 2008, 2009 dan 2010.

Kepada kawan – kesetiaan
Kepada musuh – kemaafan
Kepada ketua – khidmat cemerlang
Kepada yang muda – contoh terbaik
Kepada yang tua – hargai jasa



Memulakan perkhidmatan di UTeM pada 12 Mei 2003 sebagai pensyarah di FTMK. Pada Disember 2004, melanjutkan pengajian PhD dan kembali bertugas pada Jun 2008. Dilantik sebagai Ketua Jabatan Komputeran Industri pada Januari 2009 sehingga kini.

Sepanjang tahun 2010, terlibat dengan pelbagai aktiviti di FTMK. Antaranya adalah menjadi sebahagian delegasi ke universiti-universiti di Australia Barat untuk melihat program pengajian ICT di sana terutamanya dalam bidang Doctor of IT, menjadi sebahagian delegasi FTMK dalam program *Joint Research & Mobility Programme* UTeM – UDINUS Indonesia. Melibatkan diri sebagai penyelidik dalam geran PJP dan FRGS serta membentangkan beberapa kertas kerja dalam persidangan tempatan dan luar negara.

Alhamdulillah bersyukur saya ke hadrat Allah s.w.t dengan penganugerahan perkhidmatan cemerlang 2010 ini. Jutaan terima kasih kepada para pegawai penilai dan UTeM yang telah memilih saya sebagai salah seorang penerima anugerah ini. Tidak lupa juga kepada rakan sejawat yang sama-sama membantu dalam melaksanakan tugasan yang diamanahkan.

Terbitnya mentari pagi menandai siang menjelma dan terbenam ia memulai malam menyapa, tetapi tidak untuk doa kerana tiadanya had ruang dan waktu: katakan tidak pada putus asa untuk berdoa.

Dr. Abd.Samad bin Hasan Basari
Ketua Jabatan Komputeran Industri



Mohd Zaki bin Mas'ud

Pensyarah

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 30 November 2007 sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat & Komunikasi (FTMK). Selama berkhidmat di FTMK saya telah ditugaskan di bawah Jabatan Sistem dan Komunikasi komputer yang bertanggungjawab mengajar pelajar dalam bidang rangkaian dan keselamatan komputer. Antara jawatan penting yang pernah disandang oleh saya adalah penyelaras bagi pembentukkan program baru iaitu Ijazah Sarjana Muda Sains Komputer (Keselamatan Komputer), Setiausaha Seminar Antarabangsa Kriptografi (CRYPTOLOGY 2010), AJK SoCPaR 2009 dan beberapa ahli jawatankuasa di peringkat FTMK. Sepanjang 2010 saya juga merupakan *reviewer* kertas kerja untuk persidangan DEIT 2011, CACS 2010, IJNS dan IJCNS.

Sepanjang 2010 sahaja saya telah menghasilkan sebanyak 5 jurnal antarabangsa, 5 prosiding antarabangsa dan 5 prosiding kebangsaan. Saya juga terlibat secara aktif dalam 3 penyelidikan geran PJP dan 1 Penyelidikan geran FRGS. Saya juga telah berjaya memiliki sijil professional dalam bidang Ethical hacking(CEH), IPv6 network engineer (CNE6) dan Fiber Optic Technician (CFOT). Antara pencapaian yang saya banggakan pada 2010 adalah berjaya menyiapkan dokumentasi pembentukkan program baru dan dapat menyelaras CRYPTOLOGY 2010 dengan jayanya.

Why do we fall? So we might learn to pick ourselves up



Ahmad Shadrizan bin Shaarani

Penyiaran Kanan

Saya telah memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 2 Mei 2001. Sebagai staf perintis, saya telah banyak bertanggungjawab dan terlibat untuk membangunkan Jabatan Media Interaktif, FTMK dan UTeM secara keseluruhannya. Ini termasuklah merangka, merancang dan membangunkan kursus dan kurikulum BITM, mendapatkan kelulusan daripada pihak KPT, panel industri, pemilihan pelajar, merangka dan melaksanakan proses pengajaran kuliah dan makmal serta penyeliaan pelajar. Selain daripada itu, saya juga pernah menjadi Ketua Jabatan Media Interaktif, felo kolej kediaman lelaki, dan membangunkan matapelajaran ko-kurikulum. Dalam bidang sukan pula, saya pernah beberapa kali mewakili universiti bagi sukan boling dalam Sukan Staf Antara Universiti dan Sukan Jabatan Berkanun.

Bagi pencapaian tahun 2010, saya adalah pengerusi Bengkel I peringkat fakulti, AJK bagi jawatankuasa Khidmat Masyarakat, AJK Penyeliaan dan Pengajaran peringkat universiti, penilaian teknikal bagi sebutharga tender FTMK, Hazard Identification, Risk Assessment and Control (HIRAC) serta AJK dan Floor Manager bagi seminar antarabangsa Cryptology 2010. Menjadi tenaga pengajar dan fasilitator untuk empat aktiviti khidmat masyarakat sepanjang tahun 2010. Saya juga telah membantu pihak Jabatan MI bagi penyediaan dokumen COPPA dan Program Sarjana Multimedia secara kerja kursus. Daripada pihak luar, saya telah diantik sebagai Panel Penilaian pertandingan projek akhir pelajar (Sistem & Multimedia) oleh Politeknik Sultan Idris. Saya juga adalah mewakili PTj dalam sukan boling, bola tampar, ping-pong dan tennis.

Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap sentiasa ingin melakukan yang terbaik.


Nuzulha
Hidayah
126

Alhamdulillah kalam pertama bicara ini. Saya memulakan tugas sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi pada pertengahan tahun 2001. Di awal penubuhan FTMK, saya turut merangka, merancang dan membentuk kurikulum dan silibus Jabatan Kejuruteraan Perisian khususnya dan FTMK amnya. Kini menyandang jawatan Pengerusi Bengkel II buat kali ketiga berturut-turut. Sewaktu menjadi AJK Kualiti Fakulti selama dua tahun iaitu pada 2009 dan 2010, saya mengambil inisiatif menyediakan borang senarai semakan dokumen serta memastikan tarikh penting yang perlu rakan-rakan pensyarah sedari bagi tujuan ISO. Saya juga diberi tanggungjawab untuk mengendalikan pertandingan 'Programming Contest 2010' selaku Pengerusi I dengan kerjasama dengan Jabatan Kejuruteraan Industri. FTMK dan program ini mendapat sambutan yang sangat menggalakkan dari kalangan pelajar. Turut menyumbang tenaga sebagai Jawatankuasa Cenderahati bagi Seminar Software Engineering 2010 dan Persidangan Cryptology 2010. Di samping itu, saya turut aktif dengan penyelidikan di mana saya pernah mengetuai dua PJP dan juga satu FRGS.

Hidup bekerjasama dalam suasana ceria.
Nasihat-menasihati dan memberi sokongan.
Terima kasih buat pentadbir dan rakan sekerja.
Setinggi penghargaan kalam diucapkan

Hidayah binti Rahmalan
Pensyarah

Nuzulha Khilwani binti Ibrahim
Pensyarah

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 15 Mei 2009 sebagai pensyarah di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Sebagai pensyarah, tanggungjawab utama saya adalah mengendalikan pengajaran dan pembelajaran.

Sepanjang berkhidmat di UTeM selama hampir 2 tahun, saya telah diberi tanggungjawab mengendalikan beberapa program antaranya sebagai pengerusi bersama program FTMK Programming Contest, menjadi penasihat pelajar ke pertandingan pengaturcaraan PROMEDCS@10 (memenangi tempat kedua peringkat Kebangsaan) dan ACM Al-Khawarizmi Programming Contest.

Selain itu, saya juga menyertai beberapa kumpulan penyelidikan jangka pendek, FRGS dan Science Fund dan berkerjasama dengan penyelidik daripada universiti lain dan juga Kementerian Kesihatan Malaysia.

Setinggi penghargaan buat pentadbir dan rakan sekerja atas segala sokongan dan bantuan yang dihulurkan selama saya berkhidmat di UTeM.

"And seek assistance through patience and prayer, and most surely it is a hard thing except for the humble ones." (Al-Baqarah:45)



Dengan nama ALLAH Yang Maha Pengasih lagi Maha Penyayang.

Bersyukur ke hadrat Ilahi dan ribuan terima kasih diucapkan kepada Pihak Pengurusan Tertinggi UTeM dan Dekan FTMK kerana telah memilih saya sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang 2010.
Segalanya bermula disini. Saya merupakan Graduan Sarjana Muda Sains Komputer dari Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Skudai memulakan kerjaya pertama saya sebagai seorang Tutor di Jabatan Kejuruteraan Perisian, Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK) pada tanggal 17 Mei 2004. Kemudian, saya telah dilantik menjadi Pensyarah di FTMK pada 13 Julai 2006 setelah pulang membawa segulung Sarjana dari Swinburne University of Technology, Australia.

Hampir 6 tahun saya di UTeM, berkecimpung dalam dalam bidang P&P, penyeliaan, mahupun penyelidikan dan penulisan, saya cuba sedaya upaya untuk komited dalam menjalankan setiap tugas yang diberikan. Sentiasa berlitizam untuk memperbaiki diri demi kepentingan universiti, saya sering melibatkan diri dalam banyak kursus yang ditawarkan. Saya merupakan AJK Persidangan Antarabangsa Crytology 2010 dan AJK Programming Contest The Code 2010. Selain itu, saya telah memegang jawatan sebagai AJK Penulisan dan Penerbitan FTMK dan AJK Pengambilan Pelajar Baru FTMK selama 2 tahun. Malah, saya juga ahli dalam Soft Computing Research Group (SCRG)

Menurut pelajar, saya seorang yang ceria dan sangat bersemangat di dalam kelas. Ia menjadikan saya mudah didekati oleh pelajar-pelajar dan sering menjadi tumpuan ketika mereka berhadapan dengan masalah akademik di UTeM. Dalam Majlis Makan Malam 2010 yang dianjurkan oleh Kelab Staf FTMK, saya telah terpilih sebagai "Staf yang Paling Ceria" dan "Staf Jabatan Kejuruteraan Perisian yang Paling Digemari" melalui undian staf dan juga pelajar FTMK.

Saya juga melibatkan diri dalam aktiviti kemasyarakatan dengan menjadi Pengajar dan Fasilitator untuk program Literasi IT bersama pelajar-pelajar dan guru-guru dari sekolah-sekolah negeri Melaka dan agensi yang lain.
Oleh kerana minat yang mendalam dalam bidang sukan, saya telah menyertai hampir kesemua jenis sukan (wanita) yang dipertandingkan di peringkat SAU 2010. UTeM. Malah, saya juga pernah mewakili UTeM untuk Sukan Universiti-Universiti Malaysia Di USM (SUKUM 2010) dan Sukan Universiti-Universiti Teknikal SeMalaysia (MTUN 2010) bagi sukan Badminton.

Yang Buat Tak Datang Bergolek, Yang Pipih Tak Datang Melayang.



Noor Manisha binti Mahat

Pembantu Tadbir (P/O)

Mula berkhidmat di UTeM 17 Mac 2003 sebagai Pembantu Tadbir (P/O) di FTMK. Di fakulti, saya dipertanggungjawab bagi urusan pentadbiran, Pengurusan Sumber Manusia serta membantu dalam urusan akademik Fakulti.

Selain menjalankan tugas-tugas hakiki, saya juga terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Kecil Perubatan di dalam Majlis Konvokesyen Ke-6 Universiti dan pernah memegang jawatan sebagai bendahari Kelab Staf FTMK serta melibatkan diri dalam aktiviti sukarelawan Universiti seperti Majlis Ibadah Aqiqah dan Qurban 1431H. Di peringkat Fakulti juga saya terlibat sebagai Urusetia Majlis Perasmian Pembukaan, Makan Malam dan Penutup Persidangan Kriptologi Antarabangsa ke-2 (Crpytology 2010), Majlis Anugerah Dekan FTMK, Fasilitator program Menuju Sasaran Anugerah Dekan dan sering menjadi urusetia seminar yang dianjurkan oleh Fakulti.

Saya amat bersyukur ke Hadrat Allah S.W.T kerana telah diberi anugerah ini dan berharap ia merupakan satu inspirasi bagi mencorakkan prestasi kerja yang lebih cemerlang pada masa akan datang.



Tanggal 16 April 2008, kali pertama menjejakkan kaki di di UTeM selaku Penolong Pendaftar dan ditempatkan di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi. Pernah berkhidmat di Pejabat Ketua Menteri Melaka dan Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah selama 3 tahun.

Menjalankan tugas-tugas pentadbiran Fakulti seperti pengurusan sumber manusia selain dari hal ehwal perkhidmatan staf serta infrastruktur fakulti

Selain itu juga saya juga turut bertanggungjawab terhadap urusan hal ehwal berkenaan Pengajian Siswazah di peringkat Fakulti selain daripada membantu perkara berkaitan projek perundingan dan juga penyelidikan.

Di peringkat fakulti saya juga telah dilantik mengganggotai beberapa jawatankuasa iaitu Urusetia Jawatankuasa Eksekutif Fakulti, Jawatankuasa Penyelidikan dan Pengajian Siswazah Fakulti, Setiausaha Jawatankuasa Pemilihan Pelajar Pasca Siswazah Fakulti, Ahli Jawatankuasa Promosi Fakulti, ahli Jawatankuasa Infrastruktur Fakulti, Penolong Setiausaha Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Fakulti.


Juga bertanggungjawab selaku Penyelaras Latihan di Peringkat PTj dan Pegawai Perantara Perpustakaan

Di peringkat Universiti saya terlibat selaku pegawai pengiring selama 3 tahun berturut-turut sebagai pegawai pengiring bagi Majlis Konvokesyen, fasilitator bagi beberapa program Induksi Umum dan Khusus, ahli jawatankuasa Pelupusan Fail dan Rekod Universiti.

Saya juga mewakili PTj bagi sukan dan

Berfikir secara rasional tanpa dipengaruhi oleh naluri atau emosi merupakan satu cara menyelesaikan masalah yang paling berkesan

Mohd Rady bin Ab Karim
Penolong Pendaftar




Memulakan perkhidmatan di UTeM sejak 12 Mac 2003 sebagai Juruteknik di Fakulti Teknologi Maklumat dan Komunikasi (FTMK). Membantu menyediakan peralatan-peralatan untuk sesi P&P, penyediaan makmal-makmal di FTMK, dokumentasi dan sokongan teknikal bagi majlis-majlis yang dianjurkan oleh FTMK.

Berjaya mengikut arahan yang diberikan dari semasa ke semasa.

Kejayaan adalah berkat hasil kerjasama dari semua pihak yang turut sama berganding bahu melaksanakan tugas dan tanggungjawab dengan penuh keikhlasan.

Hazre bin Haron
Juruteknik




Pusat Bahasa &
Pembangunan Insan




Hassan bin Adnan

Pensyarah Kanan

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 1 Julai 2003 sebagai Pensyarah Kanan di Jabatan Pengajian Kokurikulum, Pusat Bahasa dan Pembangunan insan. Saya telah membantu dalam menyediakan dokumentasi sokongan jabatan dan pusat seperti ISO, buku panduan kemahiran insaniah, buku panduan pusat dan membina serta mengemas kini rancangan pengajaran serta pengajaran dan pembelajaran mata pelajaran kokurikulum.

Saya telah menjadi Ahli Jawatankuasa ICCD 2010, Ahli Jawatankuasa ISO, Ahli Jawatankuasa Teknikal olahraga UTeM dan penyelaras mata pelajaran kokurikulum. Sebagai penyelaras dengan usaha dan kerjasama ahli jawatankuasa telah berjaya mengadakan pusat sumber PBPI. Sebagai ahli akademik terdapat empat kertas kerja telah dibentangkan iaitu di seminar anjuran Universiti Utara Malaysia (Jun, 2010), Universiti Malaysia Sabah (Oktober, 2010), Universiti Tenaga Nasional (November, 2010), Seminar Antarabangsa Sejarah dan Arkian Empayar Johor-Riau (November, 2010) dan Universiti Lancang Kuning, Pekan, Indonesia (Disember, 2010).

Kesungguhan dan keikhlasan menunai tanggungjawab mewarnakan keperibadian



Merupakan seorang pensyarah di Jabatan Pembangunan Insan yang begitu aktif dalam bidang-bidang penyelidikan, penulisan dan aktiviti masyarakat. Pada tahun 2010, saya telah berjaya mendapatkan tiga geran penyelidikan FRGS di mana saya sebagai ketua penyelidik kepada kajian dalam bidang kepimpinan dan dua lagi kajian sebagai penyelidik bersama dalam bidang pengurusan maklumat dan keusahawanan. Saya juga amat aktif dalam penulisan, di mana telah menerbitkan 11 artikel dalam persidangan antarabangsa dan tiga dari artikel tersebut adalah diiktiraf dalam *Thomson Reuter ISI Index*. Saya juga telah menghasilkan modul pengajaran subjek Pemikiran Kritis dan Kreatif yang banyak membantu pelajar dalam mengaplikasikan kemahiran yang dipelajari.

Di samping tugas-tugas sebagai pensyarah, saya juga amat aktif dalam aktiviti kemasyarakatan sama ada di peringkat jabatan, universiti dan masyarakat luar. Antara pencapaian saya adalah sebagai Setiausaha Jawatankuasa Masjid UTeM, Timbalan Pengarah ICCD 2010. Di peringkat kebangsaan saya merupakan naib presiden bagi Persatuan Pemotoran Melaka yang pada tahun 2010 telah berjaya memenangi Anugerah Johan Sukan Untuk Semua (ASUS) peringkat kebangsaan. Di peringkat antarabangsa pula saya merupakan salah seorang ahli jawatankuasa bagi *European Conference on Innovation and Entrepreuneurship (ECIE2011), Scotland. ECIE* telah diiktiraf oleh *Thomson Reuter ISI Index* dan *Institution of Engineering and Techonoly ,UK.*

Sikap saya yang sentiasa berusaha untuk meningkatkan kemajuan diri dan PBPI menyebabkan saya menjadi contoh pendidik di PBPI.


Aziz bin Yahya
Pensyarah



Mula bertugas sebagai Pembantu Tadbir (Kewangan) di UTeM pada 10 Mac 2008. Pengalaman bekerja di sektor awam sebelum ini, menjadi aset kepada saya untuk membantu menguruskan soal kewangan dan perakaunan di PBPI supaya lebih telus. Antaranya ialah mewujudkan sistem pemfailan dokumen yang lebih sistematik bagi memudahkan proses pencarian serta pengauditan. Selain itu, daripada aspek kewangan juga, saya terbabit secara langsung dalam pelbagai program universiti, seperti *International Conference Communication Dynamics (ICCD 2010)*, Kolokium Tilian Integrasi Etnik Siri 2/2010, Forum Pengukuhan Integriti 1 Malaysia, dan Majlis Konvokesyen UTeM ke-6.

Sungguhpun tegas dan dedikasi menjadi amalan sewaktu menjalankan tugas, saya sebenarnya seorang yang peramah, suka membantu, dan mudah didekati. Ketegasan adalah antara faktor penting bagi memastikan setiap prosidur dan peraturan kewangan sedia ada, dipatuhi semua pihak di PBPI. Baginya, saat paling manis dan melegakan ialah apabila dapat 'menghantar buku vot' pada masa yang ditetapkan.

Saya menganggap anugerah perkhidmatan cemerlang (APC) ini adalah rezeki "orang baru". Saya turut beranggapan kejayaan itu bukan milik dirinya seorang, malah ia adalah kejayaan untuk semua staf di PBPI. Bagi saya, tanpa kerjasama yang diberikan oleh semua pihak, adalah sukar bagi saya untuk menjalankan tugas dengan berkesan.




Saya mula berkhidmat sebagai Guru Bahasa di Jabatan Bahasa, Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan (PBPI) pada 1 hb April 2008. Sepanjang perkhidmatan saya telah diamanahkan untuk mengajar subjek Bahasa Jepun di peringkat Sarjana Muda dan Diploma.

Di samping tugas hakiki yang diamanahkan, saya juga terlibat dalam aktiviti penyelidikan jangka pendek. Saya juga dilantik sebagai Penyelaras program Bahasa Jepun untuk staf (Japanese in Bits and Pieces), Ahli Jawatankuasa laman web (Penterjemahan Bahasa Jepun) peringkat Universiti dan di peringkat PBPI, saya juga dilantik sebagai Penyelaras Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan, Ahli Jawatankuasa Unit Kemahiran Insaniah serta Ahli Jawatankuasa Biro Kebajikan dan Staf. Selain itu saya juga aktif mewakili PBPI dalam sukan ping pong.

Saya amat bersyukur ke hadrat Allah SWT kerana telah memberikan anugerah ini dan berharap akan menjadi perangsang untuk terus melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan lebih cemerlang pada masa hadapan.

Mohd Nizam bin Yusof
Guru Bahasa


Rohayati
Nor Azilah



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 1 Mac 2004 sebagai Tutor dan kemudiannya telah menyambung pengajian di peringkat sarjana dalam bidang Sejarah Falsafah Sains pada pertengahan tahun 2005 hinggalah 2006 di Fakulti Sains, Universiti Malaya. Tahun 2007 kembali semula berkhidmat di UTeM sebagai pensyarah dan telah dipertanggungjawabkan untuk mengajar mata pelajaran wajib universiti. Tugas yang diberi akan dijalankan dengan penuh kompeten dan dedikasi supaya tanggungjawab terutamanya dalam mendidik anak bangsa dapat dilaksanakan dengan sebaik-baiknya.

Juga telah dilantik sebagai penyelaras mata pelajaran falsafah Sains dan Hubungan Etnik. Turut menyandang jawatan sebagai Penyelaras Jawatan Kuasa Kualiti PBPI 2011, Menjadi AJK Tajaan SKIKS 2009, AJK Badan Kebajikan dan Staf PBPI dan lain-lain lagi. Turut aktif dalam menjalankan penyelidikan Jangka Pendek serta turut mewakili PTJ dalam sukan Badminton dan Bola Jaring.

Percaya bahawa dengan adanya sikap tanggungjawab, jujur dan ikhlas dalam melaksanakan tugas yang diberikan akan membuahkan hasil dan kepuasan diri yang tinggi.

Nor Azilah binti Ahmad
Pensyarah

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 21 November 2003 sebagai Pembantu Tadbir (Keseliausahaan)dan mula ditempatkan di Pusat Universiti Industri (UNIC) bermula 12 Januari 2004 sehingga tahun 20 Julai 2008. Bermula 21 Julai 2008 saya ditempatkan di Pusat Bahasa dan Pembangunan Insan sebagai Setiausaha Pejabat sehingga kini. Disamping tugas hakiki menjaga dan menguruskan Dekan, saya juga membantu urusan pentadbiran pejabat dan membantu rakan sekerja dalam urusan seharian.

Saya menjadi Setiausaha bagi Biro Keagamaan dan Sahsiah UTeM bagi tahun 2010 dan 2011 dan giat menjalankan aktiviti yang berkaitan. Selain itu, saya juga merupakan ahli Persatuan Setiausaha Pejabat UTeM (SATU). Saya juga memegang jawatan Biro Kerohanian bagi Persatuan Badan Kebajikan Staf PBPI (BAKES).


Keikhlasan dan kesungguhan bekerja memberikan kepuasan dan kesan pada hubungan dengan Yang Maha Pencipta dan manusia sekeliling serta organisasi.

Rohayati binti Abdullah
Setiausaha Pejabat




Pejabat
Pembangunan





Berpengalaman selama 19 tahun yang mana 10 tahun sebagai Juruteknik Awam/Penyelia Tapak di Syarikat Swasta, 4 tahun sebagai Penolong Jurutera dan 5 tahun sebagai Penolong Jurutera Kanan di Unit Pembinaan, Universiti Teknikal Malaysia Melaka.

Berasaskan skop kerja antaranya saya telah terlibat membantu Jurutera dalam pengurusan dan pentadbiran kontrak pembangunan Kampus induk, UTeM yang telah melangkaui dua (2) Rancangan Malaysia iaitu RMK 8 dan RMK 9. Selain dari itu, saya juga terlibat untuk melaksanakan projek-projek dalaman *(one off project)* yang telah dirancang. Penglibatan dalam aktiviti dan majlis-majlis Universiti iaitu Majlis Konvokesyen saya telah ditempatkan dibawah Jawatankuasa, Pesta Konvokesyen manakala SUKUM pula saya telah dilantik sebagai Setiausaha, Jawatankuasa Pengangkutan, Prasarana Dan Kemudahan. Saya juga bergiat aktif dengan sukan yang mana telah mewakili Pejabat Pembangunan dan memenangi acara Melontar Peluru dengan pingat perak dan gangsa dalam acara Merejam Lembing dalam Sukan Antara Jabatan. Saya juga merupakan Ahli Jawatankuasa Ekonomi, Kelab Kebajikan Dan Reakreasi, Pejabat Pembangunan.

Adakalanya kita rasa 'cemburu' dengan pencapaian, kejayaan, harta dan perolehan orang lain. Tanpa dikawal 'cemburu' itu juga boleh memakan diri dan menghasilkan kedengkian. Berasaskan prinsip dan kepercayaan bahawa jika bukan rezeki, apa jua tindakan yang kita lakukan tetap tidak akan diperoleh. Apa yang penting adalah usaha dan tawakal serta redha dengan apa jua hasilnya. Semuanya adalah anugerah rezeki masing-masing maka hati akan tenang.

Faizal bin Kamidi
Penolong Jurutera Kanan

Memulakan perkhidmatan di UTeM sebagai Jurutera Elektrik pada 2 Mac 2002 dan ditempatkan di Pejabat Pembangunan. Bertanggungjawab bagi memastikan bekalan elektrik, sistem elektrik serta sistem komunikasi di universiti berada dalam keadaan baik dan selamat.

Sebagai Penyelaras MS ISO Pejabat Pembangunan, saya bertanggungjawab supaya semua prosedur yang terlibat dengan Pejabat Pembangunan dipatuhi oleh semua staf sewaktu melaksanakan tugas harian saya. Diberi kepercayaan untuk menjadi Pengerusi program 5S di Pejabat Pembangunan pada 2010.

Kejayaan saya adalah kejayaan semua staf di bawah seliaan saya khasnya dan semua staf di Pejabat Pembangunan amnya. Ia adalah hasil usaha dan kerjasama serta komitmen padu semua pihak. Terima kasih semua.

Fouziah binti Ramli
Jurutera Elektrik






Berpengalaman lebih kurang 15 tahun sebagai pelukis pelan. Pernah memenangi Anugerah Persatuan Arkitek Malaysia (PAM) pada 2007. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 2 Mei 2008 sebagai Pelukis Pelan di Unit arkitek, ubahsuai dan kelengkapan bangunan Pejabat Pembangunan. Saya banyak menyediakan lukisan persembahan (3D) untuk hiasan dalaman dan bangunan UTeM. Selain itu, saya juga menyediakan lukisan persembahan (3D) untuk majlis konvokesyen pada setiap tahun. Segala arahan yang diberikan pada saya akan saya patuhi dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah. Penerokaan perlu dalam satu bidang perlu untuk meningkatkan mutu dan minat terhadap kerja.

Saya mewakili UTeM dalam SUKUM 2010 dalam acara Boling Padang dan memenangi gangsa. Selain itu mewakili Melaka untuk MAKSAK dalam acara yang sama. Saya juga aktif mewakili PTj dalam boling padang pada 2009,2010 dan 2011. Saya juga mewakili UTeM dalam Konvensyen KIK di Universiti Putra Malaysia dan dianugerahkan pingat gangsa.

Dimana ada usaha, kesungguhan, keikhlasan dan tanggungjawab di situ pasti ada kejayaan.

Fadliedie bin Yaakop
Pelukis Pelan


146



Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 11 Februari 2008 sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor (R3) di Pejabat Pembangunan. Mula ditugaskan di Unit Kenderaan dan kini bertugas di Unit Upacara dan tugas-tugas khas. Walaupun bertugas sebagai pemandu lori untuk Unit Upacara saya juga terlibat untuk kerja-kerja penyusunan, mengemas dan mengangkat peralatan setiap program Universiti. Saya juga terlibat dalam sukan dengan mewakili Pejabat Pembangunan dalam acara ping pong dan olahraga untuk Sukan Antara Jabatan (SAJ)

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberi penghargaan seperti ini. Sebenarnya ini adalah dorongan dari teman sekerja di pejabat pembangunan terutama di unit upacara yang banyak membantu saya melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Terima kasih saya ucapkan.


Baharin bin Ali Moallaf
Pemandu Kenderaan

Mokhtar bin Murtuza
Pekerja Awam Kanan

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 1 April 2004 sebagai Pekerja Rendah Awam di Pejabat Pembangunan. Mula ditugaskan di Unit Upacara pada tahun 2004 dan kemudian ditukarkan ke Unit Kontrak dan kini bertugas di Unit Penyelenggaraan sebagai Pekerja Awam Kanan. Sebagai Pekerja Awam Kanan saya terlibat dalam kerja-kerja pemantauan pembersihan di Kampus Induk dan juga membantu kerja-kerja penyusunan peralatan bagi program universiti untuk membantu unit upacara sekiranya perlu.

Pencapaian sepanjang berkhidmat bersama UTeM adalah, mewakili UTEM dalam acara bolasepak veteran (SUKUM, MTUN), Menjadi Urusetia bolasepak SAJ, Wakil Pejabat Pembangunan dalam acara olahraga, badminton dan bolasepak dan menjadi AJK kecil 7 pelaksana Konvokesyen

Saya bersyukur ke hadrat Ilahi kerana diberi penghargaan seperti ini. Sebenarnya ini adalah dorongan dari semua teman sekerja di pejabat pembangunan yang banyak membantu saya melaksanakan tanggungjawab yang diberikan. Terima kasih saya ucapkan.



2010 menambahkan koleksi kenangan manis buat diri saya apabila terpilih bagi menerima anugerah perkhidmatan cemerlang buat kali ketiga sesungguhnya pengiktirafan ini begitu bermakna. Sesungguhnya kesyukuran ke hadrat Illahi yang tidak terhingga. Ternyata ia menzahirkan satu mekanisme dalam diri saya agar melaksanakan kerjaya ini dengan lebih efisyen, cemerlang, gemilang dan terbilang.

Ternyata tahun 2010 begitu banyak cabaran yang perlu ditempuh bagi penyediaan peralatan keperluan pelajar untuk Asrama Pulau Gedong dan pusat-pusat tanggungjawab yang lain disamping penyediaan dokumen dan pemasangan petanda nama untuk keseluruhan Kampus Induk serta kerja-kerja ubahsuai dan hiasan dalaman untuk pejabat-pejabat bagi memenuhi keperluan pusat tanggungjawab.

Walaupun sibuk dengan tugasan hakiki, penglibatan dalam bidang sukan tidak dilupakan apabila menyertai hampir semua bidang sukan dalam Kejohanan Sukan Antara Jabatan dan nyata ianya memberikan kepuasan dan mampu melepaskan tekanan kerja. Walaupun demikian, sokongan padu dan tunjuk ajar daripada Ketua Jabatan, Ketua Unit, pegawai-pegawai lain, dan rakan-rakan seperjuangan tidak mungkin saya lupakan. Terima kasih tidak terhingga kerana menghargai pengorbanan saya dan rasanya beban ini cukup terbalas. Akhir sekali, kesyukuran yang tidak terhingga kehadrat Allah s.w.t. dan terima kasih atas limpahan rezeki yang diberikan.

Norzalina binti Anuar
Juruteknik Senipina

Md. Shahrul Nizam bin Md Irham

Pemandu Kenderaan

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 2 Januari 2002 sebagai Pemandu Kenderaan Bermotor Gred R3 dan ditempatkan di Pejabat Pembangunan.

Saya pernah diberi tanggungjawab untuk membawa Rektor dan pemandu kedua Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi) sehingga sekarang. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai Pemandu, saya turut diberi kepercayaan untuk membantu dalam tugas-tugas pentadbiran dan perkeranian di Unit Kenderaan. Saya pernah mewakili universiti dalam sukan golf dan dilantik menjadi AJK Pertandingan & Teknikal Kejohanan Golf, semasa UTeM menjadi tuan rumah pada tahun 2003. Bagi saya tugas sebagai Pemandu adalah satu tanggungjawab besar yang perlu digalas bagi memastikan pengguna yang dibawa sampai ke destinasi dengan selamat.

Anugerah ini menjadi penyuntik semangat untuk saya meningkatkan kualiti kerja pada masa akan datang. Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua dan rakan-rakan sekerja yang banyak memberi dorongan dan bantuan dalam mencorakkan prestasi kerja saya selama ini.




Mohd Faisal
Anis
150



Noraina binti Jambol


Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi)

Bersyukur ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia & kekirannya, kerana dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang bagi tahun 2010.

Memulakan kerjaya pada 24 Februari 2003 sebagai Pembantu Tadbir (P/O) dan kini ditempatkan di Bahagian Penyelenggaraan, Pejabat Pembangunan. Bertanggungjawab membantu Jurutera Awam dalam melaksanakan urusan pentadbiran serta menguruskan bil-bil utiliti meliputi keseluruhan kampus dan asrama pelajar.

Di samping itu, saya juga terlibat sebagai Ahli Jawatankuasa Majlis Kenyakesyen UTeM selama 2 tahun berturut-turut. Sekain daripada itu, saya juga aktif mewakili PTj dalam sukan olahraga, Badminton dan Bowling sepanjang tahun 2009 dan 2010.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih tidak terhingga kepada semua pegawai kerana memberi peluang, sepenuh kepercayaan dan kebebasan bekerja di samping memberi galakan dan dorongan serta tidak dilupakan keluarga serta rakan-rakan yang banyak memberi kerjasama dalam merealisasikan tugasan yang diamanahkan.



Bersyukur saya ke hadrat Ilahi kerana dengan limpah kurnia & kebinannya, maka saya telah terpilih sebagai salah seorang penerima Anugerah perkhimatan Cemerlang bagi Tahun 2010.

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 02 Jun 2006 sebagai Penjaga Jentera Elektrik (R17) di Unit Elektrik, Pejabat Pembangunan.

Setinggi-tinggi jutaan terima kasih kepada pegawai-pegawai atasan saya kerana memberi peluang, kepercayaan, dan kebebasan bekerja disamping memberi galakan dan dorongan serta tidak dilupakan ialah keluarga tercinta dan rakan-rakan yang banyak membantu dan memberi kerjasama yang mana telah meringankan beban kerja dan melancarkan tugasan yang diberikan. Bertanggungjawab kepada Juruteta Elektrik ke atas pemasangan elektrik di Kampus Induk, Kampus Industri, Kampus Bandar dan Kolej-kolej Kediaman Pelajar UTeM, membuat pemeriksaan, penyelliaan dan penyelenggaraan keseluruhan pemasangan elektrik supaya ianya selamat digunakan, disamping itu saya turut terbabit secara langsung didalam Majlis Rasmi Universiti antaranya Majlis Konvokasyen, Minggu Haluan Siswa dan lain-lain.

Di antara sumbangan yang telah dicurahkan selama berkhidmat di UTeM adalah terbabit secara langsung di dalam proses pemeriksaan dan penyerahan bangunan Kampus Induk daripada pihak kontraktor kepada UTeM. Disamping itu saya turut menjadi Ahli Jawatankuasa Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK), Pejabat Pembangunan mewakili UTeM diperingkat Universiti.

Kejayaan akan tercapai jika ada kesabaran, kesungguhan, ke ikhlasan dan semangat kerjasama berkumpulan didalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan.

Mohd Faisal bin Adam
Penjaga Jentera Elektrik


Mula bertugas di Utem pd Jun 2001. Sebagai seorang juruteknik Awam, saya telah ditugaskan untuk memantau kerja-kerja pembinaan khususnya di dalam Pembinaan Kampus Induk dari awal hingga ke sekarang. Bertanggungjawab juga untuk memantau kerja-kerja penyelengaaraan di semua bangunan yang masih di dalam Tempoh Kecacatan.

Mewakili Jabatan didalam beberapa sukan peringkat universiti. Sebagai Penolong Ketua Kumpulan KIK Pejabat Pembangunan.

Kejayaan tidak akan datang tanpa usaha. Usaha tak akan berjaya tanpa mencubanya. Untuk mencubanya perlu lah kita melaksanakannya. Perlaksanaan yang berjaya adalah usaha yang dibuat bersama-sama dengan rakan sekerja.

Anis bin Md Tahir
Juruteknik Kanan


Pusat Komputer



Aida binti Salleh

Penolong Pendaftar

Mula berkhidmat di UTeM pada 31 Mac 2008 sebagai Penolong Pendaftar di tempatkan di Bahagian Perhubungan Awam dan Korporat. Pada 23 April 2009, ditukarkan ke Pusat Komputer bertanggungjawab mengetuai Bahagian Pentadbiran dan Sumber Manusia.

Menjalankan aktiviti promosi & publisiti universiti. Menyediakan kenyataan akhbar untuk media dan terbitan tertentu seperti majalah terbitan agensi luar. Menguruskan tetamu VIP dan media setiap aktiviti rasmi universiti. Menguruskan jemputan untuk aktiviti rasmi universiti. Mengawal selia cenderamata korporat universiti, menguruskan lawatan dari agensi luar ke universiti, Melaksanakan tugas-tugas pentadbiran dan kewangan.

Menguruskan Jabatan Pentadbiran & Sumber Manusia dan Jabatan Latihan. Melaksanakan segala aspek ehwal pentadbiran & personel termasuk pembelian peralatan & penyelenggaraan, aktiviti rasmi jabatan, bahan terbitan jabatan, kebajikan staf, tatatertib, bekerjasama dengan Bahagian Pembangunan Sumber Manusia mengendalikan kursus literasi ICT kepada staf UTeM. Kursus ini juga dibuka kepada agensi luar yang mana membantu universiti menjana pendapatan. Selain itu, sewaan ruang juga merupakan punca pendapatan utama sumbangan Pusat Komputer kepada UTeM. Berperanan mengembangkan lagi fungsi pentadbiran dan latihan.

Saya sentiasa memastikan prestasi kerja dikekalkan walaupun berada dalam keadaan tekanan. Setiap projek "assignment" yang diberikan sama ada yang telah dirancang dari awal tahun mahupun yang diberi secara tiba-tiba (ad-hoc) diselesaikan dengan cemerlang walaupun dalam tempoh "timeframe" yang minimum atau pertindihan keperluan dalam satu masa. Berjaya mengembangkan Jabatan Latihan Pusat Komputer khususnya, UTeM umumnya kepada agensi-agensi kerajaan di Melaka menerusi latihan-it, Program Khidmat Masyarakat, khidmat konsistensi dan sewaan ruang melalui pelbagai kaedah promosi dan pemasaran yang giat dijalankan.

Think positive & steps ahead than others, always turn the crisis into an opportunity to develop our talent, utilized your skills and experiences, set the intention, and focus on your performance to achieve the goal. Go ahead, as long as you are at the right track. A survivor is those who are able to adapt at any situation. While things may start off in a challenging way, they'll give you the chance to show off your capabilities and skills and you will shine! In fact, you may even earn a pay rise or promotion.




Hajroni bin Fadzilah

Penolong Pegawai Teknologi Maklumat

Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada 14 Oktober 2003 sebagai Penolong Pegawai Teknologi Maklumat berstatus sementara di Pusat Komputer. Pada tanggal 1 Mac 2004 diserapkan ke jawatan Penolong Pegawai Teknologi Maklumat berstatus tetap. Ditempatkan di Unit Pembangunan Sistem Maklumat dan berpengalaman dalam pembangunan dan penyelenggaraan pelbagai sistem, antaranya adalah Sistem Maklumat Sumber Manusia(SMSM), Sistem Maklumat Pelajar(SMP), Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu(SMKB) dan *University Research Information System(URIS)*. Saya diamanahkan untuk menjalankan tugas pembangunan, pelaksanaan dan penyelenggaraan bagi setiap modul-modul yang telah dibangunkan untuk tujuan penggunaan di setiap PTj.

Saya merupakan ahli jawatankuasa teknikal untuk majlis pengambilan pelajar baru, ahli jawatankuasa teknikal majlis perwakilan pelajar dan ahli jawatankuasa teknikal majlis graduan pelajar. Selain itu, saya juga merupakan tenaga pengajar bagi kelas yang dianjurkan oleh Unit Pembangunan Sumber Manusia bersama Pusat Komputer di dalam subjek *Microsoft Excel 2007 (Intermediate and Advanced)* dan Pengaturcaraan PHP. Saya juga terlibat dalam program Khidmat Masyarakat bagi pelajar-pelajar sekolah bagi Program Celik IT dan dilantik dalam subjek Pembangunan Laman Blog. Selain itu, saya juga dilantik untuk mewakili Pusat Komputer bagi jawatankuasa OSHA di dalam kumpulan *First Aid Team(FAT)* untuk menentukan tahap keselamatan di tempat kerja serta teknik-teknik memberi bantuan keselamatan. Saya juga aktif mewakili PTj di dalam acara bowling padang dan karom.

Meningkatkan pengetahuan dan kemahiran dalam kerjaya untuk menjadi lebih baik dari hari semalam.



Saya mula berkhidmat di UTeM pada 10 Julai 2004 sebagai Pegawai Teknologi Maklumat di Pusat Komputer dan kini ditempatkan di Jabatan Penyelenggaraan Sistem Maklumat Kewangan Bersepadu dan URIS. Saya sentiasa beranggapan bahawa dalam kita melaksanakan sesuatu tanggungjawab yang diberikan, kita perlu amanah, dan sentiasa memberikan komitmen yang tinggi supaya segalanya berada di tahap yang baik lagi memuaskan.

Pada awal pembabitan di Pusat Komputer, saya dipertanggungjawabkan untuk memantau pembangunan dan pelaksanaan beberapa modul dalam SMKB yang pada ketika itu dibangunkan oleh vendar. Kemudian, bermula tahun 2007 SMKB secara keseluruhannya dibangunkan secara dalaman bagi menggantikan sepenuhnya sistem terdahulu dan ianya telah berjaya dilaksanakan pada September 2009. Pada tahun 2008 pula saya dipertanggungjawabkan untuk memantau pembangunan dan pelaksanaan Sistem Maklumat Penyelidikan UTeM (URIS) yang dibangunkan secara dalaman mengikut keperluan pengguna dari semasa ke semasa. Memang besar amanah dan tanggungjawab yang diberikan tetapi tanpa bantuan dan tunjuk ajar dari rakan-rakan sekerja tidak mungkin saya berada di tahap ini sekarang. Berkat usaha dan komitmen yang diberikan saya telah dipilih sebagai Staf Cemerlang Pusat Komputer 2009 dan 2010 dalam kategori Personaliti Terbaik (Wanita) hasil undian staf Pusat Komputer sendiri.

Saya telah dilantik untuk menjadi tenaga pengajar bagi kelas-kelas literasi IT yang dianjurkan oleh Pejabat Pendaftar dengan kerjasama Pusat Komputer sejak beberapa tahun yang lalu. Saya juga merupakan AJK Kelab Sukan dan Kebajikan Pusat Komputer (K-SCOM), AJK Majlis Konvokesyen UTeM Ke-6, Petugas Dalam Majlis Perwakilan Pelajar dan AJK Persatuan Ibubapa dan Guru (PIBG) Sekolah Kebangsaan Ayer Keroh, Melaka.

Raihana binti Md. Kasim
Pegawai Teknologi Maklumat

Shahrul Anuar bin Ramli

Pembantu Tadbir (P/O)

Saya mula berkhidmat di UTeM pada 03 September 2008 dan ditempatkan di Bahagian Rangkaian Dan Sokongan Sistem sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian/ Operasi) di Pusat Komputer. Antara tugas saya adalah memastikan pengurusan aset atau inventori di Pusat Komputer dilakukan secara teratur bermula pendaftaran sehingga pelupusan aset atau inventori. Saya juga sering membantu dari segi menguruskan pinjaman peralatan komputer untuk program universiti dan program luar. Menjawab panggilan telefon dari pengguna (Helpdesk) yang mempunyai masalah komputer untuk dimasukkan ke dalam sistem helpdesk. Selain dari tugas hakiki, saya juga diamanahkan sebagai petugas bagi pendaftaran pelajar baru dan pengurus sukan dam bagi K-Scom Pusat Komputer. Selain itu, saya juga aktif di arena sukan yang mewakili Pusat Komputer dalam Sukan Antara Jabatan bagi sukan bola sepak dan sepak takraw.

"Sebaik-baik pekerjaan ialah usaha seseorang dengan tangannya sendiri"

Saya menerima kasih kepada semua staf Pusat Komputer yang sudi memberi tunjuk ajar kepada saya





Khairin bin Abdullah

Juruteknik Komputer

Saya memulakan perhidmatan di UTeM pada tanggal 2 Jun 2006 sebagai Juruteknik Komputer di Pusat Komputer dan di bawah Unit Penyelenggaraan Komputer dan kini saya ditempatkan di bawah unit Rangkalan .Saya banyak membantu dalam proses membaikpulih Komputer dari segi peralatan dalaman komputer, pencetak ,rangkalan dan Installasi perisian. Saya sentiasa dirujuk oleh staf baru dan pelajar yang menjalankan latihan industri di Pusat Komputer.Setiap arahan yang diberikan akan saya patuhi dan mengerjakannya dengan penuh tanggungjawab, jujur dan amanah.

Sepanjang perkhidmatan saya di UTeM saya juga terlibat dalam program-program universiti seperti menjadi Ahli Jawatankuasa pendaftaran pelajar, Ahli Jawatankuasa konvokesyen, Ahli Jawatankuasa Jom Masuk U, Ahli Jawatankuasa Pilihan Raya Pelajar. Selain daripada itu saya juga turut mewakili UTeM , Belia Malaysia ,Kerajaan Negeri Melaka dalam acara badminton serta menjadi Ahli Jawatan Kuasa badminton UTeM dan penasihat kelab badminton pelajar UTeM.

Kejayaan itu adalah hak milik mereka yang rajin berusaha serta mempunyai keinginan yang tinggi


Fakulti
Pengurusan Teknolog
&
Teknousahacipan



Prof. Madya Ahmad Rozelan bin Yunus

Timbalan Dekan (Penyelidikan Dan Pascasiswazah)

Saya memulakan tugas di UTeM pada 1 Ogos 2004 sebagai Pensyarah Kanan di Institut Pengurusan Teknologi dan Keusahawanan (IPTK), yang kini dikenali sebagai Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawan (FPTT). Dalam tempoh berkenaan, saya pernah bertugas sebagai Pengarah Bahagian Kesejahteraan Personel di Canselori, kini sebagai Timbalan Dekan (Penyelidikan dan Pascasiswazah) FPTT, dan pernah diberi tanggungjawab sebagai Ketua Jabatan Akademik IPTK. Secara profesional, saya adalah Kaunselor Berdaftar dan Pengamal Kaunseling Bertauliah dari Lembaga Kaunselor Malaysia, *Certified Trainer* dari Pembangunan Sumber Manusia Berhad, dan berkelayakan *Certification of Competency in Psychological Assessment*, daripada *California State University*.

Di peringkat universiti, saya adalah Ahli Panel Kompetensi UTeM, ahli Jawatankuasa Penentuan Teknikal UTeM dan Fasilitator Dalaman Program PINTAR. Di peringkat fakulti, saya turut menganggotai pelbagai jawatankuasa, antaranya ialah jawatankuasa Eksekutif Fakulti, Jawatankuasa Akademik Fakulti, Jawatankuasa Pengajian Siswazah Fakulti, Jawatankuasa Penyelidikan Fakulti dan Jawatankuasa Penerbitan Fakulti. Sepanjang perkhidmatan, saya telah terlibat secara langsung dalam kerja-kerja pembangunan fakulti, antaranya penubuhan pengajian MBA, penubuhan FPTT dan penubuhan Program Pengajian Sarjana Muda di FPTT. Ketika dipinjamkan di Canselori, saya telah membangun dan memperkenalkan prosedur pengambilan staf UTeM menggunakan ujian Personaliti. Sepanjang tempoh bertugas sebagai ahli akademik, saya telah menjadi penyelidik utama dan menyelesaikan 14 buah penyelidikan pelbagai peringkat geran penyelidikan. Hasil daripada penyelidikan berkenaan saya telah menerbitkan 11 artikel jurnal, 48 artikel dalam pembangunan staf dan pelajar. Sebagai pelatih dan perunding pembangunan sumber manusia berpengalaman, saya telah melaksanakan lebih 180 slot latihan pelbagai peringkat kepada staf UTeM, staf organisasi-organisasi agensi kerajaan dan swasta, pelajar universiti, kolej dan sekolah.

Apabila melihat ke luar diri, carilah kekuatan, dan ketika melihat ke dalam diri, carilah kelemahan.



Noorazilah binti mohamed

Ketua Penolong Pendaftar

Saya memulakan perkhidmatan di KUTKM yang kini dikenali dengan UTeM pada 2 Januari 2002 sebagai Penolong Pendaftar di Pusat Komputer sehingga 2004. Selepas itu telah berkhidmat di Fakulti Teknologi dan Maklumat (FTMK) sebagai Ketua Penolong Pendaftar sehingga 17 Mac 2009. Pada masa kini, saya ditempatkan di Fakulti Pengurusan Teknologi dan Teknousahawanan (FPTT) sebagai Ketua Penolong Pendaftar. Saya bertanggungjawab di dalam pengurusan operasi bagi hal ehwal pentadbiran dan pengurusan sumber manusia, kewangan dan aset serta hal ehwal akademik dan pelajar di FPTT.

Saya telah dilantik menjadi ahli jawatankuasa bagi lima jawatankuasa di peringkat universiti iaitu di antaranya Setiausaha bagi Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan peringkat Kampus Bandar, Setiausaha/urus setia bagi kenaikan pangkat staf akademik dan lain-lain lagi. Manakala di peringkat Fakulti, saya menganggotai tujuh jawatankuasa di antaranya Jawatankuasa Eksekutif, Jawatankuasa Akademik, Jawatankuasa Pengurusan Kualiti, Jawatankuasa Penerbitan dan lain-lain. Selain itu, saya terlibat urus setia/pengiring bagi lawatan kerja peringkat antarabangsa di antara FPTT dengan Nanyang Universiti Singapore (NUS) & National University Technology Singapore (NUTS), Singapura.

Keikhlasan dalam melaksanakan tugas akan menentukan kejayaan, imbuhan dan pengiktirafan akan datang dengan sendirinya.




Mohd Fazli bin Mohd Sam

Timbalan Dekan Akademik / Pensyarah

Pada tanggal 30 April 2008 saya telah memulakan perkhidmatan saya sebagai Pensyarah di UTeM khususnya yang dahulu dikenali sebagai Institut Pengurusan Teknologi & Keusahawanan (IPTK) dan sekarang telah dikenali sebagai Fakulti Pengurusan Teknologi & Teknousahawanan (FPTT). Pada peringkat awal, saya telah diletakkan dibawah Jabatan MATDEC, kemudian dibawah Jabatan Akademik dan setelah tertubuhnya Fakulti (FPTT) maka saya ditempatkan di bawah Jabatan Pengurusan Teknologi sehingga kini.Selain dari pengajaran dan pembelajaran, saya juga terlibat dalam penyelidikan, penerbitan,perundingan dan juga hal-hal pentadbiran. Dengan pengalaman yang saya perolehi sebelum ini dalam bidang pendidikan dan industri, maka ia lebih menguatkan saya dalam kerjaya saya sekarang ini.

Terlibat dengan penubuhan fakulti FPTT dan program-program yang ditawarkan oleh fakulti. Pada April 2009, saya telah dilantik sebagai Ketua Jabatan Pengurusan Teknologi dan pada Jun 2010, saya telah diberi kepercayaan untuk memegang jawatan Timbalan Dekan Akademik. Selain dari menjadi pengerusi dan ahli untuk beberapa jawatankuasa di peringkat fakulti, saya juga terlibat dalam beberapa jawatan kuasa diperingkat UTeM. Untuk peringkat luar UTeM, saya terlibat dalam penyelidikan bersama-sama dengan beberapa IPTA & IPTS yang dikendalikan oleh USM yang dinamakan SURENET *(Sustainability Research Network)* dan aktiviti perundingan untuk beberapa syarikat luar. Telah menerbitkan beberapa Journal Antarabangsa, Prosiding tempatan dan antarabangsa serta modul dan buku. Mempunyai keahlian profesional luar dan dalam negara seperti BEM *(Board of Engineers)*, IEM *(Institute of Engineers Malaysia)* dan IFMA *(International Facility Management Association, US)*.

Keyakinan, disiplin dan tanggungjawab perlu ada dalam diri untuk berjaya. Selain dari itu, kejayaan dalam kerjaya tidak boleh diperolehi jika tiada sokongan dari ahli keluarga dan rakan-rakan sekerja. Oleh itu kejayaan saya ini adalah kejayaan kita bersama.


Pusat Jaminan Kualiti
&
Akreditasi




Hjh. Sarinah binti Hj. Abd. Jalil


Setiausaha Pejabat

Hari Khamis, 19 Julai 2001, saya melaporkan diri di UTeM dan ditempatkan sebagai Pembantu Tadbir (Keselausahaan) kepada Dekan Pusat Perkhidmatan Akademik yang kini dikenali sebagai Pusat Bahasa & Pembangunan Insan sehinggalah selepas 4 orang Dekan silih berganti. Pada 21 Julai 2008, saya lapor diri di Pusat Jaminan Kualiti dan Akreditasi. Sebagai Setiausaha Pejabat, saya berusaha sebaik mungkin untuk mempermudahkan urusan rasmi Pengarah dan sentiasa melibatkan diri dalam semua aktiviti-aktiviti utama di PJKA.

Walaupun di tahun-tahun sebelum ini, saya tidak melepaskan peluang aktif bersukan seperti ping-pong, badminton, tenis dll, saya tetap terus melibatkan diri di dalam aktiviti lain seperti PERASA (Pembimbing Rakan Sekerja) sebagai AJK Penaja dan juga Kumpulan Gamelan UTeM di Majlis Konvokesyen UTeM setiap tahun.

Saya berdoa Allah s.w.t. pelihara niat saya berkhidmat di UTeM dengan ikhlas serta mendorong saya untuk terus perbaiki prestasi kerja agar benar-benar cemerlang. Terima kasih kepada semua pihak yang beri kerjasama dan juga kepercayaan kepada saya selama ini.


Pusat Pengajaran dan
Pembelajaran




Mula berkhidmat di UTeM pada 12 Februari 2008 sebagai Juruteknik Komputer di Pusat Pengajaran dan Pembelajaran (PPP). Saya bertanggungjawab menyelenggara peralatan ICT yang terdapat di bilik e-Learning PPP dan mengemaskini Laman Web PPP.

Selain tugas hakiki saya turut terlibat sebagai urus setia kursus anjuran PPP dan turut terlibat dalam penerbitan buletin Catayst PPP.Selain itu beliau merupakan Ahli Jawatankuasa *First Aid Team* dan Ahli Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Kampus Bandar. Saya juga aktif dalam permainan bola sepak dan mewakili PPP dalam Sukan antara Jabatan.

Di kesempatan ini, saya ingin mengucapkan ribuan terima kasih kepada pengarah dan pegawai di atas kepercayaan yang diberikan dalam menjalankan tugas. Tidak lupa juga kepada rakan-rakan seperjuangan yang banyak membantu dan memberi dorongan dalam kerjayanya selama ini.

Mohammad Isham bin Ishak
Juruteknik Komputer



Pusat Pengajian
Siswazah



Mula bertugas di UTeM sejak 1 Jun 2004. Selain menjalankan tugas hakiki sebagai pensyarah, juga aktif dalam penulisan buku ilmiah peringkat Kebangsaan. Antara sukan yang diceburi ialah badminton , ping pong dan olahraga 200m dan 400m.

Antara penyelidikan bagi tahun 2010 ialah menjadi Ketua (FRGS/2010/FKE/TK02/1-F0074 – *Portable Second Level Password Generator with Multiple Choices* dan ahli PJP (PJP/2010/FKE(228)S723 – *Micro-Controller Based Single Phase Power Supply of Solar Battery Charger for Gazebo Application*. Bagi penulisan dan penerbitan UTeM pula antaranya ialah *Introduction to Linear Algebra* Penulisan prosiding dan makalah yang diterbitkan adalah *The 2nd International Conference On Engineering & ICT 2010.Title: Simpler UNBabc Mapping Function for Global Positioning System (GPS) Tropospheric Delay* dan *Second Level Password Generator (The Third International Conference On Mathematics and Natural Science (ICMNS) 2010)*, Indonesia – Prosiding. Banyak aktiviti UTeM telah dijayakan antaranya menjadi AJK Laman Web universiti, AJK Biro Kertas Kerja & Poster (ICEI 2010), AJK Akreditasi Program Sarjana Muda Kejuruteraan Mekatronik, AJK Kerja Pusat Repositori Universiti Teknikal Malaysia Melaka (1/2/2010 – 31/12/2012), AJK Jawatankuasa Eksekutif Pengajian Siswazah, Setiausaha Jawatankuasa Persekitaran, Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan UTeM dan AJK dan Urus setia 'Western Digital Programme' UTeM juga menjadi penceramah Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Siri 2/2010 (8/6/2010) dan penceramah Pendidikan Moral Sempena Minggu Haluan Siswa Sesi 2010/2011 UTeM.

Bagi aktiviti masyarakat pula ialah tempat ketiga dalam Pertandingan ping pong tertutup UTeM bagi acara Perseorangan Veteran (7/3/2010), mewakili jabatan dalam sukan badminton, mewakili jabatan dalam sukan ping pong, mewakili jabatan alam olahraga (200m dan 400m), AJK Persatuan Ibu Bapa di Sekolah Menengah Norte Dame Convent 2010, Penasihat Kelab Kebudayaan dan Kesenian Cina, Penasihat UTeM Spring Festival 2010 (6/3/2010), Peserta pemilihan bahan di Pesta Buku Antarabangsa Kuala Lumpur 2010 (KLBF) di PWTC (24/3/2010), mewakili UTeM dalam Sukan Staf Antara universiti-universiti Malaysia Kali Ke 35, 2010 untuk acara 200m dan 400m di USM, Pulau Pinang (15/6/2010 – 26/6/2010), pengadil sukan skuasy Karnival Kokurikulum Matrikulasi Ke -10, Kementerian Pelajaran Malaysia 2010. (24/7/2010-28/7/2010) dan penyelaras surat khabar Mandarin dari Nanyang siang Pau dan Sin Chew Daily berkenaan aktiviti-aktiviti di UTeM. Program dan seminar yang telah dihadiri sepanjang tahun 2010 adalah seperti Bengkel Penerbitan Modul Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Serta Modul Penasihatan Akademik (29/4/2010), Bengkel Penerbitan Modul Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran Serta Modul Penasihatan Akademik (10/5/2010-11/5/2010) Seminar Kesedaran Hanya Intelek Peringkat Negeri Melaka tahun 2010/2011 (27/9/2010) dan Bengkel Pelan Tindakan Kecemasan (10-11/11/2010).


Penerbit
Universiti



Zuhana binti Johari

Pembantu Tadbir (Kewangan)

Alhamdulillah, syukur kehadrat Illahi di atas limpah dan kurnianya. Terlebih dahulu saya ingin merakamkan ucapan setinggi-tinggi penghargaan dan terima kasih kepada Pengarah dan semua staf di Penerbit Universiti yang telah banyak memberi tunjuk ajar dan teguran untuk kebaikan dan kemajuan organisasi. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 19 Februari 2003 sebagai Pembantu Tadbir (Perkeranian & Operasi) di Unit Penerbitan. Disebabkan minat yang mendalam terhadap kerja-kerja yang berkaitan dengan kewangan dan pengiraan, saya telah memohon untuk jawatan Pembantu Tadbir (Kewangan) dan alhamdulillah pada 25 Januari 2008 saya di beri peluang untuk menjawat jawatan tersebut di PTj yang sama iaitu di Penerbit Universiti. Bidang tugas tertumpu kepada kerja-kerja yang berkaitan dengan kewangan seperti menyediakan pesanan tempatan bagi perolehan bekalan dan perkhidmatan, memproses permohonan pembayaran invois/bil dan pelbagai tuntutan, menguruskan rekupmen panjar wang runcit, membantu menyediakan buku vot, membuat laporan pesanan tempatan dan laporan buku vot, membantu dalam pengurusan rekod aset dan inventori dan membantu dalam pengurusan bajet ABM Pejabat Penerbit Universiti.

Di Penerbit Universiti saya memegang jawatan sebagai Bendahari untuk Kelab Cerio Penerbit (KECEPER), menjadi ahli untuk Sri Kesidang bagi sesi 2009/2010, Urusetia (biro kewangan, pameran dan jualan) untuk Pesta Buku UTeM 2010, Ahli Jawatankuasa program khidmat masyarakat bersama warga emas Rumah Seri Kenangan Cheng, Melaka, anjuran Pejabat Penerbit Universiti, menjadi sukarelawan untuk Majlis Ibadah Qurban & Aqiqah UTeM anjuran Pusat Islam dan urus setia untuk Kursus Asas Pengajaran Dan Pembelajaran Siri 2/2010 (Sesi 2) anjuran Pusat Pengajaran Dan Pembelajaran.

Kejayaan tidak akan tercapai sekiranya tiada usaha dan kesungguhan dalam melaksanakan setiap tanggungjawab yang diberikan.


Perpustakaan



Alhamdulillah bersyukur ke hadrat Illahi kerana dipilih sebagai salah seorang penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kali ini. Saya memulakan perkhidmatan di UTeM pada tanggal 26 Februari 2003 sebagai Pustakawan di Pejabat Perpustakaan dan ditempatkan di Unit Perolehan Jurnal dan bertanggungjawab menguruskan pembelian jurnal bercetak dan pangkalan data di perpustakaan. Kini, saya telah di tempatkan di Unit Pengindeksan merupakan antara unit yang terpenting di dalam pengurusan perpustakaan yang melibatkan proses mengkatalog semua jenis bahan yang diperolehi menerusi pembelian bahan, pertukaran atau sumbangan.

Saya telah menjadi Ahli Jawatankuasa Sambutan Ibubapa untuk Majlis Konvokesyen UTeM selama 8 tahun berturut-turut. Selain itu, saya terlibat dalam penyediaan dokumen Sistem Pengurusan Kualiti (SPK) ISO 9001 : 2008 di peringkat perpustakaan. Saya juga turut membantu menjayakan program Festival Membaca sebagai Naib Bendahari juga pernah menyandang jawatan Setiausaha dan Bendahari untuk Kelab LISTAC di perpustakaan. Dalam bidang sukan pula saya telah menyertai bola tampar dalam Sukan Antara Jabatan.

Ucapan setinggi-tinggi terima kasih kepada Ketua Pustakawan, Timbalan Ketua Pustakawan dan semua staf perpustakaan yang telah banyak memberi dorongan, tunjuk ajar dan kerjasama yang baik dalam membantu memikul tugasan yang dipertanggungjawabkan oleh universiti. Tidak lupa juga kepada suami dan anak-anak tersayang yang telah menjadi tulang belakang sepanjang berkhidmat di UTeM. Semoga dengan anugerah ini, saya akan lebih bersemangat untuk terus memperbaiki segala kelemahan yang ada dan akan terus cemerlang lagi pada masa akan datang.

Fauziah Hassan
Pustakawan



Saya mula berkhidmat di UTeM pada 22 Mac 2004 sebagai Pembantu Am Pejabat dan ditempatkan di Pejabat Perpustakaan. Saya melaksanakan tugas di dua lokasi Pejabat Perpustakaan iaitu di Kampus Bandar dan Kampus Induk dalam urusan mengambil hasil kutipan wang kaunter ,pinjaman antara Perpustakaan dan surat menyurat. Disamping itu, saya memberikan seperuh kerjasama dan komited dengan tugas dan tanggungjawab yang diberikan kepada semua pihak.

Dari segi pencapaian saya terlibat dengan program-program seperti Majlis Hari Raya Aidilfitri UTeM,Festival Membaca dan aktiviti Kemasyarakatan serta Kerohanian .Saya juga aktif dalam aktiviti kesukanan dan mewakili pejabat Perpustakaan dalam sukan antara Jabatan seperti karom, badminton, futsal dan olahraga.

Alhamdulillah di atas anugerah yang diberikan dan berharap anugerah ini menjadi inspirasi saya untuk terus berkhidmat dengan lebih cemerlang. Terima kasih kepada keluarga tercinta, ketua pustakawan, timbalan ketua pustakawan kanan dan rakan sekerja yang memberi tunjuk ajar serta dorongan selama ini.

Amir Hafizuddin bin A.Bakar
Pembantu Am Pejabat







